

PERUBAHAN ADAT PENGKEBUMIAN PUNAN BAH

ANGELANE MULA ANAK BUNYAU

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2019

**PERUBAHAN ADAT PENGKEBUMIAN PUNAN BAH**

**ANGELANE MULA ANAK BUNYAU**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA  
PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Angelane Mula anak Bunyau

No. Matrik: JGA130019

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Pengajian Melayu

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Bidang Penyelidikan: Sosiobudaya Melayu

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama: Mohd. Effindi bin Samsudin

Jawatan: Penyelia

## **ABSTRAK**

Kajian ini menjelaskan perincian perubahan adat pengkebumian yang berlaku dalam kebudayaan Punan Bah. Perubahan adat terpilih sebagai isu pokok kajian ini kerana pentingnya adat dalam kehidupan manusia dan dengan berubahnya adat menunjukkan akar umbi kehidupan sebuah masyarakat itu telah mengalami perubahan. Untuk itu, kajian ini akan menjelaskan pola perubahan adat yang berlaku dengan meneliti tatacara yang dilakukan semasa berlakunya kematian sehingga pelaksanaan adat pengkebumian dan meneliti setiap proses pembinaan setiap tapak pengkebumian yang digunakan. Penelitian dibuat berpandukan teori konflik yang dikemukakan oleh Ralf Dahrendorf (1929-2009). Teori ini menekankan beberapa elemen utama yang menimbulkan konflik seperti peranan pemerintah yang menggunakan kuasa dan kedudukan mereka terhadap masyarakat sehingga menuntut perubahan berlaku.

Penemuan ini penting untuk menjawab pernyataan yang dikemukakan oleh Ida Nicolaisen (2015) yang menyatakan kesedaran generasi muda Punan Bah terhadap perubahan yang berlaku di Sarawak bukan sahaja mengubah cara hidup mereka malah akan menyebabkan kebudayaan tradisional mereka hilang. Pernyataan tersebut memberi gambaran kritikal terhadap perubahan yang berlaku dalam adat asal Punan Bah, termasuklah adat pengkebumian. Dengan menjelaskan secara menyeluruh perubahan yang berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah akhirnya, membentuk satu sintesis penolakan dan penerimaan sifat kebudayaan sebagai fenomena yang sering beradaptasi dengan keadaan semasa.

Seterusnya, pendekatan kualitatif menerusi kerja lapangan yang telah dijalankan daripada awal bulan Januari hingga pertengahan bulan Jun tahun 2014 beserta dengan teknik persampelan bebola salji merupakan kaedah utama yang digunakan untuk mendapatkan data kajian. Untuk itu, data dikumpul melalui pemerhatian tidak turut serta,

pemerhatian turut serta dan temu bual bersama tokoh yang arif tentang adat asal Punan Bah. Pengesahan data daripada responden utama telah dibuat dengan lawatan semula ke kawasan kajian pada 25 Disember 2017. Data yang diperolehi seterusnya dianalisis menggunakan pendekatan relativisme budaya dan holistik berpandukan teori konflik yang telah ditetapkan.

Kajian ini mendapati adat asal pengkebumian Punan Bah tidak lagi diamalkan dan perubahan yang berlaku bukan sahaja dari segi bentuk fizikal malah nilai yang terkandung dalam adat turut berubah. Perubahan yang berlaku sekaligus mengubah kepentingan komuniti kepada kepentingan organik. Akhir sekali, maklumat penting yang terhasil daripada rekabentuk kerangka konseptual dapat menyemai minat untuk mendalami dan menghargai kebudayaan asal masing-masing kerana dengan pengetahuan budaya yang ada, kebudayaan tradisional akan kekal terpelihara sejajar dengan arus pemodenan dan globalisasi dunia.

Kata Kunci: Punan Bah, adat pengkebumian, *kelirieng*, *salong/salung*, perubahan adat

## **ABSTRACT**

This research explains the burial customary change that occurs in Punan Bah's culture in detailed. The customary change is chosen as the main issue in this study as to highlight the importance of custom in human life and the customary change demonstrates the life of a society that has undergone changes. Therefore, this research will explain the customary pattern change occurred by examining every process of the burial construction site used. Research is conducted based on the theory of conflict proposed by Ralf Dahrendorf (1929 - 2009). This theory emphasizes some of the key elements that cause the conflicts such as the role of the rulers that impose their power and position upon the society to the point of changes are demanded.

This discovery is crucial to answer the statement made by Ida Nicolaisen (2015) about the awareness of Punan Bah's younger generation regarding the changes that have taken place in Sarawak will not only change their lifestyle, but will also cause their traditional culture to vanish. The statement projects critical illustration of the changes occurs in the original custom of Punan Bah, including the burial custom. With elaborated explanations about the changes occurred in Punan Bah's burial custom, the overall research eventually forms a rejection and acceptance synthesis of cultural traits as a phenomenon that often adapts to the current situation.

Furthermore, the qualitative approach through the field work carried out from the early January to the middle of June 2014, along with the snowball's sampling technique are the main methods used in obtaining the research data. The data are collected through the methods of direct observation, participant observation and interview with the experts regarding the original custom of Punan Bah. Validation data from main respondents was made on 25 December 2017, by revisiting the Punan Bah's village. Data collected are analysed by using cultural relativism and holistic approaches of the theory of conflict.

This research discovers the original customary burial of Punan Bah is no longer being practiced and the changing occurs not only in the physical form but the values of the custom have also changed. The change occurs has changes the community interest to organic interest. Finally, through this research, the important information that results from the conceptual framework design will inculcate interest in understanding and appreciating original cultures as with inherited cultural knowledge, traditional cultural will be preserved along with the modernization and globalization of the world.

Keywords: Punan Bah, burial customs, *kelirieng*, *salong/salung*, customs change

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan atas kurnia, berkat dan kesempatan yang diberikan untuk melanjutkan pendidikan sehingga ke peringkat ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Mohd Effendi Samsuddin selaku penyelia tesis atas bimbingan, tunjuk ajar, dan komitmen yang diberikan kepada saya dalam usaha untuk menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih juga, saya ucapkan kepada Dr. Shaharuddin Maaruf dan Encik Hakimi Khairuddin selaku penyelia yang terdahulu atas bimbingan, tunjuk ajar dan komitmen yang telah diberikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada pihak Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) kerana telah menaja pengajian ini.

Seterusnya, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada pihak Muzium Negeri Sarawak kerana telah memberi kebenaran kepada saya untuk mendapatkan bahan rujukan di perpustakaan mereka. Tidak dilupakan kepada semua penduduk Punan Bah tanpa mengira usia, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang tempoh keberadaan saya bersama kalian di Punan Bah. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Boi Kesai dan Puwing Daud ketua adat Punan Bah, Encik Brain ketua kampung Punan Bah, Janong Begelin dan Puan Kesi Peligi atas kerjasama dan maklumat yang telah diberikan untuk melengkapkan kajian ini. Buat keluarga tercinta, ibu saya Victoria Lia anak Bagong dan adik saya Veronica Semambu, jutaan terima kasih saya ucapkan atas kasih sayang, dorongan dan doa yang telah diberikan untuk semua usaha yang saya lakukan selama ini.

## **JADUAL KANDUNGAN**

PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	vii

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Kerangka Teoritis	6
1.7 Skop Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Definisi Konsep	11
1.9.1 Antropologi	11
1.9.2 Kebudayaan/Budaya	12
1.9.3 Perubahan	14
1.9.4 Adat istiadat/Upacara	15
1.10 Rumusan	16

### **BAB 2: KAJIAN KEPUSTAKAAN**

2.1 Pengenalan	17
2.2 Pengertian perkataan “Punan”	18
2.3 Punan di Kalimantan Indonesia dan Brunei	20
2.4 Punan dan Penan di Sarawak	23
2.5 Kajian Lepas tentang Adat kematian dan Pengkebumian	35
2.6 Rumusan	55

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	56
3.2 Metodologi Kajian	58
3.2.1 Kerja Lapangan	58

3.2.2	Pemerhatian Tidak Turut Serta	59
3.2.3	Pemerhatian Turut Serta	59
3.2.4	Temu bual	60
3.3	Kaedah Menganalisis Data	62
3.3.1	Pendekatan Relativisme	62
3.3.2	Pendekatan Holistik	63
3.4	Teori Kajian: Teori Konflik Ralf Dahrendorf (1929 - 2009)	64
3.5	Rumusan	67

## **BAB 4: ADAT KEMATIAN DAN PROSES PEMBINAAN TAPAK PENGKEBUMIAN**

4.1	Pengenalan	68
4.2	Petempatan Punan Bah	69
4.3	Sistem Politik dan Sistem Sosial	74
4.4	Agama dan Kepercayaan	79
4.5	Kegiatan Ekonomi	90
4.6	Adat Kematian Punan Bah	96
4.6.1	<i>Adat pasetou</i>	100
4.7	Upacara Adat Pengkebumian	102
4.8	Upacara Adat Pengkebumian Kedua	106
4.9	Adat Berkabung dan Membuang Kabung	110
4.10	Proses Pembinaan Tapak Pengkebumian Kedua: <i>Kelirieng</i>	113
4.10.1	Upacara Mendirikan <i>Kelirieng</i>	115
4.10.2	Upacara Menyimpan Tulang ke Dalam <i>Kelirieng</i>	117
4.10.3	<i>Kelirieng</i> di Punan Bah	132
4.11	Proses Pembinaan Tapak Pengkebumian Kedua: <i>Salong</i>	127
4.11.1	<i>Salong</i> di Punan Bah	133
4.12	Proses Pembinaan Tapak Pengkebumian: Di Atas Tanah	134
4.13	Proses Pembinaan Tapak Pengkebumian: Di Dalam Tanah	140
4.14	Persekutaran Kubur Punan Bah	143

## **BAB 5: POLA PERUBAHAN ADAT**

5.1	Pengenalan	145
5.2	Sistem Pemerintahan Beraja Punan Bah	146
5.3	Dasar Pemerintahan Kerajaan Brunei	149
5.4	Penyerahan Sarawak kepada Rajah Brooke	153
5.4.1	Dasar Pemerintahan Rajah Brooke I, James Brooke	155
5.4.2	Dasar Pemerintahan Rajah Brooke II, Charles Brooke	157
5.4.3	Dasar Pemerintahan Rajah III, Charles Vyner Brooke	161
5.5	Penjajahan Jepun	163
5.6	Pembentukan Malaysia	163
5.7	Relativisme Budaya dan Teori Konflik dalam Pola Perubahan Adat Pengkebumian Punan Bah	165
5.7.1	Perubahan Bentuk Adat Pengkebumian Kelirieng kepada Adat Pengkebumian <i>Salong</i>	167
5.7.2	Perubahan Nilai dan Bentuk Adat: Perubahan Agama dan Kepercayaan	173
5.7.3	Perubahan Nilai dan Pratik Adat: Perkembangan Sistem Pendidikan dan Perubahan Aktiviti Ekonomi	175
5.7.4	Perubahan Nilai dan Upacara Adat	177
5.7.5	Perubahan Pandangan Terhadap Kubur dan Bentuk Kubur	178
5.7.6	Perubahan Bentuk dan Nilai Adat Pengkebumian	179
5.8	Proses Sintesis Perubahan Adat Pengkebumian Punan Bah	183
5.9	Rumusan	187

## **BAB 6: PENUTUP**

6.1	Pendahuluan	188
6.2	Rumusan Kajian	188
6.2.1	Empat Jenis Adat Pengkebumian Punan Bah	190
6.2.2	Pola Perubahan Adat	191

6.2.2.1	Empat Elemen Teori Konflik	192
6.2.2.2	Perubahan Fasa pertama: Di bawah perintah kerajaan Brunei sehingga tahun 1841	193
6.2.2.3	Perubahan Fasa kedua: Di bawah kerajaan Rajah Brooke (1842-1946)	193
6.2.2.4	Perubahan Fasa ketiga: Selepas merdeka hingga kini	193
6.3	Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan	195
<b>RUJUKAN</b>		197
<b>SENARAI JADUAL</b>		
Jadual 4.1	Pilihan hari upacara <i>pasetou</i>	101
<b>SENARAI GAMBAR RAJAH</b>		
Rajah 1.1	Kerangka Teoritis Penyelidikan	7
Rajah 3.1	Carta alir pelaksanaan kajian	57
Rajah 4.1	Struktur Sosial Punan Bah	74
Rajah 4.2	Senarai ketua yang memegang tampuk pemerintahan Punan Bah	75
Rajah 5.1	Corak Perubahan Adat Pengkebumian Punan Bah	184
Rajah 5.2	Proses Sintesis Perubahan Adat Pengkebumian Punan Bah	185
<b>MAKLUMAT TAMBAHAN</b>		
1.	Senarai penerbitan: Artikel Jurnal	207
2.	Kertas Kerja yang telah dibentangkan	208
3.	LAMPIRAN A: Surat Akuan Pengesahan Data oleh Responden Puwing Daud	209
4.	LAMPIRAN B: Akuan Pengesahan Data oleh Boi Kesai	210
5.	LAMPIRAN C: Surat Akuan Pengesahan Data oleh Kesi Pelegi	211
6.	Nota akhir	212

## SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Keterangan	Muka Surat
1	Lukisan cara <i>jerunei</i> didirikan dengan mengorbankan seorang hamba.	46
2	Contoh lukisan bentuk dua buah <i>jerunei</i> yang terdapat di Sungai Telian, Kampung Angus dan di Sungai Misan.	47
3	Kedudukan petempatan Punan Bah	69
4	Petempatan Punan Bah di sebelah kiri dan sebelah kanan Sungai Bah. Sebuah jambatan gantung merentasi Sungai Bah menjadi penghubung antara penduduk.	70
5	Sebahagian daripada rumah penduduk di sebelah kiri atau di bahagian hilir Sungai Bah.	70
6	Sebahagian daripada rumah penduduk di sebelah kanan atau di bahagian kanan Sungai Bah.	71
7	Seorang nenek mendukung cucunya dengan pendukung bayi berukiran biasa yang boleh digunakan semua lapisan masyarakat.	76
8	Tatu pada lengan kerabat diraja iaitu isteri Kupa	77
9	Tatu pada lengan wanita Punan Bah.	77
10	Upacara <i>bungan</i> ini dilakukan untuk memohon berkat dan perlindungan sebelum pergi bekerja di tempat yang jauh. Upacara tersebut diketuai oleh Laja Kupa yang bukan sahaja raja malah turut menjadi tokoh adat Punan Bah.	82
11	Guro-Guro <i>bungan</i> sedang mencalitkan kayu jarau kecil dengan darah babi yang telah dijadikan ‘persembahan korban’ untuk tuhan.	83
12	Guro <i>bungan</i> memegang parang yang telah disakralkan sambil berdoa.	83
13	Peserta-peserta upacara <i>bungan</i> .	83
14	Upacara ritual <i>bungan</i> di rumah batu dong. Rumah <i>batu dong</i> merupakan rumah penyembahan untuk Punan Bah yang masih beragama <i>Bungan</i> . Setiap upacara ritual akan berlangsung di rumah dan berakhir di sini dengan menghantar bahan semahan kepada tuhan <i>Bungan Malan</i> .	84
15	Keadaan rumah <i>batu dong</i> selepas upacara ritual <i>bungan</i> selesai.	84
16	Guro <i>bungan</i> dengan bahan semahan sedang mengelilingi semua yang hadir sambil berdoa.	85

17	Peserta ratu cantik kategori pelajar sekolah rendah.	87
18	Peserta ratu cantik kategori ibu.	87
19	Peserta ratu cantik kategori remaja.	87
20	Persembahan <i>ngajat</i> lelaki.	88
21	Persembahan <i>ngajat</i> wanita.	88
22	Pertandingan lumba perahu.	88
23	Pertandingan larian rentas desa.	89
24	Peserta rentas desa perempuan kategori dewasa.	89
25	Sambutan Hari Guru Sekolah Punan Bah, 2014.	90
26	Katak liar	91
27	Pelanduk	91
28	Musang	91
29	Babi hutan	91
30	Hasil tangkapan penduduk yang dijual kepada peruncit.	92
31	Pekebun dengan pokok <i>semakau</i> yang masih muda.	93
32	Pekebun dengan pokok <i>semakau</i> dewasa.	94
33	Pemilik kedai runcit dengan pelanggan di Punan Bah.	95
34	Keluarga terdekat mendiang berada di dekat dengan keranda tempat jenazah diletakan di bawah <i>pelian</i> .	98
35	Bahagian-bahagian <i>kelirieng</i>	119
36	Penutup batu di atas <i>kelirieng</i> ini jatuh disebabkan kebakaran.	120
37	Bahagian atas <i>kelirieng</i> 1	120
38	Bahagian tepi <i>kelirieng</i> 1	120
39	<i>Kelirieng</i> 2 telah terbakar dan penutup <i>kelirieng</i> telah jatuh.	121
40	Bahagian atas <i>kelirieng</i> 2	121
41	Bahagian tengah <i>kelirieng</i> 2	121
42	Penutup <i>kelirieng</i> 1	122
43	Penutup <i>kelirieng</i> 2	122
44	<i>Kelirieng</i> 3	123

45	<i>Kelirieng 4</i>	123
46	<i>Kelirieng 5</i>	123
47	<i>Kelirieng 6</i>	123
48	<i>Kelirieng 8</i>	124
49	Bahagian atas <i>kelirieng 8</i>	124
50	Bahagian tengah <i>kelirieng 8</i>	124
51	<i>Kelirieng 9</i>	125
52	Bahagian atas <i>kelirieng 9</i>	125
53	Bahagian bawah <i>kelirieng 9</i>	125
54	<i>Kelirieng 10</i>	126
55	Bahagian atas <i>kelirieng 10</i>	126
56	Bahagian tengah <i>kelirieng 10</i>	126
57	<i>Salong</i> bertiang dua yang masih kukuh di tanah perkuburan Punan Bah.	132
58	Pandangan dari bahagian bawah <i>salong</i>	133
59	Pandangan dari bahagian tepi <i>salong</i>	133
60	Pandangan dari bahagian tepi <i>salong</i>	133
61	Upacara pengkebumian mendiang Jinok Jamu yang meninggal dunia pada 30 Jun 2016	135
62	Kubur besar milik mendiang Jalin Sidi seorang tentera darat yang meninggal dunia pada 15 Oktober 2010. Ibu mendiang melawat kubur anaknya setiap musim perayaan Bungan untuk membersihkan kubur dan menghantar makanan kepada semangat mendiang.	136
63	Kubur di atas tanah milik mendiang Belulok Alau yang meninggal dunia pada 1 Mac 1992.	136
64	Kubur bertanda <i>sengayuh</i> (kiri) milik mendiang Kanun Belulok yang meninggal dunia pada 14 Mac 2011.	137
65	Kubur milik mendiang Joshua Joseph yang meninggal dunia pada 4 Mei 2008.	137
66	Kubur milik mendiang Den Awang (kanan) dan mendiang Samei (kiri) tanah (tempat lelaki baju putih berdiri) berdasarkan nama di atas kubur.	138
67	Kubur milik mendiang Peligi Maling yang telah meninggal dunia pada 19 Februari 2007. Ahli keluarga mendiang datang	138

	membersihkan kubur dan menghantar makanan kepada semangat mendiang.	
68	Ahli keluarga mengemas dan menyusun makanan untuk semangat mendiang.	139
69	Kubur lama dengan bentuk perahu pada atas kubur.	139
70	Kubur bertanda <i>sengayuh</i> tanpa pondok.	140
71	Kubur tidak berpondok milik mendiang Tosing Sawing yang meninggal pada 5 Januari 2014	141
72	Dua buah kubur lama di dalam tanah tanpa pondok dengan permukaan yang disimen tebal daripada permukaan tanah.	141
73	Tiga buah kubur yang berdekatan dan serupa menandakan pemilik-pemilik kubur tersebut adalah ahli keluarga.	142
74	Kawasan kubur yang penuh dengan tumbuhan liar. Kubur yang beratapkan kepingan kayu belian dan berukir pada bahagian tepi merupakan kubur lama kerana kebanyakan kubur baru pada masa ini menggunakan atap zink.	142
75	Dua buah kubur yang ditempatkan di bawah satu pondok	143
76	Bumbung pondok kubur yang dipenuhi akar sehingga merosakkan bumbung kayu belian tetapi telah dilapis dengan bumbung zink.	143

## BAB 1: PENGENALAN

### 1.1 Pengenalan

Punan Bah merupakan etnik minoriti bumiputera Sarawak yang terangkum dalam kumpulan masyarakat Kajang. Mereka tinggal di kawasan pedalaman di hulu Sungai Rajang, dalam bahagian Kapit di daerah Belaga. Terkandung dalam Fasal (6) Perkara 161A perlembagaan negara, masyarakat Kajang adalah satu nama besar yang merangkumi kaum Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit. Punan Bah mempunyai latar sejarah pemerintahan dan sosio-budaya yang unik seperti masyarakat lain berdasarkan sistem pemerintahan beraja yang mereka amalkan.

Dalam pada itu, sistem beraja Punan Bah telah mewujudkan stratifikasi sosial dalam masyarakat yang terbahagi kepada tiga lapisan utama. Golongan yang berada pada kedudukan sosial yang paling atas adalah golongan bangsawan yang melibatkan raja dan kaum kerabat diraja. Rakyat biasa yang juga orang kebanyakan berada dalam kelas menengah dan golongan hamba berada pada stratifikasi sosial yang paling rendah. Stratifikasi sosial, secara tidak langsung telah mencorakkan adat pengkebumian dan jenis kubur bagi setiap individu. Adat pengkebumian yang dilakukan terhadap golongan bangsawan berbeza dengan orang kebanyakan dan golongan hamba.

Pada masa yang sama, peredaran masa telah mewujudkan hubungan Punan Bah dengan kebudayaan lain. Secara tidak langsung telah mengubah pandangan hidup, agama dan kepercayaan Punan Bah sehingga mencorakkan adat pengkebumian yang sedia ada kini. Dalam pada itu, dasar pemerintahan Rajah Brooke di Sarawak telah menghapuskan sistem perhambaan yang diamalkan oleh masyarakat peribumi Sarawak termasuklah Punan Bah. Peghapusan sistem perhambaan telah menyebabkan stratifikasi sosial Punan Bah terhakis kerana tidak ada lagi golongan yang digelar golongan hamba.

Perkara ini memberi kesan secara tidak langsung terhadap adat pengkebumian Punan Bah. Terdapat empat adat pengkebumian yang telah dikenal pasti iaitu dengan menggunakan tiang *kelirieng*, *salong*, di atas tanah dan di dalam tanah. Perubahan ini selari dengan perubahan sosio-budaya yang telah berlaku dalam kebudayaan Punan Bah. Ini disebabkan empat adat pengebumian ini berubah dari semasa ke semasa berdasarkan faktor yang tertentu. Berdasarkan faktor-faktor di atas penulisan penyelidikan ini akan membincangkan setiap perkara berkaitan yang mempengaruhi pola-pola perubahan adat pengkebumian Punan Bah.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Adat pengkebumian merupakan sebuah adat yang menjadi warisan kepada sesebuah masyarakat. Setiap kumpulan masyarakat mempunyai cara penyempurnaan kematian yang berbeza sama ada dari segi teknik, cara dan nilai setiap perbuatan dalam upacara yang dilakukan. Pada masa yang sama, adat kematian turut tidak terkecuali daripada terkesan dengan sifat kebudayaan itu sendiri yang fleksibel. Hal ini yang menjadikan adat pengkebumian Punan Bah terpecah kepada empat bentuk yang utama seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

Setiap bentuk perubahan yang berlaku dalam sebuah fasa perubahan tersebut sudah pastinya relevan dan tepat dengan persekitaran masyarakat pada waktu tersebut. Daripada itu, setiap cara dan teknik yang digunakan untuk menyempurnakan setiap adat pengkebumian secara tidak langsung turut berubah. Maka kajian ini juga akan meneliti setiap aspek yang memberi pengaruh kepada perubahan adat pengkebumian Punan Bah. Akhirnya, dapatan keseluruhan kajian ini akan membentuk pengumpulan data-data tentang perubahan yang menjelaskan setiap pertimbangan yang diambil oleh masyarakat terhadap perubahan sosio-budaya semasa.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Ida Nicolaisen (2015), menjelaskan sejak sepuluh tahun kebelakangan ini, perkembangan sistem pendidikan banyak mengubah pembentukan sosialisasi masyarakat. Keadaan tersebut sudah pasti mendatangkan kesan yang positif dan negatif kepada bahagian tertentu kehidupan penduduk seperti kesan terhadap ekonomi dan pandangan politik. Pada masa yang sama, keadaan tersebut memberi kesan terhadap perubahan budaya yang disedari oleh komuniti Punan Bah itu sendiri. Ida Nicolaisen (2015, pg.203) menjelaskan “*They (Punan Bah adults) realise that a new way of life is around the corner, and that their traditional culture is doomed to disappear*”.

Pernyataan tersebut menjadi permasalahan penting kajian ini kerana Punan Bah sendiri dapat merasakan masa depan kebudayaan tradisional mereka yang membimbangkan. Keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila bilangan individu yang arif tentang perkara adat asal Punan Bah semakin berkurang. Bahkan, bukan semua golongan tua Punan Bah yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang keseluruhan adat asal pengkebumian mereka. Hal ini disebabkan sebahagian besar adat pengkebumian yang asal Punan Bah telah berubah dan tidak lagi diamalkan pada masa ini.

Perubahan yang berlaku telah mewujudkan empat bentuk adat pengkebumian seperti adat pengkebumian *kelirieng*, *salong*, di atas tanah dan pengkebumian di dalam tanah. Empat jenis adat ini berubah dari semasa ke semasa sesuai dengan perubahan kebudayaan Punan Bah yang berlaku pada waktu tersebut. Perubahan adat pengkebumian turut mempengaruhi perubahan pengendalian upacara dan peralatan yang digunakan. Dengan meneliti cara pembinaan atau teknologi yang digunakan untuk membina setiap bentuk pengkebumian terutamanya *kelirieng* dan *salong* yang tidak lagi dibina akan menjelaskan kejayaan kebudayaan tradisional Punan Bah beradaptasi dan memanfaatkan sumber alam bagi memenuhi tujuan dan keperluan hidup.

Selain itu, usaha untuk mendokumentasikan kebudayaan Punan Bah juga permasalahan penting dalam kajian ini. Tanpa tindakan ini, kenyataan yang Ida Nicolaisen melalui kesedaran Punan Bah itu sendiri akan menjadi kenyataan kerana kebudayaan yang tidak lagi diamalkan serta tidak mempunyai sebarang dokumentasi dengan mudah akan dilupakan oleh masyarakat. Maka, berdasarkan bukti tinggalan sejarah yang jelas serta dengan berkurangnya bilangan individu yang arif tentang adat asal di Punan Bah maklumat kebudayaan tradisional yang masih ada haruslah dikumpul supaya tidak hilang.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Bertumbuh daripada pernyataan yang telah dikemukakan oleh Ida Nicolaisen (2015) berkenaan dengan masa depan kebudayaan tradisional Punan Bah, adat pengkebumian merupakan bahagian terbesar yang telah menerima impak daripada perubahan dan perkembangan semasa. Perubahan yang berlaku bukan sahaja mengubah bentuk-bentuk pengkebumian malah turut mengubah nilai keseluruhan yang terkandung dalam perlakuan adat tersebut. Perubahan tersebut telah membentuk empat bentuk pengkebumian seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Daripada itu, pengebumian *kelirieng* merupakan keunikan nyata dalam kebudayaan Punan Bah. *Kelirieng* merupakan sebuah tiang yang berdiameter sekurang-kurangnya enam kaki dengan ketinggian 32 kaki ke atas. Bahagian atas *kelirieng* ditutup dengan sebuah bongkah batu yang besar. Ada pelbagai saiz *kelirieng*, ada yang lebih besar dan lebih kecil daripada saiz tersebut.

Jika dilihat dari segi saiz, reka bentuk dan rupa *kelirieng* beserta dengan kemudahan peralatan yang terhad, kepakaran yang tinggi sudah pasti diperlukan untuk membina monumen tersebut. Apatah lagi kedudukan petempatan Punan Bah yang terletak jauh di

pedalaman. Kewujudan *kelirieng* di sekitar petempatan Punan Bah telah membuktikan kehebatan kebudayaan tradisional serta kepakaran seni bina masyarakat ini.

Dengan itu, persoalan yang timbul adalah, apakah proses-proses yang digunakan untuk mendirikan sebuah *kelirieng*? Begitu juga dengan cara yang digunakan untuk membina *salong*, tapak pengkebumian di atas dan di dalam tanah. Dalam pada itu persoalan penting dalam ilmu antropologi iaitu apakah tatacara yang dilakukan semasa berlakunya kematian sehingga adat pengkebumian pertama dan kedua dilakukan? Persoalan tersebut akan dijelaskan terlebih dahulu agar adat pengkebumian Punan Bah dijelaskan mengikut aturan atau turutan adat tersebut dilaksanakan.

Dengan menjawab dua persoalan tersebut belum melengkapkan kajian ini kerana isu yang lebih penting untuk dijelaskan adalah dengan memahami pola perubahan yang berlaku. Situasi ini membentuk persoalan yang ketiga iaitu apakah unsur-unsur yang mempengaruhi perubahan tersebut? dan persoalan keempat ialah tentang mengapakah keputusan itu dibuat? Dengan menjawab setiap persoalan seperti yang telah dinyatakan, kajian ini akan menghasilkan sebuah bentuk sintesis atau satu proses yang menjelaskan sifat kebudayaan terhadap penolakan dan penerimaan perubahan dalam kebudayaan masyarakat.

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai tiga objektif utama bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan menyeluruh dalam memahami pola perubahan adat pengkebumian yang berlaku dalam kebudayaan Punan Bah iaitu:

1. Meneliti perubahan yang berlaku dalam adat istiadat kematian Punan Bah menerusi penjelasan secara terperinci setiap tatacara yang diamalkan semasa berlakunya kematian sehingga pelaksanaan adat pengkebumian.

2. Menganalisis proses-proses yang dilakukan untuk membina setiap tapak pengkebumian;
  - i) Pengkebumian *kelirieng*,
  - ii) Pengkebumian *salong*
  - iii) Pengkebumian di atas tanah dan
  - iv) Pengkebumian di dalam tanah.
3. Mensintesis pola yang mempengaruhi perubahan sosio-budaya melalui perubahan adat pengkebumian yang telah berlaku.

## 1.6 Kerangka Teoritis

Kerangka teoritis ini dibuat berdasarkan gambaran kasar atau jangkaan terhadap elemen yang menjadi penyebab kepada permasalahan kajian ini. Terdapat enam elemen utama dijangka berpotensi besar untuk mempengaruhi perubahan adat pengkebumian yang berlaku dalam kebudayaan Punan Bah. Elemen yang pertama dan utama adalah dasar pemerintah. Dasar pemerintah seperti yang dikemukakan dalam teori konflik oleh Ralf Dahrendorf (1929-2009) dipercayai akan mencorakkan perkembangan ekonomi, perubahan pandangan hidup, perubahan agama dan kepercayaan, perkembangan sistem pendidikan dan perubahan sistem sosial sesebuah masyarakat.



Rajah 1.1 Kerangka teoritis penyelidikan

Kerangka teoritis tersebut memberi gambaran awal perubahan adat yang telah berlaku.

Manakala, huraian yang lebih lanjut terhadap enam perkara tersebut dibahaskan dalam bab yang seterusnya.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini dilakukan terhadap Punan Bah yang tinggal di hulu Sungai Rajang, Sarawak. Di Sarawak masyarakat Punan Bah terpecah kepada beberapa kumpulan mengikut kawasan petempatan yang berbeza iaitu Punan Kakus, Punan Jelalong dan Punan Pandan di Bahagian Bintulu; Punan Sama dan Punan Biau di Bahagian Kapit. Walaupun tidak disebut sebagai Punan Bah secara langsung masyarakat Punan tersebut juga tergolong dalam komuniti Punan Bah kerana mereka berasal dari kumpulan dan kawasan yang sama iaitu dari kawasan Sungai Bah. Penamaan baru bagi nama kampung Punan seperti yang dinyatakan adalah berdasarkan nama sungai utama yang berdekatan dengan tempat tinggal penduduk pada masa ini.

Komuniti Punan Bah yang menetap di kawasan tebing Sungai Bah yang juga anak Sungai Rajang, nama kumpulan mereka kekal sebagai Punan Bah sehingga kini. Untuk itu, penyelidikan ini hanya berfokus kepada Punan Bah yang tinggal di Sungai Bah sahaja dan perlu ditekankan bahawa hanya Punan Bah di Sungai Bah sahaja yang dikenali secara langsung sebagai Punan Bah di Sarawak pada masa ini. Manakala keturunan Punan Bah di tempat lain dikenali dengan nama baru berdasarkan petempatan semasa mereka. Berdasarkan bilangan penduduk Punan (tidak rasmi) yang dikeluarkan oleh *Punan National Associate* (2012), seramai 5000 orang penduduk kaum Punan di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 3000 orang merupakan gabungan Punan Bah, Punan Biau dan Punan Sama yang tinggal secara terpisah di kawasan hulu Sungai Rajang.

Faktor utama pemilihan Punan Bah sebagai subjek kajian ini disebabkan perkampungan Punan Bah di Sungai Bah merupakan petempatan Punan Bah yang paling tua di Sarawak. Kenyataan ini turut dinyatakan oleh seorang antropologis dari Denmark, Ida Nicolaisen (1976) sebagai individu pertama yang membuat kajian tentang Punan Bah. Kenyataan ini dibuktikan bukan sahaja berdasarkan maklumat lisan dan tulisan, bahkan disokong oleh tinggalan sejarah yang terdapat di sekitar petempatan Punan Bah. Ini

terbukti berdasarkan jumlah *kelirieng* yang banyak di kawasan petempatan Punan Bah dan di Sungai Bah berbanding dengan *kelirieng* yang terdapat di petempatan kumpulan Punan Bah yang lain seperti Punan Pandan di Bintulu. Jumlah *kelirieng* yang banyak menjadi menjadi fakta usia petempatan Punan Bah kerana *kelirieng* hanya akan dibina apabila raja mereka meninggal dunia. Ini secara tidak langsung menunjukkan Punan Bah telah diperintah oleh ramai raja.

Selain itu, Punan Bah juga mengamalkan gaya hidup dan kebudayaan yang unik berdasarkan penampilan, gaya hidup dan rumah ritual yang mereka ada. Dari segi penampilan, sebilangan besar golongan tua Punan Bah mempunyai tatu pada bahagian tangan dan kaki bagi kaum wanita dan pada bahagian badan untuk kaum lelaki. Mereka juga mempunyai kepakaran tersendiri untuk menyediakan bahan-bahan rokok tradisional dikenali *semakau*. Seperti yang telah dinyatakan rumah ritual yang dikenali sebagai rumah *batu dong* di Punan Bah menunjukkan Punan Bah masih mewarisi agama dan kepercayaan nenek moyang mereka iaitu agama *Bungan* tatkala, ramai yang telah memeluk agama lain. Nilai-nilai tersebut juga penting kerana ianya menjadi perantara generasi tua dan generasi muda Punan Bah kerana rata-rata generasi muda Punan Bah mewarisi nilai-nilai tersebut.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini penting untuk menyelesaikan sebahagian daripada keimbangan Punan Bah berkenaan dengan akan hilangnya kebudayaan tradisional mereka seperti yang telah dinyatakan oleh Ida Nicolaisen (2015). Keadaan ini disebabkan, penjelasan secara terperinci setiap adat pengkebumian yang tidak lagi diamalkan secara tidak langsung telah menyimpan maklumat kebudayaan tradisional dalam bentuk tulisan. Walaupun adat tersebut tidak lagi diamalkan, namun data bertulis seperti kajian ini membantu

memelihara kebudayaan tradisional sebagai pengetahuan budaya tentang masyarakat dahulu.

Selain itu, penyelidikan ini juga penting untuk tujuan pendokumentasian budaya tidak ketara masyarakat Malaysia yang terkenal dengan masyarakat majmuk. Usaha mendokumentasikan budaya tidak ketara ini juga selari dengan usaha dan objektif UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural*). Tindakan ini secara tidak langsung dapat memelihara sebuah bentuk kebudayaan asal daripada dilupakan sepenuhnya oleh masyarakat. Hal ini dipengaruhi oleh sifat kebudayaan yang sering kali beradaptasi dengan perubahan sementara kebudayaan yang lama lebih cenderung dilupakan oleh generasi baru. Maka, dengan mendokumentasikan sebuah kebudayaan akan menjadi bukti kekal kewujudan bentuk kebudayaan tersebut.

Dalam pada itu Punan Bah telah dipilih sebagai subjek kajian adalah penting untuk memahami ilmu antropologi kebudayaan sesuai dengan keunikan budaya yang mereka amalkan. Kelompok ini juga sekaligus mewakili etnik minoriti orang asal di Sarawak yang penting untuk dikaji. Daripada itu, adat pengkebumian telah dipilih untuk diteliti bagi memahami sifat khusus manusia. Sifat khusus yang dilalui oleh setiap manusia mahupun kelompok masyarakat setiap hari adalah membuat pelbagai keputusan sama ada dalam hal budaya, politik, sosial atau ekonomi. Maka ilmu antropologi dapat difahami berdasarkan setiap pertimbangan yang dibuat sebelum keputusan untuk menerima dan membuat perubahan itu dipersetujui.

Pemahamanan tersebut penting kerana adat pengkebumian Punan Bah telah menerima banyak perubahan sejak dari zaman pemerintahan beraja sehingga kini. Dengan mengetahui elemen-elemen sosio-budaya yang dipertimbangkan akan menjelaskan pemahaman dan pengadaptasian manusia terhadap keadaan semasa. Pada masa yang sama, pemilihan perubahan yang berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah sejajar dengan inti konsep budaya yang sering menerima perubahan. Dengan

meneliti perubahan yang berlaku dalam adat pengkebumian akan menjelaskan perubahan-perubahan nilai yang telah berlaku dalam ilmu sosio-budaya masyarakat. Akhirnya, kajian ini memberi sumbangan penting terhadap kajian antropologi budaya masyarakat peribumi Sarawak.

## 1.9 Definisi Konsep

Sebagai sebuah penyelidikan antropologi kebudayaan, ramai tokoh terkemuka dalam bidang ini yang mengemukakan pelbagai takrif tentang konsep antropologi dan kebudayaan. Pentakrifan terhadap konsep tersebut sudah pastinya dibuat berdasarkan pemerhatian, penelitian dan kepakaran masing-masing seperti Tylor (1871), Branislaw Malinowski (1884 - 1942), Geertz (1926 - 2006), Haviland (1988), Koentjaraningrat (1996) dan Abdullah Taib (1985). Dalam pada itu, terdapat beberapa konsep penting yang ditekankan untuk difahami dalam penyelidikan ini. Pemahaman tersebut penting supaya arah kajian dapat difahami dengan mudah dan mendasar. Konsep-konsep tersebut termasuklah konsep antropologi, kebudayaan atau budaya, perubahan, dan konsep adat istiadat atau upacara.

### 1.9.1 Antropologi

Perkataan antropologi berasal daripada gabungan dua perkataan Bahasa Yunani iaitu *anthropos* yang bermaksud manusia dan *logos* yang bermaksud fikiran atau ilmu (Sare & Citra, 2007, p.13). Perkataan antropologi buat pertama kalinya digunakan oleh Francois Peron ketika berbincang mengenai pertembungannya dengan masyarakat Pribumi Tasmania (Flannery 1994; Wikipedia 2013). Haviland (1988) dalam Sare dan Citra (2007) seorang antropologis Amerika, menyifatkan antropologi sebagai ilmu pengetahuan yang mempelajari keanekaragaman manusia dan kebudayaannya. Dalam

pada itu, ilmu antropologi berusaha menjelaskan tentang bermacam-macam bentuk perbezaan dan persamaan kebudayaan manusia.

Seterusnya, Koentjaraningrat (1996) juga dalam Sare dan Citra (2007, p. 17), seorang antropologis Indonesia menjelaskan antropologi sebagai kajian tentang manusia secara umum iaitu dengan mempelajari pelbagai bentuk warna, bentuk fizikal masyarakat dan kebudayaan yang dihasilkan. Manakala Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menterjemahkan antropologi sebagai satu kaedah yang digunakan untuk mengkaji manusia secara saintifik contohnya kajian tentang asal usul, perkembangan fizikal dan budaya, ciri-ciri ras dan adat resam, serta kepercayaan manusia.

Dalam bidang kajian ilmu antropologi, ianya dapat dipecahkan kepada beberapa bahagian atau sub-disiplin berdasarkan pandangan para sarjana dalam bidang ini. Haviland (1988) dalam Sare dan Citra (2007, p. 6) membahagikan bidang ilmu antropologi kepada dua sub-disiplin iaitu antropologi fizikal dan antropologi budaya (arkeologi, linguistik dan etnologi). Daripada pembahagian sub-disiplin yang terkandung dalam bidang ilmu antropologi, antropologi budaya atau kebudayaan merupakan sub-disiplin yang terbesar. Ianya meliputi kepelbagaiannya kebudayaan, keupayaan mencari unsur-unsur kebudayaan yang universal, mengungkapkan hubungan antara struktur sosial masyarakat dengan kebudayaannya, bahkan juga membahas mengenai interpretasi simbolik.

### **1.9.2 Kebudayaan/Budaya**

Perkataan kebudayaan atau budaya, berasal daripada perkataan dalam Bahasa Sanskrit iaitu '*buddayah*'. Bahasa Sanskrit adalah bahasa yang digunakan dalam kesusasteraan Hindu Kuno (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Wan Abdul Kadir menjelaskan perkataan "budaya" berasal daripada perkataan "budi" dalam bahasa

Sanskrit yang bermaksud akal. Menerusi cantuman perkataan “budi” dan “daya”, budaya merupakan tindakan manusia yang berhubungan dengan akal fikiran. Dengan akal fikiran, manusia membentuk budaya dan menyesuaikan diri dengan alam sekitar sekaligus menentukan cara hidup masing-masing. Oleh yang demikian, setiap kumpulan masyarakat mempunyai kebudayaan yang berbeza seperti dalam adat pengkebumian yang mereka amalkan kerana setiap masyarakat mewarisi bentuk pemikiran yang berbeza.

Abdullah Taib (1985) mengemukakan kebudayaan sebagai sebuah fenomena yang sentiasa diubahsuai agar terus kekal. Masyarakat akan sentiasa menyesuaikan diri dengan alam sekitar. Pada masa yang sama, masyarakat dan alam sekitar akan bersama-sama menyesuaikan diri dari satu masa ke satu masa mengikut keperluan masyarakat. Takrif yang dikemukakan oleh beliau menjelaskan bahawa perubahan yang berlaku dalam sesebuah kebudayaan bertujuan untuk mengekalkan budaya itu sendiri. Hal tersebut berpunca daripada sifat semulajadi masyarakat yang fleksibel kepada perubahan alam sekitar. Hanya dengan itu, kebudayaan dan masyarakat pemilik budaya tersebut akan berjalan seiringan untuk terus kekal dengan keadaan semasa.

Manakala, tokoh terkenal Tylor (1871) dalam Abdullah Taib (1985) merangkumkan kebudayaan sebagai keseluruhan cara hidup yang termasuk di dalamnya ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat resam dan beberapa lagi kemungkinan dan juga kebiasaan yan dipelajari oleh manusia sebagai anggota di dalam masyarakatnya. Dalam pada itu Branislav Malinowski, (1884-1942) menjelaskan kebudayaan juga satu penyelesaian manusia terhadap lingkungan hidupnya, serta usaha untuk mempertahankan kelangsungan hidupnya, sesuai dengan keadaan (tradisi) yang terbaik. Hubungan manusia dengan alam semesta dapat digeneralisasikan secara lintas budaya (Branislav Malinowski, 1884-1942; Saifuddin, 2005, p. 167; Sare & Citra, 2007, p. 18).

Geertz (1926-2006), mendefinisikan kebudayaan sebagai sistem keteraturan dari makna dan simbol-simbol. Melalui makna dan simbol yang diantar dalam terjemahan dan di interpretasi supaya dapat mengawal perilaku, sumber-sumber ekstrasomatik dari maklumat, memantapkan individu, mengembangkan pengetahuan, membuat penilaian dan bersikap terhadap kehidupan mereka (Saifuddin, 2005; Sare & Citra, 2007). Apabila dilihat sebagai alat simbolik untuk mengawal tingkah laku dan sumber ekstrasomatik maklumat, budaya memberikan kaitan antara apa yang sebenarnya manusia mampu jadi dengan apa yang sebenarnya jadi kepadanya (Geertz, 1973; Rohani Sulaiman, 2009, p.54).

Seterusnya Thohir (2007) mengemukakan kebudayaan sebagai sebuah kesenian kerana berurusan dengan kebudayaan adalah yang serba indah-indah. Kebudayaan juga bukanlah pengetahuan itu sendiri, atau tindakan itu sendiri, bukan pula hasil tindakan itu sendiri. Kebudayaan adalah keseluruhan pengetahuan yang telah diterima dan diberlakukan umum sebagai pedoman dalam bertindak di dalam interaksi sosial dan untuk merencanakan, melaksanakan dan menghasilkan karya-karya dalam kerangka memenuhi kebutuhan hidupnya sebagai makhluk sosial secara beradap. Untuk itu penyelidik dari luar lingkungan masyarakat tersebut, haruslah memahami keseluruhan sifat budaya kaum tersebut dan menjadi dengan menjadi sebahagian daripada mereka.

### **1.9.3 Perubahan**

Perubahan merupakan sifat lazim kebudayaan. Bukan sahaja adat istiadat, malah setiap aspek kehidupan manusia terdedah kepada perubahan seperti kemudahan teknologi. Cara manusia berfikir dalam membuat keputusan juga berubah berdasarkan pertimbangan dan keperluan semasa. Untuk terus maju dan berkembang seperti yang lain perubahan haruslah diterima dan dilakukan. Seperti maksud budaya itu sendiri, manusia sendiri akan memilih perubahan yang mereka hendak lakukan. Perubahan yang telah

berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah terhasil daripada keputusan yang mereka buat sendiri. Ini disebabkan untuk terus kekal adat pengkebumian tersebut harus berjaya menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa.

Kegagalan menyesuaikan diri dengan perubahan, menyebabkan adat dilupakan dan hilang begitu sahaja. Kenyataan ini turut berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah, apabila terdapat bahagian adat yang telah ditinggalkan oleh masyarakatnya pada hari ini. Oleh itu untuk menjaga bahagian adat yang lain Punan Bah telah membuat pertimbangan untuk membuat perubahan amalan tetapi mengekalkan nilai asal adat tersebut. Memandangkan kematian adalah fakta kehidupan yang pasti serta disempurnakan akan dengan adat pengkebumian, setiap perubahan yang berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah pasti berlandaskan sebab musabab yang tertentu.

#### **1.9.4 Adat istiadat/Upacara**

Zainal Kling (1996) mengemukakan adat sebagai peraturan yang diamalkan turun-temurun dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum yang harus dipatuhi. Beliau membahagikan adat kepada empat kategori iaitu adat yang sebenar adat, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat istiadat. Daripada pecahan tersebut adat pengkebumian Punan Bah terangkum dalam kategori adat istiadat. Hal ini disebabkan adat istiadat menurut Zainal Kling sebagai acara dalam hidup dari prosedur menjalankan institusi kemasyarakatan lain-lain seperti beranak, kahwin, cerai, malah kematian, ataupun dalam hubungan antara individu atau kelompok.

Untuk itu jelas adat pengkebumian Punan Bah sebagai sebuah adat istiadat kerana ia adalah sebuah tindakan yang diwarisi, dilakukan dengan upacara-upacara khas serta dilengkapi dengan hukum-hukum yang tertentu. Walaupun terdapat banyak perubahan yang telah berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah, konsep dan idea asal terhadap

setiap upacara dan tindakan masih tidak berubah. Maka, perubahan adat yang telah berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah adalah baik dan sesuai untuk adat dan masyarakat Punan Bah sendiri. Untuk itu, penyelidikan ini diukur dengan dua pendekatan iaitu relativisme budaya dan holistik sesuai dengan kaedah penyelidikan etnografi.

### **1.10 Rumusan**

Daripada keseluruhan perbincangan dalam bab ini, menunjukkan bahawa peredaran masa telah banyak mengubah aspek-aspek dalam sosio-budaya masyarakat sehingga tidak ada yang terkecuali. Ini termasuklah masyarakat yang tinggal di kawasan bandar mahupun di pedalaman. Dalam pada itu, setiap perubahan yang berlaku juga berdasarkan keputusan yang dibuat oleh masyarakat itu sendiri sama ada berlaku penolakan atau penerimaan. Fenomena tersebut sama dengan perubahan adat pengkebumian Punan Bah telah menunjukkan satu variasi sifat budaya itu sendiri. Hal ini terkesan daripada berubahnya sistem politik dan sistem sosial dalam kebudayaan Punan Bah.

Seterusnya, dengan menyelidiki setiap perkara yang berkait dengan perubahan adat akan dapat menjelaskan cara adaptasi kebudayaan dengan persekitaran yang banyak dipengaruhi oleh pandangan hidup masyarakat. Setiap keputusan yang dibuat, akan menjelaskan pertimbangan yang diambil oleh masyarakat dalam berhadapan dengan perubahan budaya. Setiap perkara yang berkait dengan perubahan tersebut akan membentuk sintesis yang memberi gambaran keseluruhan terhadap perubahan yang berlaku. Dapatkan tersebut akan memberi gambaran keseluruhan tentang idea terhadap perubahan dalam kebudayaan masyarakat Punan Bah.

## BAB 2: KAJIAN KEPUSTAKAAN

### 2.1 Pengenalan

Negeri Sarawak merupakan sebuah negeri dalam Malaysia yang terletak di garisan utara Khatulistiwa di antara latitud  $0^{\circ} 50'$  dan  $5^{\circ} U$  dan longitud  $109^{\circ} 36'$  dan  $115^{\circ} 40' E$ . Kawasan ini meliputi kira-kira 800 kilometer di sepanjang pantai barat laut Borneo, dengan keluasan sebanyak 124,449.51 kilometer persegi. Kedudukan negeri Sarawak yang terpisah dengan Semenanjung Malaysia oleh Laut China Selatan dengan jarak 600 kilometer<sup>i</sup>. Dalam pada itu, kepulauan Borneo yang menempatkan Sarawak didiami penduduk daripada tiga buah negara yang berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya. Tiga buah negara yang dimaksudkan iaitu Malaysia yang diwakili negeri Sarawak, Indonesia diwakili Kalimantan dan negara Brunei Darulsalam.

Kebanyakan masyarakat peribumi atau orang asal Sarawak tinggal di kawasan pedalaman dan terpisah daripada masyarakat serta dunia luar. Petempatan golongan ini terletak jauh di hulu-hulu sungai sama ada sungai besar seperti Sungai Rejang atau di hulu sungai kecil seperti Sungai Bah. Merujuk kepada kepelbagaiannya masyarakat peribumi atau kaum di Sarawak, Harrison 1956 mencatatkan:

*"If we think of the great population in Borneo's ulu, upriver and uplands, as one side in a pattern, a rough dichotomy, of which the other, the newer, is represented by comparatively new extraneous influences and people (largely non-Asian) of recent impact, then we may also properly postulate the third actor in the Greek drama of our day, tritagonistes<sup>ii</sup>...the other two actors are the people native to the place Kenyah, Kayan, Sekapan, Punan, Berawan, Badang, Murut, Milau, Saban, Tabun, Kelabit, Kajaman...<sup>iii</sup>" (p. 312).*

Pernyataan beliau menjelaskan bahawa hakikat bukanlah satu keadaan yang mudah untuk difahami sehingga menyebabkan berlakunya salah faham terhadap pengelasan kaum Punan di Indonesia khususnya di Kalimantan dengan Punan di Sarawak. Ini disebabkan setiap negara mempunyai kumpulan masyarakat Punan dengan takrif dan pengelasan kaum yang berbeza.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, bab ini terlebih dahulu akan menjelaskan tentang pengelasan kaum Punan di Indonesia dan di Brunei dengan di Sarawak. Kemudian membincangkan kajian lepas tentang adat pengkebumian atau adat kematian yang dilakukan terhadap masyarakat di Borneo khususnya di negeri Sabah dan Sarawak. Ini penting untuk melihat kepelbagaian adat dan hubung kait adat pengkebumian masyarakat lain dengan Punan Bah.

## 2.2 Pengertian perkataan “Punan”

Hoffman (1983), mendapati diskripsi terawal yang dibentangkan dan menerangkan tentang Punan dalam media cetak adalah oleh Bock pada tahun 1882. Bock merupakan seorang pengembara dan *naturalist* yang mengembara menuju ke hulu Sungai Mahakam terletak di bahagian Kalimantan Timur, Indonesia. Dalam perjalanan tersebut Bock berjumpa dengan satu kumpulan kecil orang Punan yang beliau catat sebagai Orang Poonan. Bock menyifatkan Orang Punan sebagai Orang Poonan sebagai *the true aborigines of Borneo* (yang beliau gambarkan sebagai *primitive wild people of the wood* (petikan dalam Hoffman 1983, p. 2).

Kajian yang bertajuk Punan oleh Hoffman (1983) merupakan sebuah penyelidikan Ijazah Doktor Falsafah beliau dari Universiti Pennsylvania. Penyelidikan beliau merangkumi keseluruhan aspek kebudayaan masyarakat Punan yang berfokus di bahagian Kalimantan Timur dan Kalimantan Selatan Indonesia. Aspek penting yang dibincangkan oleh Hoffman bertajuk ‘Punan Problem’ dalam bahagian pertama. Beliau membangkitkan perdebatan pendapat dalam kalangan ramai penulis terdahulu tentang masyarakat Punan.

Hoffman (1983) telah melakukan kajian etnografi terhadap masyarakat Punan di Kalimantan menjelaskan “...the term *Punan* is applied not only to present and recent

*hunters and gatherers, but also to some sedentary agricultural peoples who have no traditions prior nomadism”* (p.17). Catatan beliau mengandung dua sifat penting tentang perkataan Punan iaitu merujuk kepada masyarakat yang hidup nomad dan yang tidak ada bukti secara tradisi pernah hidup nomad atau tidak pernah hidup nomad. Untuk itu, harus dijelaskan secara terperinci tentang perbezaan dua gaya hidup tersebut yang secara tidak langsung membentuk dua kumpulan masyarakat yang berbeza.

Harisson (1949) menyatakan perkataan ‘Punan’ dengan maksud ‘hulu sungai’ atau ‘kepala sungai’, khususnya di Sarawak. Pengertian perkataan Punan seperti yang dikemukakan oleh Harisson tersebut, secara tidak langsung menggambarkan bahawa setiap kumpulan yang tinggal di kawasan hulu sungai secara semulajadi akan dikenali sebagai ‘orang Punan’ atau ‘orang-orang dari hulu sungai’ (petikan dalam Hoffman, 1983, p.17). Pada masa yang sama, Hoffman mendapati kebanyakan penduduk yang beliau tanya akan makna perkataan Punan menjelaskan bahawa Punan bermaksud kumpulan masyarakat yang dari kawasan kepala sungai, tinggal di dalam hutan, hidup secara nomad dan membentuk beberapa kumpulan yang kecil. Mereka bergantung sepenuhnya kepada sumber alam yang terdapat di sekeliling mereka sebagai keperluan asas. Dengan itu mereka akan mengumpul hasil hutan dan membuat sendiri semua keperluan harian.

Hoffman (1983), turut memetik makna perkataan Punan daripada perspektif masyarakat Cina yang bermaksud “*stare a long time at something strange, and its strangeness will disappear*” (p.56). Dalam pada itu, Bock (1882) menulis tentang pertemuan awal antara orang Punan dengan beberapa individu (pegawai penjajah) dahulu telah mendorong kepada penulisan tentang kumpulan masyarakat ini. Pegawai penjajah yang pernah bertemu dengan mereka telah menerbitkan makalah tentang orang Punan. Mereka berpendapat bahawa tidak mudah untuk mengenali atau mendampingi orang

Punan kerana sifat sebenar mereka tidak seperti yang pertama kali dilihat (petikan dalam Hoffman, 1983, p.7).

Walaupun demikian, apabila merujuk kepada kumpulan masyarakat Punan, sama ada Punan Bah atau kumpulan Punan yang lain di Sarawak, salah satu perkara yang harus dibezakan dan difahami adalah perbezaan mereka dengan masyarakat Punan yang terdapat di Brunei dan Kalimantan atau daerah-daerah lain di Indonesia. Keadaan ini disebabkan mereka mengamalkan keseluruhan sosio-budaya yang berbeza sama ada dari segi bahasa, adat istiadat dan cara hidup masyarakat.

Merujuk kepada pengertian masyarakat Punan dan Penan di Sarawak, penyelidikan ini akan menjelaskan secara terperinci berdasarkan kajian lepas sama ada dua masyarakat ini berkongsi adat kematian yang sama ataupun sebaliknya. Ini kerana sebuah masyarakat yang sama pasti mewarisi, berkongsi kebudayaan dan mengamalkan adat kematian yang sama. Maka, dengan meneliti adat kematian yang masyarakat Penan dengan Punan khususnya Punan Bah akan diketahui sama ada mereka boleh dianggap sama atau berbeza.

### **2.3 Punan di Kalimantan Indonesia dan Brunei**

Sellato (1980) dalam buku *Innermost Borneo Studies in Dayak Cultures*, merupakan sebuah buku yang menggambarkan tentang gaya hidup kumpulan masyarakat Dayak di Kalimantan Indonesia. Sellato menerangkan masyarakat Punan di Kalimantan, sebagai '*forest nomads*' dan mengekplotasi sepenuhnya sumber alam sebagai sumber kehidupan. Perubahan yang dibawa bersama pembangunan menuntut perubahan gaya hidup masyarakat Punan di bahagian Selatan Kalimantan. Peralihan kepada zaman moden telah menyebabkan perubahan yang drastik dalam aspek sosio-budaya dan ekonomi masyarakat. Perubahan yang berlaku bukan hanya kepada kumpulan nomad

bahkan kumpulan petani yang sudah menetap juga turut berhadapan dengan situasi yang sama.

Sellato menjelaskan Punan di Kalimantan Indonesia, tinggal di dalam hutan serta menjalankan aktiviti memburu dan meramu. Kumpulan kaum Punan ini terdiri daripada kaum Lisum dan Beketan. Kedua-dua kaum ini tinggal di daerah Tabang. Walaupun demikian, mereka bukanlah penduduk asal di Tabang tetapi berpindah ke situ sebagai pendatang. Kaum Lisum berasal dari Kalimantan Barat kemudian berpindah ke Sungai Rajang di bahagian Sarawak dan seterusnya ke Sungai Baleh, Sarawak. Mereka datang ke kawasan Apokayan di Kalimantan Timur dalam beberapa kelompok antara tahun 1860-an dan 1910-an.

Kaum Beketan di Kalimantan juga, mengatakan bahawa mereka bukan penduduk asal di situ. Mereka mendakwa telah berpindah dari tempat asal yang sangat jauh iaitu dari Sungai Palin di Kalimantan Barat. Dari situ, mereka berpindah ke kawasan hulu sungai di barat Sarawak. Seterusnya berpindah lagi ke kawasan hulu sungai Rajang di Sarawak dan berpecah. Beberapa orang daripada mereka berpindah ke bahagian utara dan juga ke arah pantai. Manakala mereka yang lain terus berpindah ke kawasan hulu Sungai Baleh. Sekitar tahun 1880, kumpulan ini terus berpindah ke kawasan Kalimantan Timur. Perpindahan dua kumpulan ini (Lisum dan Beketan) ke Kalimantan Timur bertujuan untuk melarikan diri daripada menjadi mangsa ‘pemburu kepala’<sup>iv</sup> yang dilakukan oleh kaum Iban di Sarawak pada ketika itu.

Manakala, kumpulan Punan yang ketiga dikenali sebagai Punan Mentarang, yang berpindah daripada kawasan utara Timur Kalimantan dan kemudiannya berasimilasi dengan dua kumpulan yang pertama (Lisum dan Beketan). Sellato (1980) merumuskan penggunaan nama dan sifat-sifat untuk kumpulan kaum Punan di Indonesia seperti berikut:

*"The Punan: The nomadic forest hunter-gatherers, known under various regional ethnonyms (Penan, Ot, Ukit, Beketan, Bukat), traditionally travel as bands of twenty-five people in the interior's wide forest expanses, upstream from the farming peoples. They subsist on sago, a starch extracted from the marrow of several genera pf palms, and also on hunting, forest collecting and some fishing" (p.68).*

Hoffman (1983), mencatatkan sifat masyarakat Punan seperti berikut:

*"In its general outlines, the prevailing conception has depicted an extraordinarily primitive nomadic hunting and gathering people, widely dispersed in small groups scattered across the length and breadth of Borneo, wandering about in the deepest recesses of the jungle, sleeping in caves and in "rude shelters" of sticks and leaves, sickened by direct sunlight, afraid of other people, seldom seen and hard to find, and considered to the barely human "savage" by the headhunting Dayak tribes of the longhouse and villages. The notion that somewhere within the 'dark inner forests' of Borneo there lives a people somehow more primitives than the primitive, more savage than the savage and more hidden than the already remote Dayak tribes has been an idea that has persistently appealed to something very deep in the minds of western to Borneo" (p.1).*

Beliau menambah, sifat yang dimiliki oleh kaum Punan di Kalimantan juga sama seperti kumpulan-kumpulan kaum lain di dunia yang mengamalkan gaya hidup yang sama. Beliau mencatatkan:

*"Like hunter gatherers elsewhere in the world, Punan groups of Kalimantan have made use of a wide rare of animals resources available to them. Punan share with Dayaks generally an intense fondness for wild pigs (babi hutan), this being by far the food of preference among every Punan group of which I am aware."*

Seterusnya Dalton (1977, p. 352) dalam Hoffman menambah:

*"The Punan: These tribesman are the original inhabitants of Borneo who even precede the Dayaks. Very elusive aborigines, the Punans run when they smell you coming...Their features are more Mongolian than the Dayaks' and the Dayaks consider them savages...It's better if you arrange to go with government party, they could be defensive and hostile. They are fearless because they don't know any better..."* (petikan dalam Hoffman, 1983, p.8).

Demikian, seperti yang telah dijelaskan adalah keadaan yang digambarkan terhadap kumpulan kaum yang dikenali sebagai Punan di Indonesia oleh penulis-penulis seperti yang telah dinyatakan. Keseluruhan, gaya hidup yang diamalkan oleh mereka adalah berpindah randah dan tinggal di dalam gua di tengah hutan. Untuk mendapatkan sumber

makanan, mereka memburu, mengutip hasil hutan, mendapatkan sago daripada batang rumbia dan menangkap ikan. Pengelasan masyarakat Punan di Indonesia adalah berdasarkan gaya hidup dan kedudukan tempat mereka tinggal. Punan juga merangkumi satu kumpulan masyarakat yang besar termasuk Ukit, Sian, Bukitan, Lugat, Lisum, Beketan,<sup>v</sup> Punan, dan Ot (Ot Danum).

Akhir sekali, merujuk kepada masyarakat Punan yang terdapat di Brunei. Menurut Binchin (1991) dalam *Notes on The Penans Games: Learning Survival Techniques at an Early Age*, di Brunei masyarakat yang dikenali sebagai Punan secara rasminya oleh kerajaan sebenarnya berasal daripada kumpulan masyarakat Penan. Mereka turut memperkenalkan diri sebagai Penan Belutan. Kumpulan masyarakat ini secara tradisionalnya adalah hidup secara nomad dalam sebuah kumpulan yang kecil. Mereka tinggal di pondok sementara yang dikenali sebagai *lamin tana* atau *lamin bau*. Mereka merupakan pakar dalam aktiviti memburu binatang dan pembuatan sumpit. Dalam tahun 1960-an, kerajaan Brunei meminta agar mereka tinggal menetap di sebuah kampung iaitu di Kampung Sukang. Perkataaan “punan” dalam bahasa asli mereka bermaksud “untuk berlawan” atau “*to fight*”.<sup>vi</sup> Penulisan Binchin tentang masyarakat Punan di Brunei turut mempunyai persamaan dengan gaya hidup masyarakat Punan di Kalimantan Indonesia dan sekaligus berbeza dengan sifat masyarakat Punan di Sarawak.

## 2.4 Punan dan Penan di Sarawak

Masyarakat Punan di Sarawak mempunyai kebudayaan dan gaya hidup yang berbeza dengan kumpulan masyarakat Punan di Indonesia dan juga di Brunei seperti yang telah dijelaskan. Begitu juga dengan masyarakat Punan dengan Penan<sup>vii</sup> yang terdapat di Sarawak. Oleh kerana konsep Punan di Kalimantan merangkumi dua kumpulan ini maka, tidak mustahil kecenderungan tersebut digunakan untuk merujuk kepada Punan di

Sarawak. Namun demikian, hakikat etnografi di Sarawak adalah berbeza kerana Punan dan Penan adalah dua kumpulan dan kebudayaan yang berbeza.

Hose dan McDougall (1993), telah menerbitkan sebuah buku penting tentang etnografi masyarakat di Sarawak yang bertajuk *The Pagan Tribes of Borneo Volume 1* dan *Volume 2*. Charles Hose merupakan pegawai British yang berkhidmat di Sarawak sebagai *administrative cadetship* semasa pemerintahan Rajah, Sir Charles Brooke pada tahun 1884. Pada tahun 1888 beliau dinaikkan pangkat sebagai *Officer in Charge* di Daerah Baram dan pada tahun 1891 dinaikkan pangkat sebagai Residen (kelas kedua). Pada tahun 1904 beliau dipindahkan ke Sibu dan dilantik sebagai Residen (kelas pertama). William McDougall pula pensyarah dari Universiti Oxford dan pertama kali berjumpa dengan Charles Hose pada tahun 1898 di Sarawak.<sup>viii</sup> McDougall telah menyertai *Cambridge Anthropological Expedition* di Sarawak pada tahun 1887, 1898 dan tahun 1899. Oleh itu, penulisan dua tokoh ini merupakan hasil daripada kerja lapangan, pengalaman dan pemerhatian penulis bersama dengan masyarakat yang mereka nyatakan sebagai Punan di Sarawak.

Hose dan McDougall (1993) menyatakan hampir semua bahagian hutan di Borneo mempunyai tempat yang tidak boleh ditemui dan tersembunyi di tempat yang terpencil (p.177). Di sinilah terdapatnya beberapa kumpulan kecil pemburu nomad yang tidak mempunyai rumah sebagai tempat tinggal. Dari segi karakter fizikal dan cara hidup kumpulan-kumpulan ini, mempunyai persamaan yang amat ketara. Namun demikian, mereka bertutur dalam bahasa yang berbeza mengikut kelompok iaitu kumpulan kaum Punan, Ukit, Sian, Bukitan, Lugat dan Lisum.

Dalam penulisan yang sama Hose dan McDougall (1993) menjelaskan, semua kumpulan kaum tersebut tergolong dalam satu nama kumpulan yang besar yang dikenali sebagai kaum Punan. Walaupun demikian, kumpulan kaum Punan yang sebenar adalah mereka yang tinggal di kawasan dataran tanah tinggi di tengah-tengah hutan. Kumpulan

ini akan mengembara (berpindah) dari kawasan tanah tinggi di sekitar kawasan lembangan-lembangan sungai. Penulis menjelaskan pergerakkan sehingga ke kawasan tanah rendah dan pantai adalah keadaan yang amat jarang berlaku.

Penulisan buku oleh Hose (1927) bertajuk *Fifty Years of Romance & Research or A Jungle-Wallah at Large* juga merupakan catatan penting tentang etnografi di Sarawak. Buku tersebut merupakan penulisan yang berupa sejarah pentadbiran beliau sepanjang berkhidmat dengan Rajah Brooke di Sarawak. Pengalaman dan usaha Hose yang hendak menghentikan aktiviti pemburuan kepala di Sarawak menjadi bahagian penting dalam penulisan ini. Beliau turut menjelaskan ciri-ciri umum masyarakat Punan dalam penulisan ini. Namun demikian, tidak ada sebarang catatan yang menyebut masyarakat Punan Bah. Berdasarkan gaya hidup masyarakat Punan yang beliau jelaskan, ia menunjukkan ciri-ciri masyarakat Penan di Sarawak. Pada masa yang sama, Hose merujuk masyarakat Punan sebagai satu kumpulan besar yang terkandung kumpulan masyarakat Punan di dalamnya.

Penulisan Hose (1991) yang seterusnya bertajuk *The field-book of jungle-wallah: being a description of shore, river & forest life in Sarawak* membuktikan dengan tepat bahawa masyarakat yang beliau rujuk sebagai Punan di Sarawak adalah masyarakat Penan. Beliau menjelaskan cara yang dilakukan oleh masyarakat Punan untuk dalam menguruskan kematian. Mereka menguruskan kematian dengan meletakkan mayat secepat mungkin sebaik sahaja berlaku kematian. Apabila upacara tersebut selesai, semua ahli kumpulan akan meninggalkan tempat tersebut.

Adat kematian yang dijelaskan oleh Hose tampak berbeza dengan adat kematian Punan Bah. Ini disebabkan adat kematian Punan Bah adalah dengan mengkebumikan mayat di atas tanah atau di dalam tanah bagi golongan rakyat biasa. Begitu juga dengan penentuan angka dalam masyarakat Punan yang dinyatakan oleh Hose dan McDougall (1993) dalam buku *The Pagan Tribe of Borneo Volume 2*. Mereka tidak mempunyai

nombor yang melebihi daripada tiga (*ja, dua, telo*) dan jumlah yang selebihnya akan dikenali sebagai *pina* atau banyak (Hose, 1993, p.193). Bagi Punan Bah pula, mereka mempunyai nombor yang banyak atau tidak berakhir dengan tiga sahaja seperti yang dinyatakan Hose.

Sebagai seorang pegawai British yang mempunyai pengalaman luas terhadap kebudayaan masyarakat di Sarawak, Hose dalam penulisan peribadi dan bersama dengan McDougall mengemukakan takrifan tersendiri tentang masyarakat Punan di Sarawak. Jika dirujuk kepada kebudayaan Punan di Sarawak pada masa ini, sifat tersebut adalah tidak tepat kerana masyarakat Punan tidak tinggal di dalam hutan dan mengamalkan adat pengkebumian yang bertentangan dengan penerangan dalam penulisan mereka.

Penjelasan mereka tentang masyarakat Punan dipengaruhi dengan keberadaan dan pengalaman kedua-dua tokoh ini bukan sahaja pernah menjelajah di Sarawak bahkan turut menjelajah ke kawasan Kalimantan. Pada masa yang sama, merujuk kepada tempat keberadaan Charles Hose yang paling lama iaitu di Daerah Baram, juga bersempadan dengan negara Brunei. Seperti yang telah dijelaskan oleh Binchin (1991), Punan di Brunei pada masa dahulu dikenali sebagai masyarakat Penan pada masa ini. Hose juga, tidak ada mencatatkan tentang masyarakat Penan tetapi masyarakat Punan yang termasuk dalam kelompok besar Punan. Sehingga ke hari ini, Baram merupakan petempatan sebahagian besar masyarakat Penan.

Seterusnya Hoffman (1983) mencatatkan "*There are, in addition, several nomadic groups who known by names other than Punan or Penan. In Sarawak these groups have been referred to by such term as Ukit, Bukit, Bukitan, Bukat, Beketan and Sian; among others*". Pernyataan Hoffman juga tidak sejajar dengan situasi dan kebudayaan sebenar masyarakat tersebut di Sarawak. Sama ada masyarakat Penan atau Punan, mereka adalah dua kumpulan kaum yang berbeza. Begitu juga dengan masyarakat Ukit, Bukit, Bukitan, Bukat, Beketan and Sian. Persamaan semua kumpulan yang dinyatakan oleh Hoffman

adalah petempatan mereka yang terletak di hulu Sungai Rajang. Dalam pada itu, de Martinoir (1974) menjelaskan “*The ethnographic classification of the Upper Rejang groups improperly called “races” or “tribes” has been a problem for long time*” (p.267).

Seterusnya, Morisson (1965) mengulas tentang masyarakat Punan dan Penan di Sarawak:

*“There is some difference of opinion as to whether the people known as Penans are one or two peoples, Penans and Punans. There are certainly wide apparent differences between jungles Penans and the settled people who call themselves Punans but research into their languages would appear to show that they have at least a common origin, though they may well have arrived in Sarawak, coming from the Indonesian side of Borneo, at different times. The total numbers of both group amount to about 4,000 persons, confined to the upper Rejang and Baram River systems”* (Morisson 1965, p.310).

Walaupun Morisson berpendapat sedemikian dengan menyatakan masyarakat Penan dan Punan di Sarawak mempunyai persamaan dari segi asal usul, dan masyarakat Punan adalah masyarakat Penan yang telah menetap. Dua kumpulan ini tetap mempunyai kebudayaan yang berbeza sama ada dari segi gaya hidup, bahasa, sistem masyarakat dan adat kematian yang mereka amalkan.

Penemuan pertama tentang perbezaan masyarakat Punan di Sarawak dinyatakan oleh Needham (1954, 1955) dalam Sellato (1980). Needham mendapati bahawa penggunaan istilah “Punan” terhadap masyarakat Punan di Sarawak bukan sahaja merujuk kepada kumpulan yang hidup secara nomad malah turut merujuk kepada kumpulan yang sudah tinggal menetap di rumah panjang dan kumpulan ini dikenali sebagai Punan Ba<sup>ix</sup>. Needham (1954, p.73) memetik penjelasan yang dikemukakan oleh Leach (1948, perenggan 238) tentang gaya hidup masyarakat Punan Bah di Sarawak. Leach tidak bersetuju dengan anggapan Harisson yang manyatakan Punan di Sarawak yang semuanya hidup nomad. Berdasarkan survei etnografi yang dilakukan oleh Leach pada tahun 1947, beliau mencatatkan:

*“By some curious accident the literature nowhere explicitly records the important fact that the Punan Bah are relatively sophisticated people, living in Kayan-Kajang style in large plank built houses, while the Penan of the Jelalong are also a settled group though of more primitive organisation... Harrison [assumes] that all, or at any rate the great majority of people known as Punan are still nomadic. But the facts are quite otherwise. The Punan Bah are settle people, members of the Kajang group of the Rejang....; the settled Penan are a group on their own; neither have any obvious connection (other than similarity of name) with the nomadic Punan”* (Leach 1948 perenggan 238; Needham, 1954, p. 73).

Catatan Leach memberikan satu gambaran yang jelas terhadap masyarakat yang dikenali sebagai Punan Bah yang hidup agak canggih dan menetap sama seperti kumpulan kaum Kayan-Kajang.

Walaupun ada penulis seperti Morisson (1965) dan Hoffman (1983) menganggap masyarakat Punan dan Penan mempunyai persamaan atau sama, tetapi tidak ada orang Punan yang mengaku bahawa mereka sama dengan orang Penan. Begitu juga dengan orang Penan, tidak akan mengakui bahawa mereka orang Punan. Penduduk Punan Bah (2014) mengatakan, sehingga masa ini masih ramai yang keliru kerana menganggap orang Punan dan orang Penan adalah sama. Penduduk Punan Bah menekankan yang mereka langsung tidak mempunyai sebarang persamaan, dengan masyarakat Penan. Hal ini kerana mereka berbeza dari segi bahasa, gaya hidup, sistem politik dan adat pengkebumian yang mereka amalkan. Sama ada kaum Punan atau kaum Penan di Sarawak, masing-masing mereka menafikan bahawa mereka satu kumpulan masyarakat yang sama.

Needham (1954c dalam Hoffman 1983) ada mencatatkan penafian masyarakat Penan terhadap anggapan yang menyatakan mereka sama dengan kaum Punan. Untuk itu beliau menjelaskan masyarakat Penan di Sarawak terpecah kepada dua kumpulan yang besar iaitu Penan di sebelah Barat dan Penan di sebelah timur dan mereka bertutur dengan bahasa yang berbeza. Needham mencatatkan;

*"Until 1951 no white man had ever spoken the Penan language and when they are asked about the name "Punan" the Penan smile and say: "The white men do not know our language and this is the name they have given us. The Punan are certainly a different people. We are Penan (Needham 1954c, p.82; Hoffman 1983, p.7). They compose two tribes, Eastern and Western, separated in the main by the Baram River. Although the tribes recognize each other as true Penan, i.e. as culturally similar forest nomads, there are marked differences between them. These linguistic and social disparities are sufficient to justify the ethnographical separation of the Eastern and Western Penan into two distinct societies" (Needham 1972, p.177; Hoffman 1983, p.6).*

Sifat permasalahan yang dikemukakan oleh Needham dengan mengelaskan masyarakat Penan di Sarawak kepada dua kumpulan timur dan barat, mengundang perhatian dengan situasi permasalahan tersebut sama dengan situasi yang dikemukakan oleh Harisson (1975, p.4) dalam Hoffman (1983, p. 7). Harisson (1975, p.4) dalam Hoffman (1983, p.7) mendedahkan “*Needham's distinction between Punan and Penan promptly led to what Harisson called an "absurdly amusing" debate over whether the two terms really reflect ethnic differences or are merely the result of dialect variation in the pronunciation of the same word..."* (p. 7).

Harisson menganggap perdebatan terhadap isu pengelasan kaum Punan dan Penan di Sarawak sebagai “*absurdly amusing*” iaitu sama ada dua kumpulan tersebut betul-betul diwakili dua kumpulan etnik yang berbeza ataupun hanya berpunca daripada perbezaan variasi dalam sebutan terhadap perkataan yang sama. Dalam pada itu, Needham (1954) turut memetik pernyataan yang dikemukakan oleh Harisson (1951) terhadap isu yang sama. Needham (1954, p. 78) menganggap pernyataan Harisson sebagai “*final exasperated*”, Harisson mencatatkan “*Heaven forbid that on top of all our difficulties in classifying the peoples of Borneo on some reasonably simple plan which can be applied to all four territories of the island, we now have to endure more silly arguments about the supposedly correct spelling of . . . Punan versus Penan . . .*” (Harrison 1951, p. 208; Needham, 1954, p.78).

Manakala Whittier (1974) membuat perbezaan Punan di Kalimantan dengan di Sarawak dengan mencatatkan:

*"In Sarawak there may be a case for distinction between "Penan": in Kalimantan, however, I found that some Kenyah groups referred to the nomads as "Penan" while other Kenyah groups referred to the same group as "Punan". The distinction "Penan/Punan" here seems to be a matter of dialect differentiation among the Kenyah groups"* (Whittier, 1974, p.42; Hoffman, 1983, p. 6-7).

Tulisan terdahulu oleh Urquhart (1959) turut mengemukakan pendapat yang sama dengan Whittier tetapi melibatkan masyarakat Kayan dan Kenyah. Beliau menjelaskan makna perkataan yang hampir sama dengan perkataan ‘Pennan’ iaitu ‘Mennan’ berdasarkan takrif masyarakat Kenyah dan Sebub:

*"When Kayans are speaking among themselves they refer to all the nomadic peoples as "Punans"; and when Kenyahs are speaking among themselves they refer to them as "Pennans". I think both the names Punan and Pennan were not originally used by the peoples concerned but are names that have stuck.... The Kenyah Nyamok, Kenyah Badang, Kenyah Leppo Aga and the Sebups all have a word Mennan meaning "to stay in the jungle, a person who goes and lives in the jungle for two or three years during that time does not plant crops"* (p.73).

Kembali kepada pendapat yang dikemukakan oleh Harisson sama ada situasi sebenar yang berlaku terhadap pengelasan kaum Punan dan Penan di Sarawak, Whittier mengiakan pendapat beliau tetapi merujuk kepada masyarakat Punan atau Penan di Kalimantan. Daripada contoh yang dipetik oleh Hoffman (1983) menunjukkan Whittier mengakui perbezaan mungkin wujud untuk masyarakat yang dikenali sebagai Penan di Sarawak, tetapi di Kalimantan keadaan yang berlaku adalah berbeza. Beliau mengaitkan dengan perbezaan dialek yang dituturkan oleh kumpulan masyarakat Kenyah yang berbeza di Kalimantan terhadap kumpulan yang sama ‘Penan’ dengan kata nama yang berbeza iaitu ‘Punan’.

Akhirnya Hoffman (1983), menyimpulkan pendapat terhadap perdebatan dan perbezaan pendapat dalam kalangan penulis tersebut terhadap isu Punan atau Penan di Sarawak dengan menjelaskan:

*"This enduring debate --"Punan" vs. "Penan"-- has persisted to the present day. And it seems that if indeed there is anything "absurdly amusing" about it, it is simply that both sides of the argument are probably correct. It is reasonable to suppose, on the one hand, that dialectical variation probably was the initial factor in the emergence of the two variant term. On the other hand, Needham's own observations in the field seem to indicate that the Penan/Punan distinction is sociology real and meaningful to the "Penan" themselves...Needham assertions that the "Eastern Penan" are distinct from the "Western Penan", that both of these are different from nomadic "Punan", and that these in turn are unrelated to the settled Punan Ba would seem to suggest that Needham was on to something important" (p.7).*

Rumusan yang dibuat oleh Hoffman terhadap beberapa hipotesis penulis lepas terhadap isu pengelasan kaum Punan dan Penan di Sarawak merupakan panduan penting untuk memahami kemungkinan-kemungkinan yang telah mendorong kepada isu tersebut. Seperti yang dikemukakan oleh Hoffman bahawa setiap hipotesis tentang masyarakat Punan atau Penan oleh penulis terdahulu adalah relevan. Pendapat beliau merumuskan situasi tersebut merupakan perkara yang penting kerana setiap penulis yang lepas merujuk kepada lingkungan kebudayaan yang berbeza tetapi mempersoalkan isu yang sama ‘Punan’ atau ‘Penan’.

Oleh kerana penulis berada dalam lingkungan kebudayaan yang berbeza, maka pendapat masyarakat tempatan terhadap hal yang sama seperti yang mereka rujuk turut berbeza seperti memanggil dan mengenali masyarakat itu sebagai Punan dan yang lain menyatakan sebagai Penan seperti yang dikemukakan oleh Urquhart dan Whittier. Dalam pada itu, pendapat Hoffman menekankan kesimpulan penting terhadap pernyataan yang dikemukakan oleh Needham (1954c, 1955 dalam Hoffman, 1983, p.6) yang mencatatkan kumpulan masyarakat Punan dan Penan yang menjadi perdebatan dalam kalangan penulis tidak mempunyai kaitan dengan masyarakat Punan Ba yang memang hidup menetap di rumah panjang.

Dalam pada itu, Needham (1954, p. 75) memetik pernyataan yang dikemukakan oleh Urquhart (1951) tentang masyarakat Punan Bah yang terangkum dalam kumpulan masyarakat Kajang. Urquhart menjelaskan bahawa masyarakat Punan yang tinggal di rumah panjang di kawasan Sungai Rajang adalah berbeza sepenuhnya dengan masyarakat Punan yang beliau rujuk sebagai “*Jungle Punan*”.<sup>x</sup> Beliau turut menjelaskan bahawa ketua Punan Bah pada waktu tersebut turut menafikan wujud persamaan mereka dengan kumpulan masyarakat Punan yang tinggal di dalam hutan. Penduduk Punan Bah (2014) turut menjelaskan pernyataan yang sama semasa ditanya tentang hubungan mereka dengan masyarakat Penan di Sarawak.

Boi Kesai<sup>xi</sup> (2014), menjelaskan Punan Bah dengan masyarakat Penan merupakan dua kumpulan kaum yang berbeza lebih-lebih lagi masing-masing bertutur dalam bahasa ibunda yang berbeza. Namun demikian, penduduk menekankan terdapat satu kumpulan masyarakat yang dikenali sebagai Punan Tanah yang tinggal di dalam hutan, hidup secara nomad, dan amat sukar untuk ditemui oleh orang lain. Dahulu ada penduduk Punan Bah yang memburu di dalam hutan pernah terjumpa dengan Punan Tanah, tetapi pada masa ini mereka tidak pernah terjumpa dengan mereka. Punan Tanah juga bertutur menggunakan bahasa yang berbeza dengan kumpulan masyarakat Punan yang lain. Penduduk Punan Bah percaya Punan Tanah tinggal jauh di dalam hutan di sepanjang Sungai Bah dan mengamalkan gaya hidup nomad.

Seterusnya, walaupun masyarakat Penan di Sarawak mengamalkan gaya hidup berpindah randah di dalam hutan, jumlah mereka yang masih mengamalkan gaya hidup tersebut pada masa ini telah semakin berkurang. Ramai dalam kalangan mereka yang telah hidup menetap dan bercucuk tanam seperti masyarakat kejiranan mereka yang lain. Pada tahun 1959, Urquhart (1959) menjelaskan jumlah masyarakat Penan yang masih hidup nomad secara tepat adalah tidak diketahui. Namun demikian, beliau mencatatkan sebanyak 1,409 orang Penan di Daerah Baram yang masih hidup nomad pada tahun

tersebut. Jumlah tersebut pasti sudah jauh berkurang pada masa ini kerana selain daripada pilihan sendiri, kerajaan negeri Sarawak turut berusaha menyediakan mereka tempat tinggal supaya mereka boleh belajar dan hidup menetap.

Urquhart (1959) turut menjelaskan, masyarakat Penan yang hidup nomad akan berpindah dari sebuah tempat ke tempat yang baru. Lazimnya mereka menetap di sesebuah tempat lebih kurang enam bulan hingga satu tahun tetapi terdapat juga kelompok yang berpindah dalam tempoh setiap dua bulan ke tempat yang baru. Masyarakat Penan yang masih hidup secara nomad tidak mempunyai binatang ternakan seperti babi ataupun ayam. Mereka yang telah hidup menetap ada menternak ayam dan babi tetapi bukan untuk sumber makanan. Semua binatang ternakan orang Penan akan mereka anggap sebagai kawan dan tidak boleh dimakan. Mereka juga tidak mengambil minuman beralkohol.

Dalam pada itu, masyarakat Penan juga mempunyai keunikan yang tersendiri dalam menentukan jumlah atau pengiraan. Hose dan McDougall (1912, II, p.211; Hoffman, 1983, p. 2) menjelaskan bahawa orang Punan di Kalimantan yang termasuk sekali orang Penan yang hanya mengira tidak melebihi dari tiga. Sifat tersebut sama dengan masyarakat Penan di Sarawak. Bilangan yang lebih dari tiga akan mereka nyatakan sebagai ‘banyak’. Urquhart (1959) mencatatkan:

*“A Pennan has no sense of time and very little sense of numbers. He often has to count on his fingers how many children he has because he doesn’t know the total offhand and neither, which is more surprising, does his wife”* (p.79).

Fakta ini juga menjadi satu garis penting yang membezakan masyarakat Penan dengan Punan di Sarawak kerana Punan mempunyai jumlah kiraan yang lebih dari tiga dan setiap kuantiti ada angka yang tepat tanpa menggunakan ‘banyak’.

Diteruskan dengan adat kematian yang dilakukan oleh masyarakat Penan adalah teras untuk membezakan mereka dengan masyarakat Punan di Sarawak khususnya Punan

Bah. Dalam kebudayaan masyarakat Penan, sebaik sahaja berlaku kematian dalam kumpulan mereka. Mayat tersebut akan dengan segera dikebumikan. Setelah selesai mereka akan meninggalkan tempat tersebut dengan segera dan membina petempatan di kawasan hutan yang lain (Urquhart, 1959, p.77). Tindakan tersebut lahir daripada kepercayaan masyarakat Penan, bahawa kematian adalah perkara yang buruk sehingga boleh mengganggu ketenteraman mereka. Maka dengan meninggalkan tempat tersebut dengan secepat mungkin akan dapat mengelakkan perkara yang buruk berlaku. Dalam keadaan tertentu mereka juga akan membakar pondok<sup>xii</sup> tempat berlakunya kematian sebelum meninggalkan tempat tersebut.

Cara pengendalian adat kematian tersebut bertentangan dengan adat kematian yang dilakukan oleh masyarakat Punan Bah secara keseluruhannya. Perbincangan tentang adat kematian Punan Bah akan diteliti dalam bab yang seterusnya. Perbezaan dalam adat kematian secara tidak langsung menjadi bukti sekaligus, mengesahkan dua kumpulan tersebut adalah berlainan. Hal ini disebabkan begitu mustahil satu kumpulan kaum atau masyarakat berpecah adat kematicinya. Hanya kumpulan masyarakat yang berbeza sahaja, yang berbeza cara dalam penyempurnaan adat kematian.

Selain perbezaan dalam adat kematian, daripada keseluruhan perbincangan tentang masyarakat Punan dan Penan di Sarawak oleh penulis-penulis lepas Langub (1973) telah menjawab dan menerangkan keadaan tersebut dengan mencatatkan:

*The term Punan appears elsewhere in some previous issues of the Sarawak Gazette; in some ways, that term can mean two completely different groups of people in Belaga: the Punan Ba, Tepaling and Biau of the Kajang race, and the previously nomadic Penans. The ex-nomadic groups say that they are Penans and not Punans....But as for Punan Ba, Tepaling and Biau, they are a cultural subgroup within the Kajang race, a major tribe in Belaga. There is no evidence to indicate that they were nomads and very long long time ago even before the government of the Brooke Rajahs became known to them or extended its rule into their area, this group of people lived in Sungai Punan, a tributary of Sungai Ba. They were then highly cultured people: they erected beautifully carved burial pillars such as klireng for their deceased chiefs; they already lived in longhouses, cultivated hill padi*

*and share same social organization with the Kajangs, Kayan and Kenyahs. From the Sungai Ba, this group of people spread into the main Batang Rejang to form three longhouses and into the Kakus of Tatau district. They do not share the same mode of life and tribal history with the Penan of the interior of Belaga district. It would not be inappropriate to name the previously nomadic or jungle Punan (as they were always referred to), Penan and the other group whose history relates their origin to a river by name of Sungai Punan, Punan, at least as far as the idea concerns two completely different groups of people in Belaga (Langub, 1973, pp.73-74).*

Penulisan Langub seterusnya pada tahun 1975, terhadap isu yang sama mengukuhkan dan menjelaskan lagi perbezaan identiti juga gaya hidup sebenar kaum Punan di Sarawak. Beliau mencatatkan lagi:

*“The ethnographic situation is complicated somewhat by the fact that there are groups called “Punan” who are no nomadic and who have no tradition of ever having been nomadic. Aside from the afore-noted Punan Ba, there are the Punan Biau and the Punan Tepaling of the Belaga district in Sarawak, who have described as “longhouse dwellers and sophisticated agriculturalists,” from whom “there is no evidence, within living memory, to indicate that they were nomad” (Langub, 1975, p. 45; Hoffman, 1983, p.11).*

Ulasan Langub tentang pengertian masyarakat Punan di Sarawak tersebut amatlah jelas. Penjelasan beliau akan menjadi titik tolak terhadap masyarakat Punan Bah yang menjadi subjek dalam penyelidikan ini. Ini disebabkan selain daripada tidak pernah mengamalkan gaya hidup nomad, Langub juga menekankan Punan Bah mempunyai monumen kebudayaan yang menjadi lambang kepada masyarakat ini iaitu *kelirieng*. Penjelasan beliau sekaligus menyokong perbezaan sosio-budaya dan membuktikan perbezaan masyarakat Punan khususnya Punan Bah dengan masyarakat Punan di Kalimantan dan Brunei dan juga masyarakat Penan di Sarawak.

## 2.5 Kajian Lepas tentang Adat Kematian dan Pengkebumian

Seterusnya untuk penulisan tentang adat kematian mahupun pengkebumian Punan Bah, terdapat beberapa penyelidikan yang telah dibuat khusus terhadap masyarakat ini. Individu yang paling banyak memberi sumbangan dalam penulisan tentang Punan Bah

adalah Ida Nicolaisen dari *University of Copenhagen*, Denmark. Beliau merupakan individu pertama yang membuat penyelidikan antropologi, khusus terhadap Punan Bah. Penulisan-penulisan beliau dibuat berdasarkan hasil kerja lapangan yang dijalankan dari tahun 1970 sehingga awal tahun 1980. Dalam tempoh tersebut beliau menjadi sebahagian daripada masyarakat sehingga berjaya menguasai Bahasa Punan dengan baik.

Penulisan beliau termasuklah *Form and function of Punan Bah ethnohistorical tradition* (1977); *Change without development. The transformation of Punan Bah economy* (1983); *Heritage, identity and cultural policy: The case of Sarawakian burial posts* (1984); *Concepts and learning among the Punan Bah of Sarawak. In acquiring culture: Cross cultural studies in child development* (2015); *Person and non-persons: Disability and personhood among the Punan Bah of central Borneo. In disability and culture* (1995) diterbitkan *University of California Press*, *Ancestral Names and Government Names. Assessing self and social identity among the Punan Bah of central Borneo. In personnamen och social identity* (1998); *Building a Longboat: An essay on the culture and history of a Bornean People* (1991) ditulis bersama dengan Tinna Damgard-SØrensen dan *Pillar of faith: Souls, fertility, and mortuary rituals among the Punan Bah of central Borneo - A preliminary analysis* (2003).

Bab buku yang bertajuk *Pillar of faith: Souls, fertility, and mortuary rituals among the Punan Bah of central Borneo - A preliminary Aanalysis* oleh Ida Nicolaisen (2003) di dalam buku *Anthropological studies of death, burial and reburial practices in Borneo* dieredit oleh Wilder (2003) merupakan rujukan penting untuk penyelidikan ini. Di bawah tajuk kecil *Modern changes in Punan Bah funerals*, Nicolaisen menyenaraikan tujuh faktor yang telah mengubah pandangan masyarakat terhadap hidup dan mati, hubungan kelahiran semula dan pembiakan, dan cara yang digunakan oleh penduduk untuk menguruskan jenazah.

Nicolaisen (2003) menjelaskan faktor yang pertama adalah larangan aktiviti pemburuan kepala yang telah dilaksanakan oleh pemerintah pada awal abad ke dua puluh. Faktor kedua, pengaruh pandangan orang Eropah terhadap mayat yang dianggap tidak suci dan harus ditempatkan pada jarak yang sesuai dari rumah semasa di bawah pentadbiran Brooke. Sebelum arahan tersebut berkuatkuasa, mayat ahli keluarga Punan Bah yang sudah meninggal akan ditempatkan berdekatan dengan rumah. Faktor ketiga, kesan daripada pengaruh agama *Bungan* dalam kebudayaan Punan Bah sekitar tahun 1950, yang menganggap mayat sebagai benda kotor dan membahayakan. Faktor keempat, pengenalan khidmat kesihatan oleh kerajaan telah mengurangkan kadar kematian bayi dan ibu yang bersalin. Faktor kelima, kerajaan telah membuat peraturan supaya setiap ibu haruslah melahirkan anak di hospital bukan di rumah panjang, setiap kelahiran harus didaftarkan sebagai warganegara dan mempunyai nama dan nama keluarga. Faktor keenam, pengaruh pandangan barat terhadap penciptaan, pembiasaan dan dunia secara umum yang dibentuk di sekolah serta menggalakkan hubungan dengan dunia moden. Faktor yang terakhir, perubahan corak ekonomi yang secara tidak langsung mengubah hubungan sosial dan tanggungjawab ahli keluarga terhadap si mati (pp.130-132). Oleh kerana fokus pelitian beliau pada bahagian ini tentang perubahan pengurusan mayat, beliau tidak membahaskan perubahan adat pengkebumian yang akhirnya membentuk empat jenis tapak perkuburan Punan Bah.

Namun demikian enam daripada tujuh faktor tersebut sama dengan lima elemen yang terdapat dalam kerangka teoritis penyelidikan ini. Faktor tersebut termasuklah larangan aktiviti pemburuan kepala yang pastinya berlaku menerusi perubahan dasar pemerintah; pengaruh pandangan orang Eropah terhadap kematian sama dengan elemen perubahan pandangan hidup penduduk; pengaruh agama *Bungan* jelas sama dengan perubahan agama dan kepercayaan dan perubahan corak ekonomi jelas sama dengan perkembangan ekonomi seperti yang dinyatakan dalam kerangka teoritis penyelidikan ini.

Dalam penulisan yang sama, Nicolaisen turut menjelaskan beberapa maksud ukiran-ukiran yang terdapat pada *kelirieng* serta menyatakan *kelirieng* sebagai monumen kebudayaan yang paling menakjubkan di kepulauan Borneo. Beliau menjelaskan *kelirieng* turut didirikan oleh masyarakat lain seperti Melanau, Berawan dan kumpulan masyarakat Kajang yang lain. Walaupun demikian, masyarakat tersebut tidak memanggil tapak pengkebumian kedua seperti yang dinyatakan sebagai *kelirieng* seperti Punan Bah. Masyarakat Melanau memanggil tempat pengkebumian kedua sebagai *jerunei* (Abdul Malek 2001) atau *jeruney* (Morris 1997, p. 356). Masyarakat Berawan menamakan tempat tersebut sebagai *lejeng* atau *salong* (Ahmad & Goh 2007, p. 16). Kumpulan Kajang yang lain seperti Seping memanggil tempat pengkebumian kedua sebagai *salong* (Abdul Rashid dan Langub, 2011, p. 127).

Dalam pada itu, Nicolaisen (2003) menjelaskan H. Brooke Low telah mendaftarkan terdapat sembilan buah *kelirieng* yang terdapat di kawasan tanah perkuburan di hulu sungai Rumah Sekapan pada tahun 1881. Seterusnya Sharon Thomas melaporkan terdapat tiga belas *kelirieng* berdekatan dengan Rumah Kejerman (Kejaman) pada tahun 1971. Diikuti dengan usaha daripada pihak Muzium Sarawak yang telah melakukan satu tinjauan dalam tahun 1980-1981 dan merekodkan kira-kira terdapat lima puluh buah *kelirieng* yang di hulu Sungai Rejang dan sebahagian besar terdapat di Sungai Bah (Nicolaisen, 1984, p. 121; Nicolaisen 2003 p.124).

Mengulas tentang bentuk-bentuk yang terdapat pada *kelirieng* yang asal, Nicolaisen menjelaskan setiap *kelirieng* mempunyai bentuk yang berbeza di antara satu sama lain. Namun demikian, beliau menekankan lazimnya kebanyakan *kelirieng* mempunyai lapan angka antropomorfik dan muka *tagulun*. Pada bahagian atas *kelirieng*, terdapat dua wajah yang mewakili seorang lelaki dan seorang perempuan yang diletakkan berhampiran dan bertentangan antara satu sama lain. Pada bahagian tengah *kelirieng* terdapat satu muka

yang bercuping telinga panjang serta mempunyai taring yang panjang. Sifat wajah tersebut menjadi lambang kekuatan lelaki dan perempuan tersebut.

Dalam penulisan yang sama Nicolaisen menambah terdapat juga ukiran *kelirieng* yang menunjukkan bentuk zakar lelaki. Imej lelaki dan perempuan pada *kelirieng* dihiasi dengan ukiran-ukiran halus pada bahagian dahi atau badan imej tersebut. Ukiran yang seperti ini, hanya terdapat pada *kelirieng* yang baru. Beliau menekankan, perubahan bentuk ukiran pada *kelirieng* tersebut merupakan kesan daripada pengaruh kebudayaan masyarakat Melayu terhadap kebudayaan Punan Bah. Tidak ada penjelasan yang lebih lanjut terhadap sebab musabab ukiran organ seksual seperti yang beliau nyatakan pada *kelirieng* sebagai pengaruh masyarakat Melayu. Beliau hanya menyatakan:

*“On some of the newer kelering the male sex is not so spectacular; this emphasis is due to Malay influence. Some Punan Bah told me that the images offended Malay concepts of decency in those days (before World War II) and that they caved in to please the Malay administrators under Brooke rule. In the early 1990s similar concerns forced Kojan Kavang, a Punan Bah artist, to modify the sexual organs on the tall pillars, kalamen, on display at the Sarawak Museum”* (Nicolaisen, 2003, p.124).

Bagi *kelirieng* yang terdapat di Punan Bah pada tahun 2014, tidak kelihatan simbol-simbol ukiran organ seksual yang terdapat pada *kelirieng*. Keadaan ini disebabkan unsur-unsur tersebut hanya terdapat pada *kelirieng-kelirieng* yang baru sahaja seperti yang dinyatakan oleh Nicolaisen. Oleh kerana perkampungan Punan Bah merupakan perkampungan pertama kumpulan masyarakat ini, maka simbol organ seksual tidak kelihatan pada *kelirieng* yang terdapat di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, Nicolaisen mengambil contoh *kelirieng* di Punan Pendan yang mempunyai ukiran bentuk organ zakar lelaki. Punan Pendan juga dikenali sebagai kumpulan besar Punan Bah kerana mereka berasal dari Punan Bah tetapi telah berhijrah ke Bintulu. Oleh itu, mereka mewarisi kebudayaan asal nenek moyang mereka dari Punan Bah yang menjadikan *kelirieng* sebagai tempat pengkebumian kedua golongan kelas pertama.

Selain itu, *kelirieng* juga diukir dengan ukiran-ukiran kecil yang menjadi simbol asas kepada sifat kemanusiaan Punan Bah. Ukiran tersebut penting untuk memahami adat istiadat kematian mereka. Beliau menjelaskan apabila bertanya akan maksud bentuk ukiran tersebut, jawapan yang sering kali diberikan oleh penduduk bahawa ukiran tersebut adalah *ungka* atau *kelaved*. *Kelaved* merupakan satu spesis monyet dalam Bahasa Punan yang dirujuk oleh Nicolaisen sebagai “*gibbon*” dalam Bahasa Inggeris. Beliau menjelaskan, konsep “*gibbon*” yang terdapat pada *kelirieng* merupakan metafora kepada jiwa manusia dan menggambarkan kemunculan roh nenek moyang mereka yang telah bersedia untuk dilahirkan semula.

Buku yang bertajuk *Building a Longboat* penulisan bersama Ida Nicolaisen dan Tinna (1991) juga ditulis berdasarkan kerja lapangan. Begitu juga dengan bahagian penulisan Tinna tentang pembinaan perahu panjang, yang dibina di Muzium Viking Ship, Denmark. Bahagian penulisan Nicolaisen, membincangkan tentang beberapa perkara utama iaitu hubungan hidup Punan Bah dengan perahu, adat istiadat semasa perayaan *Bungan*, agama dan kepercayaan penduduk, serta menjelaskan kegiatan sosial dan ekonomi penduduk. Beliau mendapati hampir semua aspek dalam kehidupan Punan Bah mempunyai kaitan dengan perahu panjang.

Keadaan ini disebabkan pembinaan sebuah perahu panjang akan mengambil kira setiap perkara kerana ianya melibatkan hubungan dengan alam lain. Penulisan beliau penting kerana menjelaskan dengan terperinci kegunaan perahu semasa berlaku kematian. Bagi tujuan pengembumian tiga buah perahu akan digunakan untuk membawa keranda ke tanah perkuburan. Beliau turut menyentuh tiga jenis adat kematian berkenaan dengan pengkebumian yang pertama, pengkebumian kedua dan pengkebumian dengan menggunakan tiang *kelirieng* tetapi tidak menjelaskan tentang perbezaan adat tersebut. Beliau lebih fokus kepada situasi yang berlaku semasa kematian.

Penulisan beliau yang seterusnya sebuah artikel jurnal yang bertajuk *Change without development: The transformation of Punan Bah economy* membincangkan perubahan dan keadaan ekonomi yang dialami oleh Punan Bah. Beliau menyentuh gaya hidup masyarakat Punan Bah, seperti sistem politik yang berstratifikasi, kegiatan ekonomi dan sistem kekeluargaan yang bilateral. Penelitian perubahan ekonomi yang beliau lakukan berlaku bermula daripada sebelum pemerintahan Brooke sehingga tahun 1975 yang secara tidak langsung telah mengubah sistem sosial dan gaya hidup penduduk. Walaupun demikian, beliau tidak menyentuh tentang perubahan adat istiadat pengkebumian masyarakat.

Seterusnya, latihan ilmiah Ijazah Sarjana Muda bertajuk *Adat Istiadat dalam Upacara Kematian dan kepercayaan masyarakat Punan Ba (Bah)* oleh Lingka anak La (1998) juga rujukan penting penyelidikan ini. Sebagai sebuah kajian etnografi, latihan ilmiah tersebut dibuat berdasarkan kerja lapangan dan kajian kepustakaan. Fokus kajian tersebut dilakukan terhadap masyarakat Punan Bah yang tinggal di Kampung Pandan di Bintulu. Mereka juga dikenali sebagai Punan Pandan yang berasal dari perkampungan Punan Bah di Belaga Sarawak. Oleh kerana berasal daripada keturunan yang sama, maka Punan Pandan mewarisi kebudayaan nenek moyang mereka di Punan Bah terutamanya dalam adat kematian.

Fokus penyelidikan beliau lebih kepada mengetahui hubungan hidup masyarakat berdasarkan pantang larang, adat istiadat dan ritual-ritual yang dilakukan semasa berlakunya kematian. Lingka turut menyentuh tentang sistem sosial yang berstratifikasi, sistem politik tradisional dan pembinaan *kelirieng*. Beliau menjelaskan dengan terperinci perkara-perkara yang dilakukan dalam adat kematian masyarakat daripada pengumuman kematian sehingga adat pengkebumian dilakukan.

Dalam penyelidikan yang sama, Lingka memberi penerangan tentang kerja-kerja yang dilakukan untuk adat pengkebumian kedua iaitu upacara *menulang* dengan mengutip

tulang si mati untuk disimpan di dalam *tajau* atau tempayan. Beliau tidak menjelaskan sama ada upacara tersebut khas untuk golongan kelas atasan sahaja tetapi menjelaskan secara umum tanpa mengaitkan dengan kelas sosial. Puwing Daud (2014), juga menjelaskan selain daripada golongan diraja, rakyat biasa pada zaman dahulu turut mengamalkan adat pengkebumian kedua tetapi telah lama tidak dilakukan.

Walaupun penyelidikan Lingka tidak menjurus kepada perubahan adat pengkebumian, secara tidak langsung fenomena perubahan telah dikenal pasti dalam kajian beliau. Ini berdasarkan beberapa adat dan upacara yang tidak lagi diamalkan oleh masyarakat. Beliau menjelaskan kemasukan agama Kristian memberi kesan terhadap perubahan adat kematian tradisional masyarakat Punan Bah di Kampung Pandan. Penjelasan beliau sama dengan jangkaan awal faktor yang mempengaruhi perubahan adat pengkebumian Punan Bah iaitu elemen perubahan agama dan kepercayaan masyarakat. Hal ini pastinya disebabkan perubahan agama dan kepercayaan individu atau masyarakat akan mengubah pandangan hidup yang secara tidak langsung mengubah adat kematian dan adat pengkebumian penduduk.

Selain Punan Bah, kumpulan masyarakat Kajang yang lain seperti Seping, Kejaman dan Sekapan juga mengamalkan adat pengkebumian kedua. Ini kerana adalah satu kelaziman sebuah kumpulan masyarakat besar akan berkongsi satu kebudayaan yang sama khususnya adat pengkebumian. Masyarakat Kayan dalam kumpulan Orang Ulu juga mengamalkan upacara pengkebumian kedua yang dikenali sebagai *salong* khusus untuk golongan aristokrat sahaja. Begitu juga dengan masyarakat Lun Bawang, yang menempatkan tulang-tulang golongan aristokrat dalam tempayan sebelum dikebumikan di tapak khas semasa pengkebumian kedua.

Dalam kebudayaan masyarakat Lun Bawang tradisional menurut Meechang Tuie (1995), kematian seseorang dianggap sebagai perpindahan dari alam dunia kepada dunia baru. Ini bererti harta benda si mati mungkin diperlukannya di akhirat. Kepercayaan ini

menyebabkan masyarakat Lun Bawang Pagan membekalkan si mati dengan hartanya yang terdekat dengan dirinya semasa masih hidup seperti ilang, pakaian, manik, tempayan dan sebagainya. Mereka percaya ruang antara dunia alam dengan dunia baru itu gelap. Oleh itu, dalam perjalanan roh si mati ke dunia baru, maka dia akan berjalan dalam kegelapan. *Betik* atau reka bentuk hitam yang menghias lengan dan tangan perempuan amat penting di alam kematian. Ini kerana *betik* tersebut akan mengeluarkan cahaya dan menerangi jalan semasa menuju alam dunia baru.

Abdul Rashid dan Langub (2011) telah membuat penyelidikan terhadap adat pengkebumian masyarakat Seping. Seping merupakan etnik minoriti yang terangkum dalam kumpulan Kajang di Sarawak. Mereka mengamalkan adat pengkebumian kedua dengan menggunakan *salong*. Sama seperti Punan Bah, Seping mempunyai stratifikasi sosial iaitu terbahagi kepada golongan aristokrat dikenali sebagai *keta'ak* dan rakyat biasa. Upacara pengkebumian kedua hanya dilakukan terhadap golongan aristokrat sahaja, sementara rakyat biasa akan dikebumikan di dalam tanah di tapak perkuburan penduduk.

Dalam menguruskan kematian gong akan dipukul dengan dendangan khas sebagai tanda baru berlaku kematian. Mayat akan segera dimandikan dan diletakan di sebuah platform khas yang dikenali sebagai *selarong*. *Selarong* merupakan tempat khas yang dihias dengan sarong serta dibina di *ruai* rumah panjang keluaga tersebut. Ini sama dengan konsep *pelian* yang digunakan oleh Punan Bah. Bagi masyarakat Seping, mayat rakyat biasa akan dijaga di rumah selama empat hari dan lapan hari untuk golongan aristokrat. Mayat akan disimpan di dalam keranda pada malam terakhir mayat tersebut dijaga di rumah. Jika si mati adalah aristokrat maka upacara khas yang dikenali sebagai *ngelutu* akan dilakukan semasa mayat berada di rumah. *Ngelutu* merupakan upacara nyanyian yang dilakukan oleh seorang wanita berpengalaman dalam upacara keagamaan.

Upacara pengkebumian kedua akan dilakukan setelah setahun atau lebih kerana pelbagai faktor dan persediaan yang perlu dilakukan oleh ahli keluarga mendiang.

Sepanjang masa keranda ditempatkan di sebuah tempat yang dikenali sebagai *sepiro*, ahli keluarga mendiang akan mencari kayu belian untuk dibuat *salong*. Tukang kayu terkemuka akan diberi tanggungjawab untuk mengukir belian tersebut. Setelah *salong* tersedia barulah masa upacara pengkebumian kedua akan dilakukan. Upacara mengutip tulang di dalam keranda akan dilakukan oleh ahli keluarga mendiang sahaja. Tulang tersebut akan dibungkus dengan kain kemudian disimpan di dalam tempayan. Sekiranya tidak ada tempayan, sebuah bekas khas berbentuk kotak akan dibuat untuk menyimpan tulang tersebut. Tempayan atau kotak kayu tersebut akan diletakan di dalam pondok kecil di atas dua *salong*. Setelah itu, upacara pengkebumian kedua masyarakat Seping pun selesai. Semua tetamu yang hadir akan dijamu dengan pelbagai kuih muih dan *borak* atau *rice wine*.

Seterusnya bagi masyarakat Melanau adat pengkebumian kedua juga dilakukan terhadap golongan kelas atasan. Adat yang mereka lakukan juga mempunyai beberapa persamaan dengan pengkebumian *kelirieng* Punan Bah. Abdul Malek (2001) menjelaskan semasa masyarakat Melanau masih mengamalkan sistem pemerintahan beraja, jenazah raja-raja tersebut akan dimasukkan di dalam sebuah tiang yang dikenali sebagai *jerunei*. Beliau menggunakan kata nama “Melanau Pagan” untuk merujuk kepada kumpulan masyarakat ini. Ini bermaksud, tradisi pengkebumian *jerunei* ini hanya dilakukan semasa zaman nenek moyang masyarakat Melanau dahulu iaitu sebelum kemasukan agama Islam dan agama Kristian ke dalam kebudayaan mereka.

Beliau menjelaskan *jerunei* merupakan sebatang pokok yang diukir dengan bentuk-bentuk yang tertentu. Kerja-kerja menyiapkan sebuah *jerunei* memerlukan masa kira-kira tujuh tahun untuk disiapkan. Bahagian tengah *jerunei* akan dibuat lubang dan ditutup sama seperti *kelirieng*. Seterusnya Jamuh (1949), mencatatkan *jerunei* juga boleh wujud dalam dua bentuk iaitu diukir atau tidak diukir. Ini berbeza dengan sifat *kelirieng* yang dipenuhi dengan ukiran daripada bahagian bawah sehingga bahagian atas *kelirieng* tersebut.

Jamuh (1949) kemudian menjelaskan, sepanjang kerja-kerja membuat *jerunei* semua yang terlibat harus peka kepada petunjuk alam yang membawa petanda tidak baik contohnya bunyi-bunyi burung (*Bukang, Kutit, Garit, Sat, Mulong, Talajan, Tapasi, Mekong, Nyawoo, Mayau, Gigisi*), dahan pokok yang patah dan bunyi kijang. Apabila *jerunei* siap, tarikh yang yang sesuai untuk mendirikan *jerunei* tersebut akan ditentukan pemilik *jerunei* dan “Dukun”. Peka terhadap petunjuk alam penting untuk mengelakkan sebarang kejadian buruk berlaku sama ada terhadap individu yang terlibat atau yang tidak terlibat.


Seterusnya, Abdul Malek (2001) menjelaskan semasa upacara mendirikan *jerunei*, seorang perempuan daripada keturunan hamba akan dikurung di dalam lubang *jerunei* bersama dengan mayat raja. Pemilihan individu yang akan dikurung di dalam *jerunei* boleh berlaku dalam dua keadaan. Pertama, individu tersebut secara sukarela ‘dikorbankan’ untuk tuannya. Kedua, individu tersebut dipaksa oleh orang suruhan raja untuk menjadi ‘korban’ upacara. Perempuan tersebut akan dikurung sehingga mati di dalam *jerunei*. Tindakan mengorbankan hamba semasa mendirikan *jerunei* adalah disebabkan kepercayaan masyarakat terhadap roh hamba tersebut akan berkhidmat untuk rajanya sama seperti masa hidup.

Setelah upacara menyimpan mayat raja dan seorang anak hamba dilakukan, upacara akan diteruskan dengan menanam tiang tersebut. Sebuah lubang yang besar akan digali dan seorang lagi hamba akan dicampakkan hidup-hidup ke dalam lubang tersebut. *Jerunei* tersebut akan ditarik dan dimasukkan ke dalam lubang yang dengan serta merta menimpa hamba tersebut yang menyebabkan hamba tersebut mati dengan serta merta. Perbuatan mencampakkan hamba ke dalam lubang untuk mendirikan *jerunei* adalah untuk memudahkan *jerunei* tersebut didirikan atau ditanam. Maka dengan adanya korban manusia atau seorang hamba, kerja-kerja mendirikan *jerunei* tidak akan berhadapan dengan sebarang masalah.

Dalam pada itu Jamuh (1949), menjelaskan keadaan yang sama dalam upacara mendirikan *jerunei*. Beliau mencatatkan:

*"If difficulty is experienced in getting the pole upright, as it frequently the case, a slave is killed, blood being let to flow into a receptacle and splash all over the hole for the pole, into which the body of the slave has first been pushed. The spirit of the slave is supposed to help the erection"* (p.66).

Di bawah adalah ilustrasi cara sebuah *jerunei* didirikan oleh masyarakat Melanau dahulu.



Gambar 1: Lukisan cara *jerunei* didirikan dengan mengorbankan seorang hamba (Jamuh, 1949, p.66).


Selepas dua atau tiga hari mayat telah dimasukan di dalam *jerunei*, seorang lagi hamba akan dikorbankan untuk melengkapkan upacara. Beliau mencatatkan:

*"A live slave is bound round and round up to his neck, his head placed in a kind of stock with strengthening poles anchored on the "V" incisions of the jerunei, and with legs resting on the beam placed through the lower holes. The slaves is left there to cry and starve, securely lashed to look upwards, until in a few days' time he joins his master or mistress. There is no hope of escape of this is so that the slave may be able to attend to the wants of his superiors in the next world* (Jamuh, 1949 p. 67).

Seterusnya, Abdul Malek (2001) menjelaskan upacara yang terakhir adalah kerja-kerja mengutip tulang-tulang raja dan hamba. Upacara ini dilakukan setelah cukup tempoh untuk mayat di dalam *jerunei* tersebut mereput. Tulang-tulang tersebut akan dimasukan ke dalam tempayan khas yang dikenali sebagai *tajau lika*. *Tajau lika* berisi tulang raja dan hamba tersebut akan diletakkan di dalam lubang pada bahagian lubang atas *jerunei*. Dalam pada itu Jamuh (1949) menjelaskan dalam keadaan tertentu mayat si mati akan ditempatkan terlebih dahulu di dalam keranda yang berbentuk perahu di bawah sebuah pondok sebelum diletakan di dalam *jerunei*. Beliau mencatatkan:

*"In some circumstances, the body itself is at first placed in a canoe-like coffin, resting on pile, over which an atap roof is built. A small bamboo is inserted into a hole bored in the underside of the coffin, and out of this the fluid of decay runs into ground. After some time, the bones are taken out and placed in a small jar to be deposited in hollow, as in the jerunei in the Sungai Misan type (below). A second large feast is then held on the same scale as the first one. A live slave is tied to the pineapple on the tip of the pole and bound so that he embraces the wooden fruit until he is dead"* (Jamuh, 1949, p.67).

Di bawah adalah contoh lukisan bentuk dua buah *jerunei* yang terdapat di Mukah iaitu di Sungai Telian, Kampong Angus (sebelah kiri) dan di Sungai Misan (sebelah kanan), anak sungai sebelah kanan Sungai Telian.



Gambar 2: Contoh lukisan bentuk dua buah *jerunei* yang terdapat di Sungai Telian, Kampung Angus dan di Sungai Misan (Jamuh, 1949, p.63).

Perkara yang menarik terhadap adat pengkebumian *jerunei* dalam kebudayaan masyarakat Melanau zaman dahulu menurut Jamuh (1949) adalah kepercayaan mereka terhadap semangat orang yang sudah mati akan bertukar menjadi haiwan yang membawa petanda (*animals omen*) iaitu burung. Pada masa yang sama, jika dikebumikan di dalam tanah dikhuatiri akan diceroboh oleh binatang seperti babi hutan dan binatang lain. Jika keadaan tersebut berlaku, ia dipercayai akan mengganggu laluan ke alam roh.

Akhir sekali, sama seperti yang berlaku terhadap upacara pengkebumian *kelirieng*, Abdul Malek (2001) menyatakan bahawa adat pengkebumian dengan menggunakan *jerunei* masyarakat Melanau Pagan tidak lagi diamalkan setelah sekian lama iaitu sebelum penaklukan Raja Brooke. Melanau Pagan percaya roh si mati harus dibantu untuk dalam perjalanan ke alam kematian atau *alam pengamou*. Dengan itu, mereka akan mengiringi roh si mati dengan mengadakan majlis berkabung dan *peligin* sebagai tanda kasih sayang terhadap si mati. Si mati akan dikenakan barang kemas untuk memudahkan si mati berjalan ke alam kematian kerana barang kemas adalah simbolik cahaya kepada si mati.

Dalam pada itu, tempat membaringkan mayat akan ditebus sebuah lubang kecil dan diletakkan sebilah parang dengan tujuan mengeluarkan roh si mati daripada rumah tersebut. Tindakan tersebut juga untuk mengelakan roh si mati kembali ke rumah. Selepas upacara pengkebumian, adat akan diteruskan dengan adat *pelalai* atau berkabung yang akan berlangsung selama satu bulan daripada hari tersebut. Daripada keseluruhan adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Melanau Pagan, Abdul Malek menjelaskan bahawa telah berlaku banyak perubahan dalam adat tersebut pada masa ini. Ianya tidak lagi asli seperti yang asal.

Antara faktor yang mempengaruhi perubahan adat kematian Melanau Pagan termasuklah perkembangan sistem pendidikan, pengaruh agama Islam dan Kristian, perubahan sistem ekonomi, perkembangan sains dan teknologi, jurang antara generasi

baharu dan generasi lama. Daripada perkara yang mempengaruhi perubahan dalam adat kematian masyarakat Melanau Pagan, faktor yang sama mungkin mempengaruhi perubahan adat pengkebumian Punan Bah. Keadaan ini berdasarkan persamaan faktor seperti yang dinyatakan dengan jangkaan awal yang menyebabkan perubahan adat pengkebumian Punan Bah dalam kerangka teoritis penyelidikan ini. Hal ini akan diketahui pada bahagian akhir penyelidikan ini, sama ada mempunyai persamaan ataupun sebaliknya.

Penjelasan adat pengkebumian *jerunei* masyarakat Melanau seperti yang telah dibincangkan menunjukkan terdapat persamaan dengan adat pengkebumian *kelirieng* Punan Bah. Persamaan tersebut termasuklah pengorbanan hamba, penggunaan tempayan untuk menyimpan tulang dan kepercayaan terhadap kewujudan laluan ke alam roh atau alam kematian. Namun demikian, hanya seorang hamba yang dikorbankan untuk mendirikan *kelirieng*, berbeza dengan pengorbanan dua orang hamba untuk mendirikan *jerunei*. Tindakan mencampakkan hamba ke dalam lubang juga bertentangan dengan ‘cara halus’ yang bersifat ‘tipu helah’ berbentuk tarian dan hiburan yang dilakukan oleh Punan Bah. Dalam pada itu, rupa bentuk *jerunei* juga berbeza dengan *kelirieng*.

Selain daripada masyarakat di Sarawak, adat kematian yang dilakukan oleh masyarakat Kadazan/Dusun di Sabah juga menunjukkan beberapa persamaan dengan adat Punan Bah. *Bagaton dalam adat kematian Kadazan/Dusun tradisi di daerah Tambunan* dilakukan oleh Saruji Saidi (2002) yang merupakan sebuah latihan ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda dalam Jabatan Sosio-Budaya fakulti Akademi Pengajian Melayu sesi 2001/2002. Dalam masyarakat Kadazan Dusun, upacara yang dilakukan semasa berlakunya kematian termasuklah *memojuh* atau memandikan mayat, *menguman* atau menghias mayat dan mengubur mayat atau menggali kubur untuk si mati.

Semasa upacara-upacara tersebut dilakukan terdapat pelbagai pantang larang yang harus dipatuhi oleh semua yang terlibat dengan upacara tersebut. Semasa upacara

menggali kubur dilakukan, lubang yang sudah digali tidak boleh ditinggalkan kerana dipercayai akan menjadi sempit. Penggali kubur tidak boleh menjumpai ulat tanah yang dikenali sebagai *lontokian*. Jika terjumpa mereka harus menggali lubang yang baru tetapi sekiranya hendak diteruskan mereka harus memberitahu keluarga si mati dan seisi keluarga dan tetamu harus pindah dari rumah tersebut. Jika tidak berbuat demikian mereka dipercayai akan ditimpa musibah iaitu kematian.

Setelah mayat dikebumikan, sebatang buluh yang panjang dipacak di tepi kubur dan bahagian hujung menghala ke arah gunung kinabalu dengan tujuan memberi panduan kepada roh si mati supaya selamat sampai di alam kematian yang kekal yang dikenali sebagai “*pongoluan*” yang terletak di puncak gunung Kinabalu. Walaupun demikian, upacara tersebut hanya dilakukan oleh generasi zaman dahulu dan tidak lagi diamalkan pada masa ini. Buluh-buluh runcing akan dipacakkkan di sekeliling lubang kubur dengan tujuan untuk menghalang mayat dicuri atau dikorek oleh binatang. Barang-barang yang dibawa bersama si mati juga akan dimasukkan ke dalam tanah beserta dengan keranda tersebut. Setelah selesai, mereka yang terlibat tidak boleh terus balik ke rumah mereka tetapi harus kembali ke rumah keluarga si mati terlebih dahulu supaya tidak mendapat penyakit. Mereka akan diberi sedikit daging sebagai ‘*sogit*’.

Dalam kebudayaan tradisional masyarakat Kadazan Dusun, si mati harus dibekalkan dengan barang-barang yang tertentu seperti gong, barang-barang kemas dan perhiasan bagi perempuan, senjata bagi laki-laki dan pinggan mangkuk. Di atas kubur si mati akan diletakkan nasi, pinang bagi perempuan dan rokok bagi lelaki. Upacara selepas pengkebumian dimulakan dengan upacara *papakan* iaitu upacara memotong ayam, kerbau, babi dan dibawa ke kubur si mati sebagai sajian. Seterusnya, adat memuja *tajau* atau *bagaton* hanya dilakukan jika si mati akan dikebumikan dalam *tajau*. Mayat akan disimpan di dalam *tajau* dan ditutup dengan gong atau penutup khas *tajau* tersebut. *Bagaton* akan dimasukkan di dalam tanah dan bahagian atas atau mulut *bagaton* akan

dibiarkan timbul atau tidak ditimbus. Upacara pengkebumian di dalam *bagaton* tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Kadazan Dusun kerana peranan *bagaton* telah ditukar dengan keranda. *Bagaton* hanya akan diletakkan di atas kubur si mati. Keputusan tidak menggunakan *bagaton* untuk mengkebumikan mayat juga satu perubahan adat yang sama perubahan adat pengkebumian Punan Bah.

*Adat kematian dan pengkebumian masyarakat suku kaum Iranun Kampung Tamau Kota Belud* dilakukan oleh Roslan bin Haji Manshor daripada Jabatan Sosio-Budaya, Akademi Pengajian Melayu pada tahun 2002. Penyelidikan tersebut dibuat menggunakan pendekatan kualitatif. Dalam kebudayaan masyarakat Iranun di tempat tersebut, adat kematian yang mereka amalkan juga bermula dengan mengumumkan kematian dengan memukul *tabo*. Bagi golongan orang biasa atau *balu-balu* jumlah pukulan *tabo* adalah berbeza mengikut peringkat umur. Tujuh pukulan untuk kanak-kanak, sembilan kali untuk remaja dan dua belas kali untuk dewasa.

Sebaik sahaja upacara tersebut selesai maka upacara mengumpul *tabaang* atau bantuan dalam bentuk wang ringgit, beras, padi, gula, roti dan barang-barang lain yang boleh meringankan beban keluarga si mati oleh individu yang telah dilantik terus dilakukan. Mayat akan dimandikan dengan menggunakan air limau. Kemudian diurut dengan bedak yang diperbuat daripada tepung beras dengan tujuan menambahkan wangi pada badan si mati dan disabunkan serta dibersihkan dengan air sehingga bersih. Sebuah usunan berbentuk kenderaan diraja yang diperbuat daripada buluh akan digunakan untuk membawa mayat si mati ke tanah perkuburan. Setelah dikebumikan adat *Jaga Sa Kubur* atau menunggu di kubur sepanjang tempoh yang telah ditetapkan akan dilakukan. Ini bertujuan untuk mengelakkan mayat digali oleh *hantu balbal* atau manusia jadian yang dikuasi oleh sejenis kuasa syaitan sehingga tidak menyedari tingkah laku tersebut.

Setelah itu kelambu akan dipasang di atas kubur si mati sebagai tanda selesainya upacara. Warna putih untuk golongan biasa dan warna hijau untuk keturunan datu dan

kuning untuk keturunan syarif. Adat *Jaga Sa Walai* atau meletakan tempat tidur untuk si mati di tengah-tengah rumah selama tujuh hari akan diteruskan. Bangkai-bangkaian tidak boleh dilangkah kucing kerana boleh menyebabkan roh si mati marah dan tidak mahu kembali ke rumah. Penggunaan warna bendera untuk membezakan status individu dan larangan untuk tempat si mati dilangkah kucing sama dengan adat kematian Punan Bah.

Seterusnya *Adat kematian masyarakat Bajau Kampung Bolong, Tuaran, Sabah* oleh Rosle bin Saidi, juga sebuah latihan ilmiah daripada Jabatan Sosio- Budaya, Akademi Pengajian Melayu. Sama seperti masyarakat peribumi Sabah seperti yang telah dibincangkan, apabila berlaku kematian, pengumuman akan dibuat dengan memukul gendang sebagai tanda telah berlakunya kesusahan. Tabung khairat akan diedarkan, keranda, nisan dan bendera untuk si mati akan dibuat. Mereka percaya bahawa individu yang meninggal dunia pada hari Jumaat akan bebas daripada seksaan kubur dan mendapat kesejahteraan di hari akhirat. Manakala, wanita yang meninggal dunia kerana melahirkan anak dianggap sebagai mati sahyid dan dijamin akan masuk syurga. Kepercayaan seperti ini lazimnya dipengaruhi oleh pegangan agama masyarakat seperti agama Islam untuk masyarakat Bajau.

Puwing Daud (2014), menjelaskan bagi masyarakat Punan Bah yang beragama Bungan, mereka percaya bahawa terdapatnya alam kematian tanpa pembahagian syurga dan neraka. Kehidupan di alam kematian sama dengan kehidupan manusia di dunia. Namun begitu, mereka yang dipercayai banyak melakukan perbuatan jahat semasa hidup beliau tidak akan berjaya sampai di alam kematian. Mereka dipercayai akan terjatuh ke dalam sungai dan dimakan oleh seekor ikan besar yang dikenali sebagai ikan *juak*. Jika individu tersebut banyak berbuat baik semasa hidup, dia akan berjaya menyeberangi jambatan tersebut.

Perbincangan penulis-penulis tersebut telah menjelaskan perkara penting yang harus diketahui tentang masyarakat Punan sebelum mengenal dengan lebih dekat Punan

Bah. Pertama masyarakat Punan di setiap negara di kepulauan Borneo merupakan komuniti yang berbeza mengikut negara masing-masing. Elemen penting yang membezakan komuniti Punan di Brunei dan Indonesia adalah mereka tidak mengamalkan adat pengkebumian kedua dengan menggunakan *kelirieng* seperti komuniti Punan Bah di Sarawak. Oleh yang demikian *kelirieng* tidak terdapat di Brunei dan di Kalimantan.

Pendapat dan pengalaman yang berbeza dalam kalangan penulis tersebut mendorong kepada pengelasan dan pemahaman yang berbeza tentang komuniti Punan di Borneo. Oleh itu, setiap pendapat tersebut adalah relevan berdasarkan keberadaan penulis pada tempoh tersebut. Oleh kerana penulisan tentang komuniti dengan nama yang sama tetapi berbeza sosio-budaya dan tempat telah mengundang banyak perhatian para penulis. Maka debat dalam kalangan penulis telah berlaku semata-mata untuk mendapatkan klasifikasi komuniti Punan yang tepat.

Daripada itu, penulisan Jayl Langub selaku penulis tempatan telah menerangkan identiti yang paling jelas tentang komuniti Punan Bah di Sarawak. Penulisan beliau tentang Punan Bah menjadi data yang kukuh untuk membezakan masyarakat ini dengan Punan di Kalimantan, Punan di Brunei dan Penan di Sarawak. Ini disebabkan beliau pernah berkhidmat sebagai Sarawak Administrative Officer (SAO) pada tahun 1971 hingga tahun 1974 di Daerah Belaga. Menerusi perhatian, kefahaman dan pengalamannya, beliau berjaya merumuskan dengan tepat identiti Punan Bah yang berada di bawah pimpinan beliau.

Seperti yang telah dibincangkan, adat pengkebumian Punan Bah didapati mempunyai beberapa persamaan dengan kebudayaan masyarakat peribumi yang lain di Sarawak seperti masyarakat Melanau dan Kayan. Persamaan yang dimaksudkan termasuklah saling mengamalkan upacara pengkebumian kedua, penggunaan tiang untuk mengkebumikan golongan kelas atasan, penggunaan *tajau* atau tempayan untuk menyimpan tulang, pengumuman kematian, penggunaan bendera dan bantuan kepada

keluarga si mati. Persamaan dalam penyempurnaan adat kematian secara tidak langsung menunjukkan wujudnya persamaan *world view* penduduk di sesebuah kepulauan yang diterjemahkan melalui upacara adat tersendiri berdasarkan keunikan kebudayaan masing-masing.

Akhir sekali, daripada semua penulisan seperti yang telah dibincangkan penyelidikan dan penulisan Ida Nicolaisen (2003), Lingka anak La (1998) dan Abdul Malek bin Mahden (2001) mempunyai hubungan rapat dengan penyelidikan ini kerana terdapat bahagian penulisan tersebut yang membincangkan tentang perubahan adat kematian dan pengkebumian. Dalam pada itu, setiap penyelidikan lepas tentang Punan Bah dan juga masyarakat lain seperti yang telah dibincangkan mempunyai kekuatan tersendiri berdasarkan fokus yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

Namun demikian, belum ada kajian yang membincangkan secara menyeluruh setiap elemen yang mempengaruhi perubahan adat pengkebumian Punan Bah. Perihal perubahan dalam adat Punan Bah memang ada dinyatakan dalam penyelidikan Ida Nicolaisen (2003) dan Lingka anak La (1998). Namun, penyelidikan tersebut tidak merangkumkan setiap elemen yang terlibat dalam perubahan tersebut seperti setiap proses yang dilakukan untuk membina setiap tapak pengkebumian dan bentuk perubahan yang berlaku pada masa dinyatakan. Pada masa yang sama belum ada perbincangan yang terperinci berkenaan dengan pola perubahan adat pengkebumian yang telah berlaku.

Ruang atau kelompongan yang ada dalam kajian lepas tentang perubahan adat pengkebumian Punan Bah akan dipenuhi dengan sebaik mungkin dalam penyelidikan ini. Untuk itu, penyelidikan ini akan menjelaskan setiap tatacara adat kematian sehinggalah selesai upacara pengkebumian kedua. Pada masa yang sama, proses empat adat pengkebumian yang pernah dilakukan oleh Punan Bah akan dijelaskan secara terperinci dan setiap eleman yang menyebabkan perubahan adat berlaku akan diteliti secara menyeluruh bermula daripada semasa Sarawak di bawah perintah kerajaan Brunei

sehingga ke masa ini atau selepas Sarawak mencapai kemerdekaan. Dengan menjelaskan setiap perkara tersebut, hasil penyelidikan ini akan dapat melengkapkan semua maklumat yang diperlukan bagi menjelaskan perubahan adat pengkebumian yang berlaku dalam kebudayaan Punan Bah.

## **2.6 Rumusan**

Penelitian di atas telah memberikan gambaran secara menyeluruh tentang kumpulan masyarakat yang dikenali sebagai Punan di Kalimantan Indonesia, Brunei dan Sarawak. Dengan itu, telah jelas bahawa masyarakat Punan di Kalimantan Indonesia dan di Brunei tidak boleh dianggap sama dengan masyarakat Punan di Sarawak khususnya Punan Bah. Begitu juga dengan masyarakat Penan di Sarawak yang nyata berbeza dengan masyarakat Punan. Masyarakat Punan Bah telah menjadi pewaris keunikan budaya dalam adat istiadat pengkebumian nenek moyang masyarakat Punan yang berbeza dengan adat pengkebumian masyarakat Penan.

Kajian-kajian tentang adat pengkebumian masyarakat Berawan, Lun Bawang, Seping dan Melanau di Sarawak serta masyarakat Kadazan Dusun, Bajau dan Iranun di Sabah menunjukkan keunikan setiap masyarakat dalam menyempurnakan sesebuah kematian. Kajian-kajian tersebut tidak fokus secara langsung kepada corak perubahan sosio-budaya masyarakat yang membentuk pola-pola perubahan dalam adat pengkebumian. Perkara tersebut disebabkan kurang berlaku perubahan dalam cara pengkebumian masyarakat selain daripada pengaruh agama. Ini berbeza dengan keadaan yang berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah yang telah mengalami empat fasa perubahan yang akhirnya membentuk empat jenis adat pengkebumian. Bentuk-bentuk dan perubahan adat pengkebumian Punan Bah akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

## BAB 3: METODOLOGI KAJIAN


### 3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan kaedah yang digunakan untuk membuat keseluruhan penyelidikan ini. Perbincangan bermula daripada penentuan masalah menerusi sebuah carta alir proses penyelidikan. Daripada carta tersebut, ditentukan pula konsep dan teori yang dipilih untuk menganalisis data kajian sesuai dengan permasalahan kajian. Maklumat tersebut akan membentuk satu pola yang menjelaskan sebuah fenomena perubahan budaya sama ada dari segi nilai dengan bukti perubahan yang boleh dilihat.

Untuk itu, bab ini akan membincangkan langkah kajian ini dilakukan seperti cara data dikumpul dan dianalisis. Secara keseluruhan, kajian ini dibuat menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengutamakan sumber yang diperoleh daripada sumber primeir dan sekunder. Keseluruhan data primier diperoleh menerusi hasil kerja lapangan manakala, data sekunder dikumpulkan daripada kajian-kajian lepas yang berkait dengan bidang penyelidikan.

Gambar rajah 3.1 di bawah akan menunjukkan metodologi atau proses kajian ini dilakukan. Proses tersebut bermula daripada penentuan permasalahan kajian sehingga ke bahagian akhir kajian iaitu bahagian rumusan dan cadangan. Melalui gambar rajah tersebut akan membantu pemahaman terhadap pelaksanaan kajian ini secara menyeluruh.

## CARTA ALIR KAJIAN



Rajah 3.1: Carta alir pelaksanaan kajian.

## **3.2 Metodologi Kajian**

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif secara menyeluruh berdasarkan kerja lapangan, pemerhatian tidak turut serta, pemerhatian turut serta dan kaedah temu bual.

### **3.2.1 Kerja Lapangan**

Kerja lapangan merupakan kaedah pengumpulan data yang utama untuk mendapatkan data kajian ini. Kerja lapangan dilakukan pada penghujung bulan Januari tahun 2014 sehingga awal bulan Jun tahun 2014. Penyelidik kembali semula ke Punan Bah untuk mendapatkan pengesahan data daripada responden utama pada 25 Disember 2016. Pelbagai jenis data telah dikumpulkan, bukan sahaja tentang perubahan adat pengkebumian tetapi merangkumi adat perkahwinan, perayaan tahunan, upacara ritual *bungan* dan sebagainya. Bersama-sama dengan penduduk serta menyaksikan pelbagai jenis adat istiadat merupakan satu kesempatan yang amat bernilai. Ternyata Punan Bah merupakan masyarakat yang menerima baik orang luar yang hendak mendalam kebudayaan mereka.

Dengan itu, kaedah pemerhatian tidak turut serta, pemerhatian turut serta dan kaedah temu bual telah digunakan sepenuhnya untuk mendapatkan data etnografi sepanjang tempoh kerja lapangan dilakukan. Bagi kaedah pemerhatian dilakukan dengan dua cara iaitu secara berstruktur dan tidak berstruktur. Bagi pemerhatian berstruktur, beberapa perkara telah ditetapkan untuk harus dilakukan sama ada menerusi pemerhatian turut serta atau tidak turut serta. Manakala pemerhatian tidak berstruktur dilakukan tanpa perancangan awal tetapi dilakukan secara spontan semasa di lapangan.

### **3.2.2 Pemerhatian Tidak Turut Serta**

Bagi pemerhatian yang dilakukan tanpa turut serta adalah aktiviti ritual *bungan* dan aktiviti mengambil buluh untuk tujuan ritual. Keadaan ini disebabkan aktiviti tersebut hanya melibatkan beberapa individu yang tertentu sahaja seperti mereka yang beragama

*Bungan*. Manakala, kaum perempuan dilarang sama sekali untuk terlibat dengan aktiviti mengambil buluh kerana Punan Bah percaya semangat kaum perempuan adalah lebih lemah berbanding dengan kaum lelaki. Oleh yang demikian, mereka dilarang untuk terlibat kerana risau semangat mereka akan kalah dengan semangat lain serta mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

### **3.2.3 Pemerhatian Turut Serta**

Pemerhatian biasa, seterusnya berubah kepada penglibatan sama dalam sebanyak mungkin aktiviti yang dibenarkan oleh penduduk. Teknik ini merupakan kaedah penting mendapatkan data kerana ianya bukan sahaja untuk menimba pengalaman dan mendapatkan data malah, dapat mengeratkan hubungan dengan penduduk. Pada masa yang sama, untuk sesetengah aktiviti kaum perempuan tidak dibenarkan untuk terlibat sama kerana tindakan tersebut dianggap bertentangan dengan adat dan kepercayaan asal Punan Bah seperti ritual *bungan* dan upacara mengambil buluh. Manakala aktiviti yang bebas untuk disertai tanpa mengira usia dan jantina termasuklah memancing, menangkap ikan dengan raga, menjala, mengumpul siput sungai, mencari pucuk-pucuk tumbuhan liar dalam hutan, menanam sayur, menjual sayur-sayuran dan lain-lain.

Di samping terlibat dengan aktiviti ekonomi, penyelidik turut serta dalam pelbagai aktiviti lain seperti tarian *suay* pada 1 Jun 2014, menyertai rombongan membuat hantaran perkahwinan dan menghadiri upacara perkahwinan 29 Mei 2014, menyertai aktiviti membuat persediaan untuk perayaan *bungan* pada 26 Mei 2014 dan menyertai aktiviti pembersihan kubur pada 31 Mei 2014. Terlibat sama dengan semua aktiviti tersebut merupakan kesempatan yang tidak ternilai penyelidik bersama penduduk. Hal ini disebabkan kebanyakan aktiviti tersebut hanya dilakukan semasa musim perayaan kerana pada waktu ini semua penduduk yang bekerja di bandar-bandar akan kembali ke kampung untuk berkumpul bersama keluarga masing-masing. Dalam pada itu, tindakan melibatkan

diri dengan pelbagai jenis aktiviti penting untuk memahami keseluruhan sosio-budaya Punan Bah yang menjadi subjek kajian.

### **3.2.4 Temu bual**

Mengumpul data melalui temu bual merupakan teknik yang lazim digunakan dalam penyelidikan kualitatif. Kaedah temu bual berstruktur menjadi teknik temu bual pertama yang digunakan dalam kajian ini. Untuk itu soalan dibina terlebih dahulu sebelum ke kawasan kajian berdasarkan permasalahan, persoalan dan objektif kajian. Contohnya, agaimana *kelirieng* dan *salong* didirikan? Menerusi soalan berstruktur, secara tidak langsung mewujudkan soalan tidak berstruktur. Contohnya mengapa adat pengkebumian *kelirieng* dan *salong* tidak lagi dilakukan ketika Punan Bah masih mempunyai raja?

Dalam pada itu, temu bual bersama responden dimulakan dengan kaedah temu bual berstruktur dan diikuti soalan tidak berstruktur. Responden ditentukan menerusi kaedah bebola salji iaitu dibuat secara rawak terhadap penduduk Punan Bah sebelum dicadangkan untuk menebual individu tertentu yang dipercaya penduduk arif tentang topik kajian. Berkenaan dengan adat kematian dan pengkebumian serta upacara lain yang tidak diamalkan lagi oleh Punan Bah, rata-rata penduduk menyuruh untuk bertanya kepada kepada dua individu yang arif atau pakar tentang adat asal Punan Bah, iaitu ketua adat atau Guro Bungan Puwing Daud berusia 79 tahun, Guro Bungan Boi Kesai berusia 64 tahun. Responden penting yang lain termasuklah Encik Janong Begelin 59 tahun dan Puan Kesi Pelegi berusia 56 tahun.

Puwing Daud dan Boi Kesai merupakan tokoh adat yang mempunyai pengetahuan luas dan mendalam tentang agama dan kepercayaan, budaya dan adat asal Punan Bah. Dua tokoh ini mempunyai peranan yang penting dalam institusi adat serta agama dan kepercayaan penduduk Punan Bah. Temu bual secara personel dilakukan sepanjang tempoh kerja lapangan penyelidikan ini dilaksanakan. Untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat tentang perubahan adat pengkebumian Punan Bah, hampir semua

topik yang sama dibincangkan dengan dua tokoh ini. Antara topik yang dibincangkan bersama Puwing Daud termasuklah tentang sejarah asal usul dan kumpulan Punan Bah; adat pengkebumian *kelirieng*, *salong*, di atas tanah dan di dalam tanah; upacara adat semasa kematian, adat berkabung dan adat membuang kabung; sistem pemerintahan beraja; dan sistem agama dan kepercayaan penduduk.

Encik Janong Begelin merupakan seorang Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Long Segaham, Belaga. Beliau mempunyai pengetahuan dan ingatan yang jelas tentang sejarah dan adat asal Punan Bah. Penyelidik tidak mempunyai kesempatan untuk menemu bual beliau secara bersemuka kerana beliau tidak berada di Punan Bah semasa kerja lapangan kajian ini dilaksanakan. Untuk itu, maklumat tentang hubungan Punan Bah dengan agama Islam dan kewujudan sebuah tempat yang dikenali sebagai *mesegit* di Punan Bah diperolehi melalui Suzie Marthyna. Suzie Marthyna merupakan seorang Punan Bah yang menuntut di Universiti Malaya. Dengan bantuan beliau, maklumat tersebut diperolehi pada 24 Mei 2016 yang dihantar melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

Puan Kesi Pelegi merupakan penduduk Punan Bah yang mempunyai pengetahuan dan ingatan yang luas tentang sejarah dan budaya Punan Bah. Untuk kegunaan kajian ini hanya temu bual tentang perubahan sambutan perayaan Bungan dan keturunan diraja Punan Bah sahaja yang digunakan. Hal ini kerana terdapat banyak topik lain yang telah dibincangkan bersama beliau sepanjang tempoh kajian lapangan dilaksanakan. Keadaan ini disebabkan penyelidik tinggal bersama-sama dengan keluarga beliau merupakan satu peluang dan kesempatan yang penting untuk mendapatkan maklumat tentang Punan Bah. Namun dalam penyelidikan ini hanya maklumat tentang topik seperti yang telah dinyatakan akan digunakan. Dalam pada itu kesahan data oleh Puwing Daud, Boi Kesai dan Kesi Pelegi telah dibuat pada 25 Disember 2016 seperti yang terlampir dalam bahagian lampiran.

### **3.3 Kaedah Menganalisis Data**

Data yang diperolehi dianalisis secara menyeluruh berdasarkan pendekatan holistik berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Punan Bah menerusi pendekatan relativisme budaya. Ini selari dengan kaedah analisis data yang ditekankan dalam sebuah kajian etnografi. Untuk itu, setiap makna yang terdapat dalam setiap upacara, tindakan, keputusan, perkataan dan tingkah laku budaya dinilai berdasarkan pendapat yang dinyatakan oleh ahli masyarakat Punan Bah sendiri. Hal ini disebabkan orang luar tidak berhak untuk membuat sebarang penilaian terhadap kebudayaan lain, melainkan pemilik budaya. Pada masa yang sama untuk memberi lebih pemahaman, analisis data akan diperkuuh dengan mengaitkan konsep-konsep penting dalam ilmu budaya. Dapatkan tersebut seterusnya diteliti secara menyeluruh berpandukan konsep kebudayaan dan teori konflik yang telah ditetapkan untuk menganalisis keseluruhan fenomena perubahan adat pengkebumian yang berlaku.

#### **3.3.1 Pendekatan Relativisme**

Howard (2000) menjelaskan relativisme budaya menganggap bahawa tidak ada satu budaya pun, adat istiadat dan keyakinan yang mendominasi budaya lain lain dalam pengertian moral. Relativisme budaya merupakan satu pandangan yang memersepsikan gejala sosial budaya dari perspektif para penganut budaya yang bersangkutan. Dengan kata lain, itu menjadi suatu pandangan dalam mempertahankan budaya dari gempuran luar yang dominan (Howard 2000, p. 82-83; Zeffry Alkatiri, 2006, p. 195). Pendekatan relativisme budaya boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu relativisme konseptual, relativisme kepercayaan dan relativisme normatif.

Hollis dan Lukes (1982) dalam Hariaty (1999), memberi takrif kepada tiga konsep ini sebagai:

“Relativisme konseptual, mengutarakan bahawa bahasa-bahasa yang berlainan mungkin membentuk sistem konseptual yang tidak boleh dibandingkan dan ini mungkin akan menyebabkan kumpulan serta budaya yang berbeza dalam mengategorikan alam sejagat.

Relativisme kepercayaan pula menegaskan bahawa budaya berbeza akan menghasilkan piawai yang berbeza dalam menilai kepercayaan yang secara dasarnya mungkin sukar diuraikan dan akhirnya mendorong kepada sistem kepercayaan yang tidak piawai antara budaya. Seterusnya, relativisme normatif mengatakan bahawa budaya-budaya yang berlainan akan membentuk sistem nilai yang secara keseluruhannya berbeza di antara satu sama lain, dan menegaskan bahawa bidang sains sosial harus bermula dengan pemahaman awal terhadap setiap kumpulan budaya dalam cubaannya untuk mengenalpasti norma-norma dan nilai-nilai yang mendasari kehidupan seharian kumpulan-kumpulan budaya itu”.

Maka, berdasarkan keseluruhan makna yang ditegaskan dalam pendekatan relativisme budaya, setiap penilaian yang dibuat haruslah berdasarkan makna yang didukung oleh kumpulan budaya itu sendiri. Begitu juga dengan penilaian yang dibuat dalam kajian ini, setiap penilaian dibuat berdasarkan fakta yang dinyatakan oleh masyarakat Punan Bah itu sendiri.

### **3.3.2 Pendekatan Holistik**

Sesuai dengan sifat budaya yang kolektif, pendekatan holistik merupakan kaedah analisis data yang tidak dapat dikecualikan bagi setiap kajian budaya. Berdasarkan pendekatan ini, Suwardi (2006) menjelaskan penyelidik tidak hanya mengungkapkan hal-hal yang dangkal, melainkan lebih mendalam, terurai, dan mencakupi sebanyak mungkin unsur yang mengelilingi budaya masyarakat tersebut (p. 221). Maka, dengan ini penyelidik mampu untuk menghubungkan antara persoalan yang diteliti dengan bidang kajian. Bidang kajian yang diteliti akan ditunjukkan dalam hasil atau dapatan kajian yang diperolehi (Foley, 1986, p.6-7; Suwardi, 2006, p. 222). Berdasarkan pendekatan ini, pengkaji telah mengenalpasti hal-hal yang ada kaitan dengan adat istiadat pengembumian masyarakat Punan Bah.

### **3.4 Teori Kajian: Teori Konflik Ralf Dahrendorf (1929 - 2009)**

Keseluruhan penyelidikan ini dibuat berpandukan sebuah teori ilmu sosial yang dikemukakan oleh Ralf Dahrendorf (1929 - 2009) iaitu teori konflik. Teori konflik

terbentuk daripada ketaksetujuan dengan teori fungsionalisme struktural yang dipelopori oleh tokoh-tokoh hebat dalam bidang ilmu sosial seperti August Comte (1798 - 1857), Herbert Spencer (1820 - 1903) dan Emile Durkheim (1858 - 1917). Teori fungsionalisme struktural menegaskan setiap masyarakat adalah seimbang peranan sesebuah masyarakat dalam sebuah institusi sosial seperti organisme biologis yang mempunyai pelbagai jenis organ serta saling memerlukan antara satu sama lain. Maka untuk terus kekal, sebuah institusi sosial akan sentiasa bekerjasama setiap masa dengan baik agar seimbang dengan keperluan semasa dan terus wujud.

Memandangkan teori fungsionalisme menegaskan masyarakat sebagai institusi yang seimbang dengan berlangsungnya peranan setiap bahagian dalam institusi tersebut. Teori ini dilihat tidak dapat menjelaskan keadaan perubahan yang berterusan berlaku dalam kehidupan manusia. Dengan itu, terbentuklah teori konflik yang khusus untuk menjelaskan fenomena perubahan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Untuk itu, teori konflik menekankan empat andaian utama yang digunakan untuk memahami keadaan sosial masyarakat seperti yang dikemukakan oleh Dahrendorf (1959) dalam buku beliau yang bertajuk *Class and Class Conflict in Industrial Society* yang telah diterjemahkan kepada Bahasa Indonesia oleh Ali Mandan (1986) dengan tajuk Konflik dan Konflik Dalam Masyarakat Industri.

Andaian yang pertama, semua kumpulan masyarakat dalam semua hal akan akur kepada proses perubahan dan perubahan sosial akan berlaku di semua tempat. Perubahan yang berlaku dapat ditentukan berdasarkan perbezaan yang berterusan dalam setiap unsur sosial sesebuah masyarakat. Sebagai contoh cara berpakaian, adat istiadat, adat resam, gaya hidup, agama dan kepercayaan serta kebudayaan masyarakat pada masa ini tidak lagi sama dengan masyarakat dahulu. Ini, dapat dijelaskan menerusi bahagian atau aspek yang telah berubah dan pastinya ada konflik yang menyebabkan perubahan tersebut dibuat seperti yang berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah.

Andaian yang kedua, tanpa mengira tempat dalam setiap perkara semua masyarakat pasti wujudnya perbezaan dan pertentangan sosial. Perbezaan dan pertentangan sosial ini secara tidak disedari telah mewujudkan konflik dalam masyarakat yang secara tidak langsung mempengaruhi keadaan masyarakat dari semasa ke semasa. Situasi ini turut berlaku dalam kebudayaan Punan Bah, apabila terdapat banyak perubahan yang berlaku dalam adat pengkebumian mereka seperti pemilihan bentuk keranda, tempoh menjaga mayat di rumah serta bentuk kubur yang dipilih.

Seterusnya, setiap elemen dalam masyarakat menyumbang kepada disintegrasi<sup>xviii</sup> sosial dan perubahan yang berlaku. Andaian ini menekankan tidak ada perkara yang terkecuali dalam konflik yang berlaku dalam kehidupan sosial sama ada dari segi agama dan kepercayaan, kegiatan ekonomi, pandangan hidup dan sistem pendidikan masyarakat. Merujuk kepada adat pengkebumian Punan Bah, semua elemen tersebut turut menjadi penyebab konflik sehingga mengubah bentuk-bentuk adat asal kepada bentuk yang baru tanpa mengubah inti adat asal. Perubahan yang berlaku turut menyebabkan perpecahan apabila Punan Bah telah mengamalkan beberapa bentuk adat pengkebumian.

Andaian yang keempat adalah penggunaan kuasa atau kekuasaan dalam sesebuah masyarakat menjadi dua fakta sosial yang mempengaruhi konflik. Dua perkara ini secara tidak langsung membentuk perbezaan dan stratifikasi sosial dalam sesebuah kumpulan masyarakat. Memandangkan golongan yang berkuasa atau pemerintah cenderung untuk mempertahankan kedudukan maka, pelbagai tindakan yang dilakukan untuk menjaga kepentingan tersebut. Sebagai contoh, membezakan bentuk adat pengkebumian dengan rakyat biasa seperti yang diamalkan oleh Punan Bah. Pada masa yang sama kedudukan dan kekuasaan golongan ini diakui dalam masyarakat, sehingga mereka mempunyai hak untuk menekan dan memaksa golongan bawahan untuk mengikut aturan yang telah ditetapkan bagi mengekalkan keteraturan hidup masyarakat.

Oleh yang demikian, peranan golongan pemerintah menjadi ejen yang penting dalam mempengaruhi perubahan yang berlaku dalam sesebuah institusi sosial. Rakyat tidak mempunyai pilihan selain daripada mematuhi aturan atau undang-undang yang telah ditetapkan oleh golongan pemerintah. Akhir sekali, dengan merujuk kepada penjelasan tersebut, adat pengkebumian Punan Bah akan diteliti berdasarkan elemen-elemen utama yang ditekankan dalam teori konflik. Dari segi konflik yang menyebabkan perubahan adalah jelas berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah. Namun, keberkesanan peranan pemerintah yang menggunakan kuasa dan kedudukan dalam mengubah adat tersebut akan diketahui dalam penjelasan bab akhir penyelidikan ini.

### **3.5 Rumusan**

Sebagai sebuah kajian budaya dalam bidang antropologi kebudayaan, metodologi yang digunakan dalam melakukan kajian ini tidak jauh berbeza dengan kajian-kajian budaya yang lain. Hal ini disebabkan setiap kajian etnografi mempunyai tunjang cara penyelidikan yang sama kerana salah satu cara yang lazim digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan pendekatan kualitatif. Dengan itu, setiap kajian akan memerlukan individu untuk turun padang untuk bersama-sama dengan subjek. Tindakan tersebut bukan sahaja penting untuk mendapatkan data bahkan penting untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat yang dikaji.

Pengalaman mengumpul data menerusi kerja lapangan dengan masyarakat Punan Bah telah memberi peluang untuk mengenal dengan lebih rapat subjek. Tindakan tersebut banyak membantu untuk lebih memahami nilai dan pandangan hidup penduduk sekaligus melengkapkan data kajian ini. Hanya dengan memahami fenomena sebenar yang berlaku dalam perubahan budaya Punan Bah akan memudahkan permasalahan kajian diselesaikan sekaligus menjawab objektif yang telah ditetapkan.

Keseluruhan perbincangan dalam bab ini, telah menjelaskan cara yang digunakan untuk melengkapkan keseluruhan penyelidikan ini. Ianya merangkumi setiap teknik yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data. Seterusnya membincangkan konsep dan menjelaskan secara terperinci teori yang akan digunakan untuk menganalisis keseluruhan dapatan kajian ini.

## **BAB 4: ADAT KEMATIAN DAN PROSES PEMBINAAN TAPAK PENGKEBUMIAN**

### **4.1 Pengenalan**

Punan Bah merupakan sub-etnik yang terangkum dalam kumpulan masyarakat Kajang. Perkataan Kajang diperkenalkan dalam penulisan sosiologi oleh Edmund Leach pada tahun 1948 untuk merangkumkan empat etnik minoriti di Sarawak iaitu masyarakat Punan, Kejaman, Seping dan Bemali (Leach, 1948, p. 266; Henry O. Luhat, 1989, p. 49). Selain itu, Kajang juga merangkumi etnik kecil lain yang tinggal di sepanjang Sungai Rajang seperti Sihan (Sian), Ukit, Tanjong dan Bukitan. Father Aichner (1958) mencatatkan kumpulan masyarakat Kajang berasal daripada Sungai Lenau (Sungai Linau) yang mempunyai anak sungai yang bernama Sungai Kajang (pp. 741-742).

Untuk itu bab ini akan terlebih dahulu membincang dan menjelaskan aspek sosio-budaya Punan Bah. Perkara yang dibincangkan termasuklah petempatan Punan Bah; sistem politik dan sistem sosial; sistem agama dan kepercayaan; dan kegiatan ekonomi masyarakat. Perbincangan yang terperinci tentang sosio-budaya Punan Bah akan memberi gambaran awal kewujudan hubungan elemen-elemen yang terdapat dalam kerangka teoritis dengan keadaan sosio-budaya semasa Punan Bah. Kesahan kewujudan hubungan tersebut akan diketahui pada bab yang terakhir penyelidikan ini.

Perbincangan yang seterusnya akan menjawab objektif yang pertama dan kedua penyelidikan ini iaitu meneliti perubahan menerusi penjelasan tatatara yang dilaksanakan untuk menyelesaikan setiap adat pengkebumian. Bermula dengan pelaksanaan setiap tatacara semasa berlakunya kematian sehingga kepada pelaksanaan adat pengkebumian pertama dan kedua. Seterusnya menganalisis setiap proses yang dilaksanakan untuk membina tapak pengkebumian *kelirieng, salong*, di atas tanah dan di dalam tanah.

#### 4.2 Petempatan Punan Bah

Berdasarkan laporan banci pada tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan seramai 27,565,821 orang penduduk di Malaysia. Daripada jumlah tersebut seramai 2,471,140 orang penduduk merupakan penduduk negeri Sarawak dan seramai 36,114 orang penduduk terdapat di Daerah Belaga.<sup>xix</sup> Daerah Belaga dengan keluasan 19,403.27 kilometer per segi terletak dalam bahagian Kapit di kawasan pedalaman hulu Sungai Rajang. Manakala Sungai Rajang merupakan sungai yang terpanjang di Malaysia iaitu sepanjang 551 kilometer. Kelebihan tersebut menjadikan Sungai Rajang sebagai tempat yang paling ramai kaum di Sarawak, termasuklah Punan Bah. Di bawah merupakan kedudukan petempatan Punan Bah yang menjadi subjek penyelidikan ini.



Gambar 3: Kedudukan petempatan Punan Bah

Sumber: <https://www.google.com>



Gambar 4: Petempatan Punan Bah di sebelah kiri dan sebelah kanan Sungai Bah. Sebuah jambatan gantung merentasi Sungai Bah menjadi penghubung antara penduduk.



Gambar 5: Sebahagian daripada rumah penduduk di sebelah kiri atau di bahagian hilir Sungai Bah.



Gambar 6: Sebahagian daripada rumah penduduk di sebelah kanan atau di bahagian kanan Sungai Bah.

Petempatan Punan Bah terletak kira-kira 219 kilometer dari bandar Sibu dan 99 kilometer dari pekan Belaga seperti yang ditunjukan dalam Gambar 3. Sebelum berpindah dan menetap di tebing Sungai Rajang Puwing Daud<sup>xx</sup>(2014) menjelaskan nenek moyang Punan Bah dahulu telah tingal di hulu Sungai Bah iaitu di Sungai Sematai dan Sungai Ayo. Dua buah sungai ini merupakan anak sungai kepada Sungai Bah. Dalam pada itu, selain daripada Punan Bah yang tinggal di petempatan Punan Bah seperti yang ada pada masa ini, terdapat juga beberapa kumpulan masyarakat Punan Bah yang tinggal di tempat lain di Sarawak (sama ada yang berasal dari petempatan Punan Bah atau dari kawasan hulu Sungai Bah). Kumpulan ini telah berpindah dan menetap di daerah-daerah lain seperti:

- i. Punan Kakus (Sungai Kakus berpindah dari hulu Sungai Bah)
- ii. Punan Pandan (Sungai Kemenyong berpindah dari hulu Sungai Bah)
- iii. Punan Jelalong (Sungai Jelalong berpindah dari hulu Sungai Bah)
- iv. Punan Sama (Sungai Rajang di hulu Punan Bah (berpindah dari petempatan Punan Bah)

- v. Punan Biau (Sungai Rajang di hulu Punan Bah (berpindah dari petempatan Punan Bah))

Penamaan nama sub-kumpulan bagi masyarakat Punan Bah seperti yang telah dinyatakan adalah berdasarkan nama tempat atau nama sungai yang berdekatan dengan tempat mereka menetap. Walaupun kumpulan Punan Bah berpecah kepada beberapa buah tempat seperti yang telah ditetapkan, mereka tetap berkongsi dan mewarisi adat kematian yang sama sama. Satu ciri penting dan utama yang menjadi warisan Punan Bah adalah dengan terdapatnya *kelirieng* di petempatan mereka seperti di Punan Pandan dan Punan Kakus.

Pelbagai faktor yang menyebabkan perpecahan petempatan Punan Bah ke tempat-tempat yang telah dinyatakan. Nicolaisen (1976) ada menyatakan empat sebab perpecahan yang berlaku dalam komuniti Punan Bah. Beliau menyatakan:

- i) *Moving into a new territory gave them a chance of gaining reputation for themselves, of becoming founders of famous settlements and as such remain remembered* (Nicolaisen, 1976, p. 69).
- ii) *At Sagiang's time the area (Punan Pandan di Bintulu) had been under the rule of the Sultan of Brunei, and to this very day the Punan Bah remember some of the laws of his government. Head-hunting was still carried out by the Punan Bah, and during the rule of Sagiang they went raiding among the Penan as far as the Baram in order to secure both heads and slaves* (ibid., p. 70).
- iii) *"... there was still another expansion.... This expansion was sparked off by Iban raids along the Rajang. The raids took place when the members of the present old generation were children. The general insurrection made the Punan Bah move to Belaga to take refuge. The Punan Bah claim that they stayed almost ten years in the Belaga area until peace was restored by the Brookes, who finally fought the Iban in a great battle* (ibid., p. 71).

- iv) *When the fight with the Kayan came to an end, the Punan Bah were no longer forced to defend themselves to the same extent and the longhouse slowly dispersed (ibid.,72).*


Pada masa yang sama, keamanan juga penting dalam mendorong pengembangan atau perpindahan petempatan Punan Bah ke kawasan lain seperti Punan Sama dan Punan Biau. Apabila Penduduk bebas bergerak tanpa menghiraukan adanya pihak musuh seperti semasa zaman aktiviti pemburuan kepala masih berlaku di kepulauan Borneo. Dalam pada itu, bukti sejarah yang terdapat di Punan Bah sejarah lisan yang sering dinyatakan oleh penduduk turut dinyatakan dalam penulisan Nicolaisen (1976). Beliau turut menjelaskan petempatan Punan Bah di Punan Bah yang asalnya diperintah oleh Kavu Oko masih kekal sehingga ke hari ini merupakan petempatan tertua masyarakat Punan Bah di Sarawak.

Di bawah merupakan gambar petempatan Punan Bah pada tahun 2014. Dahulu mereka tinggal di sebuah rumah panjang sahaja. Namun demikian, tanggal 5 Mei tahun 2008, rumah panjang Punan Bah yang asal telah terbakar sehingga memusnahkan keseluruhan rumah panjang tersebut. Kejadian yang berlaku telah mengubah corak petempatan Punan Bah kepada yang kelihatan pada hari ini dengan terpecah kepada dua kelompok iaitu di sebelah kiri dan sebelah kanan anak Sungai Bah.

Penduduk tidak lagi membina rumah panjang seperti yang dahulu tetapi membina rumah panjang yang menggabungkan beberapa buah keluarga sahaja seperti tujuh hingga sepuluh buah kelurga. Tidak kurang juga penduduk yang membina rumah sendiri. Apabila ditanya akan sebab tidak membina rumah panjang seperti dahulu, ramai yang menyatakan kerisauan jika kebakaran berlaku lagi maka keseluruhan rumah penduduk akan musnah. Dengan berpecah kepada beberapa kelompok kecil dianggap lebih selamat dan tidak memusnahkan keseluruhan petempatan mereka seperti sebelumnya.


#### 4.3 Sistem Politik dan Sistem Sosial

Punan Bah mempunyai sistem sosial tradisional yang unik kerana sifatnya yang berstrafifikasi. Stratifikasi sosial yang wujud adalah hasil daripada sistem pemerintahan tradisional Punan Bah yang mempunyai raja atau *laja* dalam Bahasa Punan Bah. Sistem pemerintahan beraja secara tidak langsung telah mewujudkan sistem kelas masyarakat yang terbahagi kepada kelas tingkat utama iaitu golongan aristokrat, orang kebanyakan dan golongan hamba. Golongan aristokrat melibatkan raja serta kaum kerabat diraja; orang kebanyakan adalah rakyat biasa dan golongan hamba. Rajah 4.1 di bawah menunjukkan keadaan stratifikasi sosial Punan Bah ketika masih mempunyai raja dan hamba.



Rajah 4.1: Struktur sosial Punan Bah

Dalam pada itu, berdasarkan temu bual secara personel bersama Puan Kesi Pelege (2014), raja yang mewujudkan petempatan Punan Bah atau raja Punan Bah yang pertama adalah laja Kavu Oko'. Beliau digantikan oleh Laja Tilip, seterusnya Laja Mering, Laja Kupa dan kini Punan Bah diketuai oleh Tuan Brain. Rajah 4.2 di bawah menunjukkan senarai ketua yang memegang tampuk pemerintahan Punan Bah.



Rajah 4.2: Senarai ketua yang memegang tumpuk pemerintahan Punan Bah<sup>xxii</sup>

Dalam stratifikasi sosial Punan Bah, raja menduduki kedudukan yang paling atas sama seperti kebudayaan masyarakat yang lain. Raja Punan Bah mempunyai kepentingan ekonomi, politik dan sosial. Dalam segala hal yang melibatkan pemerintahan, pentadbiran dan adat istiadat, segala isu akan dibincang dan diputuskan dalam mesyuarat bersama penduduk dan Ketua-ketua Adat. Sementara peranan kerabat diraja tidak begitu jelas dalam sistem pemerintahan tradisional Punan Bah. Walaupun peranan golongan ini tidak begitu jauh beza dengan orang kebanyakkan, golongan ini tetap mempunyai pengiktirafan yang sama dengan raja dalam penyempurnaan adat kematian. Mereka turut dikebumikan dalam tiang *kelirieng* serta mewarisi keistimewaan-keistimewaan spiritual dan fizikal yang sama dengan raja.

Dari segi kelebihan spiritual, kerabat diraja dipercayai mempunyai semangat yang berbeza atau lebih kuat daripada rakyat biasa dan hamba. Perkara ini berdasarkan keistimewaan tertentu yang diwarisi sejak turun temurun golongan ini. Pertama hanya kerabat diraja sahaja yang boleh menggunakan perhiasan atau pakaian yang mempunyai ukiran harimau, dan burung kenyalang. Ukiran tersebut dipercayai mempunyai semangat yang boleh mengganggu penggunanya. Hal ini bersangkutan dengan kepercayaan Punan Bah terhadap objek sakral dan profan dalam kebudayaan mereka.



Gambar 7: Seorang nenek mendukung cucunya dengan pendukung bayi berukiran biasa yang boleh digunakan semua lapisan masyarakat.

Bentuk-bentuk yang sakral seperti burung kenyalang dan harimau dikhususkan untuk golongan diraja. Sekiranya digunakan oleh rakyat biasa, dipercayai akan mengganggu ketenteraman orang tersebut sehingga boleh menyebabkan perkara buruk seperti sakit tenat, menjadi sewel dan kematian berlaku. Oleh itu, sehingga ke masa ini keturunan orang kebanyakan tidak berani menggunakan sebarang peralatan yang ada

bentuk-bentuk sakral. Namun begitu, orang kebanyakkkan boleh membuat perhiasan yang berupa harimau tetapi tidak boleh menggunakannya kerana semangat mereka lemah.

Manakala kelebihan dari segi fizikal, adalah berkaitan dengan tradisi bertatu masyarakat ini. Seorang perempuan atau lelaki yang mempunyai tatu pada bahagian tangan dan kaki merupakan individu yang cantik atau hensem. Selain sebagai simbol kecantikan, tatu juga berfungsi untuk menjadi suluh dalam perjalanan ke alam kematian. Kepercayaan ini sama dengan kepercayaan tradisional masyarakat Lun Bawang di Sarawak. Kembali kepada kebudayaan Punan Bah, bentuk ukiran atau tatu kerabat diraja adalah berbeza dengan rakyat biasa. Tatu pada tangan rakyat biasa tidak boleh sama dengan kerabat diraja dan tidak boleh lebih daripada bahagian siku. Begitu juga dengan tatu pada bahagian kaki, tatu rakyat biasa tidak boleh melebihi bahagian lutut. Hanya kerabat diraja sahaja yang boleh bertatu melebihi bahagian atas siku dan lutut.



Gambar 8: Tatu pada lengan kerabat diraja iaitu isteri Kupa.



Gambar 9: Tatu pada lengan wanita Punan Bah.

Sebagai seorang pemerintah yang dihormati, seorang raja Punan Bah mempunyai pengikut dan hamba yang setia. Dalam kebudayaan tradisional, Punan Bah terpecah kepada beberapa kumpulan dan antaranya seperti yang telah disenaraikan di awal perbincangan bab ini. Setiap kumpulan akan diketuai oleh seorang raja yang bertanggungjawab untuk menjaga dan melindungi anak buah dan hamba beliau. Apabila berhadapan dengan situasi yang tidak selamat, raja harus bijak membuat keputusan untuk membawa pengikutnya pergi ke tempat yang selamat di samping berhadapan dengan musuh.

Golongan hamba akan tinggal bersama-sama dengan keluarga diraja di rumah raja. Mereka akan menguruskan semua pekerjaan di dalam rumah dan di kawasan pertanian yang dimiliki oleh raja. Mereka juga bertanggungjawab untuk mendapatkan sumber makanan untuk seluruh keluarga tersebut. Dalam kebudayaan Punan Bah, kelas golongan hamba merupakan kedudukan yang diwarisi dan terdapat dalam kalangan mereka yang berkahwin sesama sendiri. Peranan hamba bukan sahaja penting untuk tujuan sosio-ekonomi raja bahkan menjadi pelengkap untuk upacara ini mendirikan *kelirieng*.

Walaupun kelas sosial Punan Bah tidak lagi wujud, bukti kewujudan sistem tersebut masih dapat dilihat berdasarkan tinggalan sejarah nenek moyang Punan Bah dengan terdapatnya banyak *kelirieng* di petempatan Punan Bah. *Kelirieng* merupakan tempat pengkebumian golongan kelas pertama termasuk raja dan kerabat diraja, manakala orang kebanyakan akan dikebumikan di dalam atau di atas tanah sahaja. Manakala tidak ada penerangan yang jelas berkenaan cara golongan hamba dikebumikan. Kepelbagai bentuk kubur Punan Bah telah memberi gambaran jelas terhadap kekuatan sistem pemerintahan dan sistem sosial tradisional Punan Bah dahulu.

#### **4.4 Agama dan Kepercayaan**

Punan Bah mempunyai agama dan kepercayaan tradisional yang dikenali sebagai kepercayaan *Bungan*. Boi Kesai (2014)<sup>xxiii</sup> menjelaskan sebelum memeluk kepercayaan *Bungan*, nenek moyang Punan Bah dahulu percaya kepada kepercayaan animisme yang dikenali sebagai kepercayaan *pesavik*. Kepercayaan ini turut dikenali sebagai adat *beburung* yang percaya kepada petunjuk-petunjuk yang disampaikan oleh burung. Dalam pengertian ini, ‘burung’ yang dimaksudkan bukan merujuk kepada seekor burung tetapi sebagai pengertian yang sakral dengan maksud ‘petanda yang diwakili oleh benda alam’ sama ada ular, kijang dan pelbagai jenis burung. Terdapat ‘burung kanan’ yang bermaksud membawa ‘petanda baik’ dan ‘burung kiri’ yang menyampaikan ‘petanda buruk’.

Dalam temu bual yang sama Boi Kesai (2014) menjelaskan antara benda hidup yang sering kali membawa petanda kepada penduduk adalah burung seperti burung Semalau dan burung Kenyalang. Apabila dua jenis burung ini berbunyi maka, ia menandakan satu amaran keras yang harus dipatuhi. Begitu juga dengan kijang, apabila terdengar bunyi kijang, setiap pekerjaan atau urusan yang hendak dilakukan pada waktu tersebut haruslah ditangguhkan kepada masa yang lain. Keadaan yang seperti itu menandakan hari tersebut adalah hari ‘burung kiri’ atau hari yang tidak baik. Sama ada yang membawa petanda tersebut burung atau binatang lain seperti kijang, kedua-dua benda hidup ini tetap dikenali sebagai ‘burung’.

Sekiranya pihak tersebut tidak mengendahkan amaran ‘burung kiri’, maka perkara buruk akan berlaku. Perkara buruk yang dimaksudkan termasuklah kematian dalam kalangan ahli keluarga atau ditimpa kemalangan seperti dihempap dahan pokok. Kepercayaan serupa demikian secara tidak langsung telah menghadkan banyak pergerakan penduduk lebih-lebih lagi apabila penduduk hendak bekerja di tapak pertanian. Sebagai contoh, apabila sebuah ahli keluarga telah bersiap untuk bekerja di

ladang getah pada hari tersebut dan ketika dalam perjalanan mereka telah terdengar bunyi burung Semalau, maka mereka haruslah bergegas kembali semula ke rumah. Sepanjang hari tersebut mereka harus mengelakan diri untuk melakukan pekerjaan yang jauh dari rumah.

Oleh hal yang demikian, apabila agama Bungan mula diperkenalkan ke dalam kebudayaan Punan Bah oleh masyarakat Kenyah, ia telah diterima baik oleh semua masyarakat. Ini terbukti apabila agama Bungan diiktiraf sebagai agama tradisi Punan Bah dan bukannya kepercayaan *pesavik*. Bungan merupakan sebuah agama yang diasaskan oleh Jok Apoi penduduk Kenyah Lepo' Jalan dari Long Avong di Apo Kayan Kalimantan Indonesia pada tahun 1940.<sup>xxiv</sup> Kemasukan agama Bungan ke dalam masyarakat lain di sekitar Belaga adalah sekitar dalam tahun 1948 dan 1949. Langub (2010), menjelaskan seawal penyebaran agama Bungan ke dalam masyarakat Punan di Belaga, ianya mendapat sambutan yang amat menggalakkan, apabila semua penduduk Punan Bah, Punan Biau dan Punan Tepaling memilih untuk menganut agama tersebut. Keadaan tersebut secara tidak langsung menyebabkan mereka meninggalkan kepercayaan *pesavik*.

Bungan merupakan sebuah ajaran yang bertentangan dengan ajaran *pesavik* dan menyembah Tuhan Bungan Malan (perempuan) dan Pesilong Luan (lelaki).<sup>xxv</sup> Ini disebabkan Bungan tidak mengikut aturan-aturan alam seperti kepercayaan *pesavik*, contohnya tidak akan berpatah balik ke rumah apabila terdengar bunyi burung Semalau. Mereka juga boleh makan dan membunuh binatang yang dianggap *totem* dalam masyarakat Punan Bah seperti kijang. Petempatan Punan Bah yang dikelilingi kawasan hutan menyebabkan mereka berada sangat dekat dengan alam yang didiami pelbagai jenis burung yang membawa pelbagai petanda kepada penduduk. Keterikatan dengan alam menyebabkan masyarakat Punan menerima agama Bungan yang dianggap lebih memudahkan kehidupan sehari-hari penduduk kerana bebas bekerja tanpa mengambil peduli bunyi-bunyi di sekitar mereka.

Dalam pada itu, Puwing Daud (2014) menjelaskan Guro Bungan merupakan individu yang menjadi ketua agama sekaligus ketua adat dalam masyarakat. Mereka merupakan individu yang berpengetahuan luas dan berpengalaman dalam menguruskan hal adat istiadat. Lazimnya, Guro Bungan merupakan seorang lelaki yang sudah berumur atau orang tua. Guro bungan akan menjadi ketua dalam upacara-upacara atau ritual yang dilakukan oleh penduduk. Upacara bungan merupakan sebuah ritual yang bertujuan untuk memohon berkat, keinzinan atau perlindungan daripada tuhan *Bungan Malan*.

Antara kejadian yang akan dilakukan upacara atau ritual *bungan* oleh penduduk seperti apabila ada individu yang sakit tenat. Untuk itu, ahli keluarga tersebut akan memaklumkan kepada Guro Bungan untuk mengadakan upacara bungan di rumah mereka. Penduduk atau ahli keluarga terdekat akan dimaklumkan berkenaan dengan upacara tersebut. Sebelum upacara bermula, bahan-bahan yang akan digunakan semasa upacara seperti ayam, telur ayam, sirih, manik, buah pinang dan rokok *semakau*<sup>xxvi</sup> harus disediakan terlebih dahulu. Dalam keadaan ini upacara bungan akan dilakukan untuk memohon supaya individu yang sakit tersebut cepat sembuh.

Upacara bungan juga akan dilakukan untuk perkara-perkara yang baik seperti menunjukkan tanda terima kasih setelah mendapat hasil padi yang lumayan. Begitu juga dengan hendak pergi bekerja di tempat yang jauh dan hendak bertanding dalam sebarang pertandingan. Upacara bungan akan dilakukan untuk memohon perlindungan dari tuhan semasa di tempat kerja dan berjaya dalam pertandingan. Boleh dinyatakan, setiap perkara yang hendak dilakukan oleh penduduk akan didahului dengan upacara bungan supaya mendapat berkat daripada tuhan *Bungan Malan*.



Gambar 10: Upacara *bungan* ini dilakukan untuk memohon berkat dan perlindungan sebelum pergi bekerja di tempat yang jauh. Upacara tersebut diketuai oleh Laja Kupa yang merupakan seorang raja dan tokoh adat Punan Bah.



Gambar 11: *Guro-Guro bungan* sedang mencalitkan kayu jara kecil dengan darah khinzir yang telah dijadikan ‘persembahan korban’ untuk tuhan.



Gambar 12: *Guro bungan* memegang parang yang telah disakralkan sambil berdoa.



Gambar 13: Peserta-peserta upacara *bungan*.



Gambar 14: Upacara ritual *bungan* di rumah *batu dong*. Rumah *batu dong* merupakan rumah penyembahan untuk Punan Bah yang masih beragama *Bungan*. Setiap upacara ritual akan berlangsung di rumah dan berakhir di sini dengan menghantar bahan semahan kepada tuhan *Bungan* Malan.



Gambar 15: Keadaan rumah *batu dong* selepas upacara ritual *bungan* selesai.



Gambar 16: Guro Bungan dengan bahan semahan sedang mengelilingi semua yang hadir sambil berdoa.

Pada hari ini selain daripada beragama *Bungan*, terdapat juga penduduk yang telah memeluk agama Kristian dan agama Islam. Untuk itu upacara *bungan* merupakan upacara ritual bagi yang beragama *Bungan*, namun perayaan *Bungan* merupakan

perayaan tahunan masyarakat. Bagi yang beragama Kristian atau Islam, mereka akan menyambut perayaan *Bungan* sebagai sebuah perayaan tanpa terlibat dengan sebarang upacara ritual. Pada musim perayaan semua penduduk tanpa mengira agama akan balik ke kampung untuk berkumpul bersama-sama keluarga dan sanak saudara.

Perayaan *Bungan* merupakan sebuah perayaan yang disambut pada 28 Mei hingga 1 Jun setiap tahun. Dalam temu bual yang sama, Puwing Daud (2014) menjelaskan pada asalnya, perayaan tersebut tidak disambut pada setiap tahun kerana masyarakat Punan dahulu hanya berkerja sebagai petani. Sebagai petani, apabila hasil padi tidak banyak atau tidak mencukupi, perayaan *bungan* tidak akan disambut. Ini sesuai dengan tujuan perayaan, sebagai tanda bersyukur terhadap hasil padi yang banyak dan mencukupi. Punan Bah menjelaskan perayaan *bungan* dahulu disambut dalam tempoh tiga hingga lima tahun sekali apabila selesainya musim menuai dalam bulan Mac.

Keadaan tersebut tidak lagi berlaku pada masa ini kerana kebudayaan Punan Bah telah mengalami banyak perubahan dari segi sosio-ekonomi. Maka, sesuai dengan perubahan tersebut, perayaan *Bungan* disambut semasa cuti persekolahan seperti yang telah dinyatakan. Ini disebabkan kebanyakan penduduk tidak lagi bekerja sebagai petani, mereka telah berkerja dalam pelbagai sektor moden di pekan dan di bandar-bandar besar. Maka jika perayaan masih disambut mengikut kalender pertanian seperti dahulu, penduduk tidak dapat berkumpul bersama-sama kerana pekerjaan mereka telah berubah. Nilai perayaan *bungan* juga berubah sebagai perayaan tahunan bukan lagi sebagai tanda bersyukur terhadap hasil pertanian.

Dalam pada itu sesuai dengan perubahan nilai, perayaan *Bungan* disambut dengan pelbagai jenis aktiviti yang melibatkan semua lapisan masyarakat. Kesi Pelegi (2014)<sup>xxvii</sup> menjelaskan dahulu pertandingan yang dipertandingkan agak terhad seperti pertandingan menyumpit, ratu cantik dan pertandingan ngajat. Kini pelbagai jenis pertandingan yang dipertandingkan seperti pertandingan lumba perahu, bola sepak, sepak takraw,

pertandingan melukis untuk anak-anak sekolah dan pertandingan menyanyi. Aktiviti-aktiviti tersebut disambut dengan begitu meriah daripada semua penduduk.



Gambar 17: Peserta ratu cantik kategori pelajar sekolah rendah.



Gambar 18: Peserta ratu cantik kategori ibu.



Gambar 19: Peserta ratu cantik kategori remaja.



Gambar 20: Pehrsembahan *ngajat* lelaki.



Gambar 21: Persembahan *ngajat* wanita.



Gambar 22: Pertandingan lumba perahu.



Gambar 23: Pertandingan larian rentas desa.



Gambar 24: Peserta rentas desa perempuan kategori dewasa.

Selain itu, salah satu upacara warisan Punan Bah yang masih dilakukan setiap kali perayaan Bungan adalah *su’ay*. *Su’ay* merupakan sebuah tarian yang melibatkan semua penduduk tanpa mengira jantina dan peringkat umur. Semasa upacara, muzik akan dimainkan dan semua hadir akan membentuk satu barisan sambil memegang bahu individu di hadapan mereka. Kemudian, akan bergerak mengikut alunan muzik mengelilingi *ruai* rumah panjang. Di setiap *ruai*, akan ada ahli keluarga yang memberi minuman seperti tuak dan minuman lain kepada semua penari.

#### **4.5 Kegiatan Ekonomi**

Penduduk Punan Bah terlibat dengan pelbagai jenis kegiatan ekonomi, sama ada yang bersifat tradisional maupun moden. Bagi penduduk yang tinggal di Punan Bah, mereka menangkap ikan, memburu binatang, bertani dan mengutip hasil hutan. Ada juga yang bekerja sebagai pendidik dan pekerja am di Sekolah Kebangsaan Punan Bah yang terletak di bahagian hilir serta bersambungan dengan petempatan penduduk. Kedudukan sekolah yang dekat memudahkan penduduk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Sekolah Kebangsaan Punan Bah bukan sahaja menempatkan komuniti Punan Bah bahkan, menempatkan anak-anak kaum lain seperti Beketan dan Iban. Komuniti ini tinggal di kawasan hulu dan hilir petempatan Punan Bah. Sekolah di Punan Bah merupakan sekolah yang paling dekat dengan petempatan mereka. Terdapat juga sebilangan kecil anak-anak komuniti Kayan yang belajar di sekolah tersebut. Sekolah ini juga menempatkan tenaga pendidik yang berbilang kaum seperti guru-guru Punan, Melayu dan Kenyah.



Gambar 25: Sambutan Hari Guru Sekolah Punan Bah, 2014.

Seterusnya, kembali kepada kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk yang menetap di Punan Bah. Mereka mendapatkan sumber ekonomi daripada sumber alam iaitu dengan menangkap ikan dan memburu binatang. Hasil tangkapan dan hasil buruan akan dijual kepada masyarakat setempat atau dijual kepada kedai runcit untuk dibawa ke bandar Kapit. Antara binatang yang sering diperolehi oleh penduduk termasuklah musang, pelanduk, kijang, babi dan rusa. Mencari katak hutan atau *nyuluh* juga menjadi kegemaran dan berpotensi menjana pendapatan penduduk jika hasilnya dijual. Di bawah adalah antara hasil buruan yang diperolehi penduduk Punan Bah semasa kerja lapangan kajian ini dijalankan.



Gambar 26: Daging katak liar



Gambar 27: Pelanduk



Gambar 28: Musang



Gambar 29: Babi hutan

Seterusnya, bagi penduduk yang menjadikan sungai sebagai sumber pendapatan, terdapat beberapa jenis ikan yang sering kali menjadi sasaran dan harapan penduduk untuk ditangkap seperti ikan *empurau* (*tortambroides*) dan ikan *semah* (*tor labeobarbus*).

Keadaan ini disebabkan harga satu kilogram ikan *empurau* lazimnya mencecah RM600.00 hingga RM2000.00 dan ikan *semah* juga dijual dengan harga ratusan ringgit sekilogram. Harga ikan tersebut dapat ditentukan berdasarkan berat ikan, contohnya berat daripada satu hingga tiga kilogram akan dibeli dengan harga lebih tinggi seperti RM1000.00. Manakala ikan yang lebih berat akan dibeli dengan harga yang lebih rendah. Walaupun harga dua jenis ikan ini amat lumayan, namun tidak mudah untuk mendapatkan ikan tersebut kerana jumlahnya yang semakin berkurang.



Gambar 30: Hasil tangkapan penduduk yang dijual kepada peruncit.

Penduduk Punan Bah juga terlibat dengan pelbagai jenis aktiviti pertanian, sama ada bersifat yang sara diri mahupun komersial. Bagi penduduk yang tinggal di rumah panjang, mereka menanam getah dan pelbagai jenis sayur seperti kangkung, kacang panjang, sawi, *ensabi* dan labu. Pokok *semakau* dan sirih juga tanaman penting kepada penduduk. Daun *semakau* merupakan bahan utama yang digunakan untuk membuat rokok tradisional yang masih menjadi kegemaran penduduk terutamanya dalam kalangan golongan tua.

Dalam pada itu, tradisi makan daun sirih dengan buah pinang juga masih terkenal dalam kalangan penduduk. Selain untuk kegunaan sendiri, daun sirih, buah pinang dan *semakau* juga berpotensi mendatangkan pendapatan yang lumayan kepada penduduk.

Daun *semakau* yang telah dijemur dan sedia untuk digunakan banyak dijual di kedai-kedai termasuk di kedai runcit Punan Bah. Begitu juga dengan buah pinang dan daun sirih yang sentiasa mendapat sambutan apabila dijual kepada penduduk. Untuk memenuhi keperluan penduduk, ada kalanya peruncit akan membeli daun sirih di pekan Kapit dan dijual di Punan Bah.

Selain daripada terlibat dengan aktiviti ekonomi tradisional, ramai dalam kalangan penduduk yang melibatkan diri dengan aktiviti pertanian moden seperti mengusahakan ladang kelapa sawit persendirian. Mereka yang terlibat dengan mengusahakan ladang kelapa sawit melibatkan mereka yang mempunyai tanah berdekatan dengan jalan balak. Kumpulan ini tidak tinggal di rumah panjang sepanjang tahun, tetapi tinggal di rumah yang terdapat di ladang masing-masing. Kumpulan ini akan balik ke rumah panjang pada musim perayaan dan apabila ada berlaku sebarang kesusahan dalam kalangan penduduk seperti kematian.



Gambar 31: Pekebun dengan pokok *semakau* yang masih muda.



Gambar 32: Pekebun dengan pokok *semakau* dewasa.

Sebilangan kecil penduduk terlibat dengan aktiviti peruncitan yang menjual pelbagai jenis keperluan harian. Adanya kedai runcit di Punan Bah amat memudahkan penduduk untuk memenuhi keperluan harian. Walaupun harga barang lebih mahal daripada di pekan, namun ianya tetap berbaloi kerana penduduk mudah untuk mendapatkan sumber bekalan jika dibandingkan dengan pergi ke pekan. Pada masa yang sama dengan adanya golongan ini penduduk boleh menjual hasil tangkapan dan buruan kepada peruncit untuk dijual ke pekan. Walaupun dibeli dengan harga yang lebih rendah, tindakan tersebut masih menguntungkan kerana penduduk tidak perlu menanggung kos tambang untuk ke pekan.

Selain itu, terdapat juga sebuah keluarga Punan Bah yang terlibat dengan penyediaan perkhidmatan bot ekpress. Dengan adanya kemudahan pengangkutan yang dimiliki sendiri oleh penduduk, sebenarnya amat memudahkan masyarakat untuk pergi ke bandar Kapit mahupun ke pekan Belaga. Jadual yang teratur dan tetap bagi perkhidmatan ini memudahkan penduduk untuk mengatur jadual perjalanan masing-masing bagi menyelesaikan pelbagai urusan di bandar seperti urusan yang melibatkan kerajaan.



Gambar 33: Pemilik kedai runcit dengan pelanggan di Punan Bah.

Seterusnya, pembukaan kem-kem balak, ladang-ladang kelapa sawit dan ladang pokok akasia di kawasan hutan Belaga telah menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk Punan di sekitar kawasan tersebut. Ini termasuklah penduduk Punan

Bah, Punan Sama dan Punan Biau yang tinggal berdekatan dengan tempat tersebut. Peluang ini menyebabkan ramai penduduk Punan Bah yang tidak tinggal rumah panjang. Mereka tinggal di petempatan yang telah disediakan oleh pihak kompeni masing-masing untuk semua pekerja kem. Pada masa yang sama tinggal di tempat yang telah disediakan oleh pihak kompeni lebih memudahkan penduduk daripada berulang-alik dari rumah panjang.

Rentetan daripada itu, pembukaan kilang memproses kelapa sawit di daerah tersebut secara tidak langsung mendatangkan kesan yang positif kepada ekonomi penduduk Punan. Bagi penduduk yang mempunyai ladang kelapa sawit persendirian, mereka tidak perlu menghantar hasil tuaian ke kilang-kilang yang jauh. Ini secara tidak langsung telah menjimatkan tenaga dan kos pengangkutan pekebun. Hanya dengan menjual terus hasil tuaian ke kilang yang berdekatan adalah lebih menguntungkan kerana akan dibeli dengan harga yang tinggi berbanding dijual kepada orang tengah.

#### **4.6 Adat Kematian Punan Bah<sup>xxviii</sup>**

Adat kematian Punan Bah akan diketahui apabila gong sebagai tanda kematian baru sahaja berlaku dalam kalangan penduduk. Sebaik sahaja mendengar bunyi gong tersebut, semua penghuni rumah panjang akan bergegas berkumpul di rumah keluarga si mati. Memandangkan kematian merupakan kejadian yang menyediakan lebih-lebih lagi ahli keluarga terdekat mendiang. Begitu juga dengan penghuni rumah panjang yang lain. Keadaan tersebut menyebabkan tetamu yang hadir akan menangis dan menyatakan rasa kasihan terhadap mendiang dan keluarga yang ditinggalkan.

Kerja-kerja menguruskan jenazah akan diteruskan dan seperti kebiasaan penduduk sudah tahu bahagian tugas masing-masing. Kaum wanita akan menyediakan perkakasan di dapur dan kaum lelaki akan mencari peralatan-peralatan yang diperlukan seperti kayu dan pokok pinang. Manakala ahli keluarga terdekat akan memandikan dan

membersihkan jenazah. Selepas dimandikan jenazah akan dikenakan pakaian yang terbaik atau yang paling cantik miliknya. Jenazah tersebut akan didandan dengan kemas dan rapi sebelum dibawa ke *ruai*.

Semasa kerja-kerja membersihkan jenazah dilakukan, kumpulan kaum lelaki akan menyiapkan peralatan dan tempat jenazah diletakkan di *ruai*. Tempat untuk meletakkan jenazah dalam masyarakat Punan Bah dikenali sebagai *pelian*. *Pelian* merupakan sebuah tempat berupa pondok kecil yang dibuat daripada kain-kain batik dan pakaian mendiang. Di dalam *pelian*, terdapat batang pokok pinang yang telah diikat pada satu sudut bahagian *pelian*. Apabila *pelian* siap dibina, maka jenazah mendiang akan dibawa ke *ruai*.


Jenazah akan disandarkan pada batang pinang yang di bawah *pelian* dalam posisi duduk sambil diikat dengan kain atau tali. Bahagian bawah dagu jenazah akan diikat dengan kain kepada bahagian kepala supaya mulut jenazah tidak terbuka. Pada masa yang sama mulut jenazah akan diletakkan sebatang rokok. Dalam keadaan tersebut, mendiang seolah-olah belum mati tetapi sedang duduk di *ruai* sambil merokok. Keadaan tersebut berlangsug selama satu malam, sementara menunggu kerja-kerja membuat keranda selesai.

Dalam kebudayaan Punan Bah setiap kali ada kematian, jenazah tidak boleh ditinggalkan sendirian. Untuk itu harus ada individu yang bertanggungjawab menjadi penjaga jenazah. Jika yang mati seorang isteri, suami mendiang yang akan menjadi penjaga. Begitu juga sebaliknya, jika yang mati adalah suami maka isteri yang menjaga jenazah. Selama tempoh jenazah belum dimasukkan ke dalam keranda, penjaga haruslah mematuhi beberapa pantang larang yang dikenali sebagai adat *kamusyen*.

Berdasarkan adat *kamusyen* penjaga tidak boleh makan atau minum selagi jenazah belum disimpan di dalam keranda. Untuk itu, kerja-kerja membuat keranda akan dilaksanakan dengan cekap dan teliti. Dahulu kerja-kerja membuat keranda bukanlah pekerjaan yang rumit kerana ramai tukang kayu yang berkemahiran dalam kerja ini.

Sekiranya kematian berlaku pada waktu petang, kerja-kerja mencari kayu dan membuat keranda akan dilakukan awal pagi keesokkan hari. Kebiasaannya kerja-kerja membuat keranda akan selesai dalam satu hari.

Keranda yang sudah siap akan dibawa naik ke rumah panjang dan jenazah akan terus disimpan ke dalam keranda. Semasa upacara meyimpan jenazah ke dalam keranda, satu das tembakan akan dilepaskan ke udara. Ahli keluarga dan saudara mara yang hadir akan melihat wajah mendiang untuk kali terakhir sambil menangis. Di dalam keranda, kepala jenazah haruslah beralaskan tepak sirih yang diisi kelengkapan merokok dan sirih. Tindakan tersebut merupakan ‘asal’ bagi Punan Bah. Apabila jenazah sudah disimpan di dalam keranda, keranda tersebut akan ditutup dan digam. Keranda tersebut akan diletakkan di bawah *pelian* dan satu das tembakan akan dilepaskan semula ke udara.



Gambar 34: Keluarga terdekat mendiang berada di dekat dengan keranda tempat jenazah diletakan di bawah *pelian*. Sumber: Suzy Maek (2017) (ahli keluarga mendiang).

Setelah upacara menyimpan mayat selesai, penjaga akan boleh makan dan minum. Walaupun demikian, penjaga masih tidak boleh meninggalkan pelian untuk tujuan makan dan minum. Penjaga haruslah makan dan minum di tempat yang sama. Penjaga hanya boleh meninggalkan *pelian* sebentar sekiranya untuk tujuan ke tandas sahaja. Untuk itu, seorang individu akan diberi tanggungjawab untuk menjadi penghantar makanan dan minuman kepada penjaga sepanjang tempoh jenazah masih berada di rumah.

Jika penjaga lelaki, penghantar makanan yang dipilih selalunya lelaki. Begitu juga jika penjaga perempuan penghantar makanan akan dipilih dalam kalangan wanita. Namun begitu, lelaki juga boleh menjadi penghantar makanan kepada penjaga wanita. Syarat utama bagi penghantar makanan kepada penjaga jenazah haruslah seorang balu, sama ada lelaki ataupun wanita. Individu yang bukan balu tidak dibenarkan sama sekali untuk menjadi penghantar makanan. Perkara ini disebabkan penghantar makanan bukan sekadar menghantar makanan tetapi mempunyai tanggungjawab yang lebih besar.

Penghantar makanan sebenarnya berperanan sebagai penjaga semangat penjaga jenazah. Semangat seorang balu dipercayai lebih kuat daripada semangat bukan balu kerana mereka telah melalui pengalaman hidup yang berbeza. Sekiranya bukan balu menjadi penghantar makanan, semangat penjaga jenazah tidak dapat dilindungi daripada semangat-semangat jahat. Ini akan menyebabkan penjaga jenazah akan ditimpak kesusahan seperti akan menjadi ‘gila’ atau ‘bodoh’. Kepercayaan ini menyebabkan pemilihan penghantar makanan tidak boleh dilakukan dengan sesuka hati.

Dahulu, jenazah akan berada di rumah selama tujuh malam dan pada pagi hari yang kelapan jenazah akan dikebumikan. Tempoh tersebut adalah satu kelaziman untuk setiap kematian dalam kalangan rakyat biasa Punan Bah. Dalam keadaan atau kes kematian yang tertentu, tempoh tersebut berubah menjadi beberapa pilihan iaitu tujuh atau lima atau tiga malam sahaja. Untuk keadaan ini, setiap keluarga berhak menentukan jumlah hari jenazah ahli keluarga mereka dijaga di rumah.

#### **4.6.1 Adat *pasetou*** *xxix*

Apabila seorang raja atau kerabat diraja dan rakyat biasa meninggal dunia, pelbagai adat istiadat atau upacara ritual yang harus dilakukan oleh penduduk seperti *pasetou*. *Pasetou* merupakan sebuah upacara yang dilakukan dengan tujuan mengiringi semangat mendiang ke alam kematian. Nenek moyang Punan Bah percaya bahawa semangat mendiang boleh sesat sekiranya tidak diiringi dengan adat tersebut. Semangat yang sesat akan mengganggu penduduk kerana roh mendiang tidak tenang dan sering meracau-racau. Untuk mengelakkan hal tersebut daripada berlaku upacara *pasetou* haruslah dilakukan.

*pasetou* adalah kata kerja atau nama upacara manakala *setou* adalah kandungan atau kata-kata yang diucapkan oleh pelaku. *pasetou* merupakan kata-kata yang disampaikan dengan dendangan suara tanpa muzik seperti sebuah syair panjang. Kandungan *setou* berbentuk sebuah jalan cerita yang diterjemahkan dalam bentuk nyanyian sambil menangis. Upacara ini akan diketuai oleh seorang ketua wanita daripada kalangan orang tua yang berpengalaman dalam mengendalikan upacara tersebut. Beliau akan bersama-sama dengan satu kumpulan wanita yang lain. Mereka yang terlibat akan berada berdekatan dengan keranda.

Ketua upacara merupakan individu penting yang menjadi pengiring utama semangat mendiang alam kematian. Semasa upacara berlangsung semangat mendiang dipercayai akan mendengar setiap perkataan yang disampaikan oleh peserta lebih-lebih lagi ketua upacara. Ketua harus sentiasa peka sebelum mengeluarkan sebarang perkataan. Kesalahan boleh menyebabkan semangat mendiang tidak sampai di alam kematian atau tersesat. Ini disebabkan kandungan dalam *setou* akan menjelaskan setiap laluan dan menerangkan keputusan yang harus dibuat oleh mendiang sepanjang dalam perjalanan ke alam kematian. Manakala peserta yang lain akan mengulangi kata-kata yang sama sepanjang upacara.

Upacara *pasetou* akan dilakukan selama tujuh malam jenazah berada di rumah. Sekiranya *pasetou* tidak boleh dilakukan sepanjang tempoh tujuh malam, maka upacara tersebut boleh dilakukan pada malam pertama, ketiga, kelima dan ketujuh; atau malam ketiga, kelima dan ketujuh; atau malam kelima dan ketujuh; dan malam ketujuh sahaja. Untuk gambaran yang lebih jelas jadual di bawah akan menunjukkan masa upacara *pasetou* boleh dilakukan jika jenazah berada di rumah semala tujuh malam.

Ahli keluarga mendiang mempunyai hak untuk menentukan tempoh upacara *pasetou* yang hendak dilakukan berdasarkan contoh dalam jadual tersebut. Sebelum tempoh upacara *pasetou* diputuskan beberapa hal harus dititikberatkan. Pertama, harus berbincang dengan individu atau guru *setou* yang dipilih. Mendapatkan persetujuan beliau sama ada, bersetuju ataupun tidak dengan tempoh yang dikehendaki oleh keluarga mendiang. Tindakan ini penting bagi memastikan beliau sihat dan mampu untuk meneruskan upacara sepanjang jumlah malam yang dipilih. Sekiranya guru *setou* tidak mampu untuk berjaga sepanjang tujuh malam, maka tempoh upacara akan disingkatkan bergantung kepada kemampuan dan keputusan beliau.

Jadual 4.1: Pilihan hari upacara *pasetou*

Pilihan	Malam 1	Malam 2	Malam 3	Malam 4	Malam 5	Malam 6	Malam 7
1	<i>pasetou</i>	<i>pasetou</i> tidak boleh dijalankan	<i>pasetou</i>	<i>pasetou</i> tidak boleh dijalankan	<i>pasetou</i>	<i>pasetou</i> tidak boleh dijalankan	<i>pasetou</i>
2			<i>pasetou</i>	<i>pasetou</i> tidak boleh dijalankan	<i>pasetou</i>	<i>pasetou</i> tidak boleh dijalankan	<i>pasetou</i>
3				<i>pasetou</i>	<i>pasetou</i> tidak boleh dijalankan	<i>pasetou</i>	<i>pasetou</i>
4							<i>pasetou</i>

Pemilihan nombor ganjil satu, tiga, lima dan tujuh untuk upacara *pasetou* mempunyai makna yang tersendiri. Nenek moyang Punan Bah percaya bahawa nombor

ganjal merupakan nombor yang ‘baik’ atau ‘bertuah’. Manakala nombor genap dipercayai ‘tidak baik’ atau ‘tidak bertuah’ kerana hantu dan semangat jahat menyukai nombor genap. Jika pemilihan nombor genap untuk upacara *pasetou* dilakukan, dipercayai akan menyebabkan semangat mendiang mengambil kesempatan dengan membawa orang lain mati bersamanya. Kepercayaan tersebut yang menjadikan upacara *pasetou* tidak dilakukan pada malam bernombor genap, bagi mengelakan hal-hal yang tidak diingini berlaku.

#### **4.7 Upacara Adat Pengkebumian<sup>xxx</sup>**

Terdapat dua tapak perkuburan penduduk Punan Bah iaitu di seberang dan di bahagian hilir petempatan penduduk. Tapak perkuburan ini terpisah disebabkan tradisi pengkebumian masyarakat Punan yang mengikut tempat nenek moyang masing-masing dikebumikan. Jika nenek moyang mereka dikebumikan di bahagian hilir sungai, maka keturunan keluarga tersebut akan dikebumikan di kawasan yang sama. Adat ini masih kekal sehingga ke masa ini.

Sebelum kewujudan tanah perkuburan khas sperti yang ada pada masa ini, tempat pengkebumian Punan pada masa dahulu adalah terpisah dan bertaburan. Rakyat biasa akan dikebumikan di tanah milik masing-masing. Bagi golongan hamba, mereka tidak memiliki tanah persendirian tetapi akan dikebumikan berdekatan dengan kubur raja mereka. Keadaaan ini yang menyebabkan terdapat tempayan-tempayan atau tepak sirih yang akan dijumpai di kawasan hutan. Penemuan tepak sirih atau tempayan di sesebuah tempat di dalam hutan menandakan tempat tersebut adalah kubur. Begitu juga dengan *kelirieng* yang terdapat di banyak tempat di sepanjang Sungai Bah.

Hari pengkebumian akan dilakukan pada hari kelapan bagi jenazah yang dijaga selama tujuh malam; siang hari keempat bagi jenazah yang dijaga selama tiga malam dan siang hari keenam bagi jenazah yang dijaga selama lima hari. Upacara pengkebumian

bermula pada waktu petang iaitu selepas makan tengah hari dalam pukul dua belas hingga pukul satu petang. Sebelum hari pengkebumian tiba, penduduk telah pun menyediakan keperluan yang akan digunakan untuk upacara tersebut. Ini termasuklah cangkul, tali, papan, pasir dan simen.

Selain daripada menyediakan kelengkapan di tanah perkuburan, penduduk juga perlu mencari kayu bagi membuat laluan khas untuk membawa keranda. Semasa Punan Bah masih mempunyai rumah panjang tradisional yang dibina daripada papan dahulu, sebuah tangga akan dibina dari rumah ke tanah. Sebuah tangga juga akan dibina sepanjang laluan ke perahu yang akan digunakan untuk membawa keranda. Tangga tersebut dibina untuk kegunaan sementara khas untuk laluan membawa keranda sahaja. Keadaan ini disebabkan tangga atau laluan yang digunakan dalam kehidupan seharian tidak boleh digunakan untuk membawa keranda.

Pada hari pengkebumian perahu yang akan digunakan untuk membawa keranda telah pun disediakan. Perahu merupakan pengangkutan utama yang digunakan oleh penduduk untuk membawa keranda ke tanah perkuburan. Dalam upacara ini, tiga buah perahu akan digunakan. Tiga buah perahu ini akan digabungkan atau diikat dengan tali. Perahu yang berada pada kedudukan tengah akan digunakan untuk meletakkan keranda. Setelah itu, sebuah pondok akan dibina menutup bahagian atas tiga perahu tersebut. Pondok tersebut dibuat beratapkan pakaian dan kain songket.

Apabila masa yang telah ditetapkan untuk upacara pengkebumian tiba, sekumpulan lelaki akan mengangkat keranda ke perahu yang telah disediakan. Beberapa ahli keluarga mendiang turut serta dengan membawa peralatan-peralatan yang dibawa mendiang ke tanah perkuburan. Semua yang terlibat ke tanah perkuburan haruslah mengikut laluan khas yang telah disediakan. Sebaik sahaja semua yang terlibat sampai di perahu, laluan khas berupa tangga tersebut akan dimusnahkan dan dihanyutkan di sungai. Tindakan tersebut bertujuan untuk mengelakan semangat mendiang menemui laluan untuk kembali

semula ke rumah. Dengan memusnahkan laluan khas tersebut, semangat mendiang tidak akan dapat menemui laluan untuk kembali ke rumah.

Seterusnya, apabila keranda sudah diletakkan di dalam perahu upacara mengelilingi sungai akan dilakukan. Perahu tersebut akan membuat pusingan mengelilingi kawasan sungai di hadapan petempatan penduduk. Pusingan akan dibuat sebanyak tempoh jenazah dijaga di rumah. Sekiranya jenazah tersebut dijaga selama tiga malam, maka tiga pusingan akan dibuat. Lima dan tujuh pusingan akan dibuat bagi jenazah yang dijaga selama lima dan tujuh malam di rumah. Setelah selesai perahu tersebut akan berhenti di tebing tanah perkuburan tempat jenazah hendak dikebumikan sama ada yang di seberang atau di hilir petempatan penduduk.

Sebaik sahaja berhenti, pondok di atas perahu tersebut akan dirobohkan dan dihanyutkan di sungai. Semasa upacara tersebut berlangsung satu das tembakan akan dilepaskan ke udara. Setelah itu, barulah keranda diangkat dan dibawa ke tapak pengkebumian yang telah disediakan. Sebelum upacara pengkebumian, keputusan telah dibuat sama ada jenazah akan dikebumikan di dalam tanah atau di atas tanah. Ini penting bagi memudahkan penyediaan peralatan kerana peralatan yang berbeza diperlukan untuk setiap jenis pengkebumian contohnya jumlah pasir, papan dan simen.

Apabila upacara pengkebumian selesai, semua yang terlibat akan pulang bersama-sama dengan menggunakan laluan yang sama. Pada satu bahagian di tengah-tengah laluan akan diletakkan satu penghalang daripada buluh. Penghalang tersebut akan menjadi perantaraan petempatan penduduk dengan pekuburan. Penghalang buluh tersebut merupakan simbolik antara alam kematian dengan alam nyata. Ini bertujuan supaya semangat mendiang tidak mengikut orang yang masih hidup kembali semula ke rumah. Dengan meletakkan buluh sebagai penghalang jalan, dipercayai bahawa semangat mendiang tidak akan berjaya melepassi kawasan tersebut.

Sebaik sahaja mereka yang balik dari tapak perkuburan sampai di sungai, mereka akan mencuci badan masing-masing. Tindakan tersebut bukan sahaja untuk membuang kotoran tetapi untuk membersihkan perkara-perkara yang jahat. Mereka juga akan membersihkan perahu dengan menterbalikkan perahu tersebut ke dalam sungai. Pada masa ini juga, semua yang terlibat akan saling menolak antara satu sama lain supaya terjatuh ke dalam sungai. Tindakan ini bertujuan untuk “membuang pantang larang” setelah selesai melakukannya upacara pengkebumian. Membuang pantang larang dalam perbuatan tersebut bermaksud telah bebas daripada semua pantang larang kematian. Setelah upacara membersihkan diri dan membuang pantang di sungai selesai, mereka pun kembali ke pangkalan tempat mereka bertolak dari rumah.

Kedatangan mereka telah dinantikan oleh sekumpulan penduduk yang membawa sisa-sisa makanan, arang dan air tuak. Sebaik sahaja mereka naik dari sungai, mereka akan dibaling dengan nasi, arang dan tuak oleh kumpulan tersebut. Semasa upacara berlangsung, semua yang hadir akan membaca jampi atau berdoa supaya mendapat kehidupan yang lebih baik. Mereka juga menyatakan yang mati itu telah mati dan yang hidup harus meneruskan kehidupan dengan baik. Upacara membaling kotoran bertujuan untuk memenuhi pantang larang dan adat kematian Punan Bah. Setelah upacara membaling kotoran selesai, semua penduduk akan kembali ke rumah dan membersihkan diri di rumah masing-masing.

Pada sebelah malamnya, semua penduduk akan berkunjung ke rumah keluarga mendiang. Tindakan tersebut merupakan tanda prihatin penduduk terhadap keluarga yang telah ditimpa kesusahan. Upacara bungan (bagi keluarga yang beragama *Bungan*) akan dilakukan di rumah keluarga mendiang. Semasa upacara, Guro bungan akan mengingatkan semangat mendiang bahawa upacara tersebut adalah upacara perpisahan dengan mendiang. Beliau akan mengingatkan semangat mendiang bahawa beliau telah

pun berpisah dengan dunia manusia. Peringatan tersebut penting supaya mendiang tidak mengganggu atau berhubung dengan ahli keluarganya yang masih hidup.

### **5.8 Upacara Adat Pengkebumian Kedua**

Sebelum tiba pada hari pengkebumian yang pertama, ahli keluarga mendiang akan membuat keputusan sama ada akan ada upacara pengkebumian kedua untuk mendiang. Sekiranya tidak ada, maka penduduk akan menyediakan kelengkapan untuk upacara pengkebumian kekal sahaja. Sekiranya mendiang akan dikebumikan dengan dua adat pengkebumian maka, persediaan dan peralatan yang berbeza akan disediakan. Membuat keputusan dengan tepat berdasarkan perbincangan ahli keluarga semasa berlakunya kematian merupakan tindakan yang mustahak bagi akan menentukan kelancaran upacara sesebuah adat dilaksanakan.

Keranda untuk upacara pengkebumian pertama (yang akan dilakukan upacara pengkebumian kedua) haruslah bukan dari kayu belian. Hanya pengkebumian kekal sahaja yang boleh menggunakan kayu belian. Tradisi asal masyarakat Punan, adalah mengamalkan pengkebumian sebanyak dua kali untuk setiap kematian bagi kumpulan kelas pertama dan kedua. Keadaan tersebut berubah apabila orang kebanyakan boleh membuat pilihan sama ada pengkebumian kedua akan dilakukan atau tidak. Manakala untuk golongan kelas pertama, adat pengkebumian kedua atau di dalam *kelirieng* merupakan tindakan yang harus dilakukan.

Dalam upacara pengkebumian pertama, keranda akan diikat dengan rotan dan diletakkan di atas para di dalam sebuah pondok khas. Menurut penjelasan Puwing Daud (2014), untuk orang kebanyakan, pondok akan dibina di kawasan yang lebih jauh dari petempatan seperti di seberang rumah panjang penduduk. Manakala untuk raja dan kerabat diraja pondok akan dibina berdekatan dengan petempatan seperti di halaman rumah. Kerja-kerja membuat pondok akan selesai sebelum tiba hari pengkebumian

pertama. Pondok dan keranda raja, akan dihias dengan bentuk-bentuk sakral seperti harimau.

Sebelum upacara pengkebumian kedua, keluarga mendiang harus menghantar makanan seperti buah-buahan, kuih muih dan minuman ke pondok yang menempatkan keranda mendiang. Tindakan tersebut bertujuan untuk mengelakan semangat mendiang daripada kelaparan kerana upacara pengkebumian yang belum selesai, menyebabkan mendiang tidak boleh hidup di alam kematian seperti semangat-semangat yang lain. Oleh itu, keluarga mendiang haruslah menghantar makanan ke kubur sementara dari semasa ke semasa contohnya semasa musim buah-buahan. Tindakan tersebut menjadi tanggungjawab keluarga terhadap mendiang, kerana mereka sudah maklum akan tindakan yang perlu dilakukan sebelum keputusan dibuat.

Selama tempoh adat pengkebumian kedua belum dilakukan, pasangan mendiang atau balu tidak boleh berkahwin semula. Keadaan ini disebabkan adat pengkebumian kedua tidak boleh dilakukan dalam masa (tahun) yang terdekat tetapi akan dilakukan apabila hasil padi mencukupi. Dalam keadaan tertentu adat pengkebumian kedua akan dilakukan dua tiga tahun atau lebih selepas pengkebumian yang pertama. Tempoh untuk melakukan adat pengkebumian kedua adalah tidak tetap kerana kos yang tinggi dengan merujuk kepada jumlah hasil pertanian menjadi keutamaan untuk melangsungkan upacara ini.

Nicolaisen (2003), menjelaskan beliau menyatakan sempat menyaksikan sendiri upacara pengkebumian kedua yang dilaksanakan oleh Punan Bah semasa keberadaan beliau di Punan Bah. Dalam tahun 1970an hingga awal tahun 1980an adat *molu* atau adat pengkebumian kedua masih dilakukan oleh Punan Bah dan pada masa ini upacara tersebut tidak lagi dilakukan. Upacara ini bermula pada awal pagi dengan pukulan gong beserta dengan tangisan saudara mara mendiang. Tindakan memukul gong juga bertujuan untuk memaklumkan semangat-semangat di alam ghaib tentang upacara tersebut. Pada masa

yang sama, ia juga arahan kepada penduduk bahawa upacara akan bermula. Untuk itu, golongan lelaki juga akan melakukan kerja-kerja di luar rumah seperti mencari kayu api sementara kaum perempuan melakukan kerja di dalam rumah seperti memasak.

Sepanjang tempoh empat hingga lima hari sebelum upacara sebenar bermula, tetamu dan saudara mara akan berkumpul di rumah keluarga mendiang dan dijamu dengan pelbagai jenis makanan. Sementara itu, kaum lelaki akan membina pondok dan struktur simen yang akan digunakan untuk upacara yang sebenar. Sebatang penyepit daripada dahan nibung dan digantung di siling rumah keluarga mendiang. Penyepit tersebut akan digunakan untuk memakan sago semasa upacara. Kaum perempuan akan menyediakan pelbagai jenis makanan seperti kuih *telupi* dan *telagua*.

Beliau menjelaskan dalam persiapan kepada hari upacara, sebuah konopi berbentuk kon akan dibuat daripada pakaian mendiang seperti kain songket emas dan digantung di *ruai*. Pemberian seperti kain-kain daripada penduduk kepada mendiang akan dikumpulkan berdekatan dengan konopi. Semasa upacara berlangsung, penduduk akan mengangis dan gong akan dipukul berdekatan dengan konopi atau *akoang* sebagai pengumuman dan memanggil roh mendiang. Pada sebelah malam, penduduk dan tetamu akan berkumpul dan menjamu selera sambil mendengar ucapan tentang mendiang.

Pada keesokan harinya, gong akan dipukul dan saudara mara mendiang akan menangis sekali lagi kerana pada hari tersebut roh mendiang akan meninggalkan mereka. Pakaian roh atau *akoang* dan pemberian kepada mendiang akan dibungkus dan dibawa ke tanah perkuburan. Sepanjang perjalanan ke tanah perkuburan gong akan dipukul dengan kuat. Perahu yang digunakan untuk membawa *akoang* juga dibuat pondok daripada kain seperti dalam upacara pengkebumian pertama. Di kubur, *akoang* akan digantung di atas keranda supaya roh mendiang dapat menyaksikan cara tulang-tulang mendiang diuruskan.

Apabila Punan Bah sudah beragama *Bungan* dalam tahun 1970an, Nicolaisen (2003) menjelaskan upacara *molu* bukan sahaja mengutip tulang tetapi turut membersihkan tulang-tulang. Sebelum keranda dibuka, *tuak* akan dituang ke dalam keranda bagi menyenangkan semangat yang mungkin berada di dalam keranda tersebut. Kemudian gong akan dipukul dengan kuat dan mereka yang hadir akan meraung-raung. Sebaik sahaja keranda dibuka, ahli keluarga mendiang sama ada anak lelaki atau anak perempuan akan menutup bahagian bawah badan mendiang dengan kain sarong emas supaya tidak dilihat oleh orang lain. Kemudian, barulah tulang-tulang tersebut akan dibersihkan oleh seorang atau dua orang individu yang telah diberi tanggungjawab dan dimasukkan ke dalam tajau.

Catatkan Nicolaisen (2003) ada menyatakan terdapat keranda yang tidak dibuka tetapi dimasukkan ke dalam keranda baru yang lebih besar dan dibuat daripada kayu *belian*. Ada juga keranda yang dimasukkan ke dalam struktur simen yang dibentuk segi empat dengan pondok yang dibuat daripada kayu belian yang dimahkotakan dengan gangsa lama seperti gong. Setelah itu, bendera kain bewarna merah, hijau dan kuning akan diletakkan mengelilingi pondok untuk memberitahu semangat-semangat akan upacara *molu*. Tindakan ini sama dengan tindakan upacara pengkebumian pertama.

Setelah *tajau* ditanam, upacara pengkebumian kedua pun selesai. Begitu juga dengan keranda yang dimasukkan semula ke dalam keranda baru atau struktur simen, upacara selesai apabila keranda tersebut telah dikebumikan semula. Tatacara pulang ke rumah untuk adat pengkebumian kedua sama dengan tatacara yang dilakukan semasa pengkebumian pertama. Dengan itu, sebatang dahan kayu akan diletakkan menghadang laluan sebelum tiba di sungai supaya tidak ada semangat yang mengikut penduduk. Mereka juga bergurau senda di sungai dan dilontar dengan kotoran semasa naik ke rumah. Akhir sekali semua yang terlibat pun pulang ke rumah masing-masing.

#### **4.9 Adat Berkabung dan Membuang Kabung**

Boi Kesai (2014)<sup>xxxii</sup> menjelaskan adat berkabung Punan Bah bagi keluarga mendiang adalah seratus hari dan satu bulan untuk penduduk lain. Dalam tempoh berkabung penduduk terikat dengan beberapa peraturan atau pantang larang. Mereka tidak boleh melakukan sebarang aktiviti seperti berkebun, pergi ke huma, menangkap ikan, membaiki rumah, membuat peralatan perabot dan melakukan kerja-kerja kraftangan seperti menganyam tikar atau bakul dan mengait benang. Kerja-kerja tersebut dipercayai akan mengganggu perjalanan roh si mati ke alam kematian yang boleh menyebabkan roh si mati marah dan mengganggu pelaku. Keadaan rumah menjadi sunyi kerana penduduk tidak boleh membuat bising sama ada bertengkar atau memainkan alat muzik.

Dari segi pakaian, warna putih akan menjadi warna pakaian yang utama untuk upacara berkabung semasa jenazah masih berada di rumah. Manakala warna hitam akan digunakan selepas pengkebumian. Sekeping kain bewarna putih bersegi empat akan dilekatkan pada lengan baju penduduk. Pakaian bewarna merah dan menggunakan barang kemas adalah dilarang untuk digunakan sepanjang tempoh berkabung kerana boleh menyinggung perasaan roh si mati. Individu yang didapati melanggar adat berkabung akan dikenakan denda dalam bentuk harta benda atau wang ringgit.

Walaupun demikian adat berkabung Punan Bah kini tidak lagi sama dengan adat berkabung dahulu. Puwing Daud (2014)<sup>xxxiii</sup> menjelaskan kini, tidak ada tempoh tetap bagi masa berkabung Punan Bah kerana masa berkabung akan ditentukan oleh masa kematian berlaku. Sekiranya kematian berlaku pada awal, pertengahan atau hujung bulan, adat berkabung akan dilakukan sehingga anak bulan muncul. Ini bermakna adat berkabung akan berakhir pada bulan yang baru. Sekiranya kematian berlaku pada awal bulan, masa berkabung akan menjadi lebih lama berbanding dengan kematian pada pertengahan dan hujung bulan.

Penetapan masa berkabung kini ditentukan oleh kemunculan anak bulan adalah berdasarkan kepercayaan masyarakat terhadap simbolik bulan tersebut. Anak bulan akan menjadi lambang kehidupan dan harapan yang baharu setelah kematian ahli keluarga. Puwing Daud (2014) menjelaskan sebuah kehidupan Punan Bah sama dengan sifat tumbuhan. Institusi keluarga merupakan tumbuhan subur dan sampai pada satu masa yang tidak boleh dijangka, terdapat bahagian yang akan patah. Bahagian yang patah melambangkan kematian yang menyebabkan institusi keluarga berada dalam kesusahan.

Oleh itu, masa berkabung harus berakhir dengan kewujudan harapan baru yang dilambangkan oleh anak bulan. Untuk itu, kehidupan keluarga tersebut akan menjadi lebih cerah seperti anak bulan yang semakin terang sehingga ke purnama. Harapan ini diterjemahkan semasa tamatnya waktu berkabung dengan upacara membuang kabung atau membuang *ulit*. Sebelum upacara membuang *ulit*, keluarga mendiang dengan bantuan penduduk akan menyediakan pelbagai jenis makanan dan kuih muih untuk digunakan semasa upacara.

Semasa upacara membuang *ulit*, semua penduduk akan berkumpul di rumah keluarga mendiang. Upacara ini bertujuan untuk memberi harapan baru kepada keluarga mendiang dengan membuang segala kesedihan setelah kematian ahli keluarga. Dengan itu, tanda-tanda yang menunjukkan tanda berkabung akan dibuang. Adat membuang kabung Punan Bah di Punan Bah dengan Punan Pendan seperti kajian yang dilakukan oleh Lingka (1998) adalah sama. Dengan itu, peralatan yang digunakan ketika berkabung seperti pakaian dan topi akan dikumpul di sebuah tempat. Kemudian dibawa ke ruang hadapan bilik keluarga mendiang serta digantung pada sebuah tiang.

Dalam pada itu, Lingka (1998) menerangkan upacara membuang kabung untuk golongan kelas pertama akan dilakukan secara besar-besaran dengan menjemput tetamu dari rumah panjang yang *sama pemakai* dengan mereka. Antara peralatan yang diperlukan adalah tengkorak manusia (yang terdapat dalam simpanan), seekor khinzir,

ayam, parang *ilang*, kayu yang dipotong halus atau *bapela* untuk mencepit tangan orang ramai dengan darah, talam, daun palas dan bekas tembaga seperti tetawak tanpa bonjol. Tengkorak akan diletakan ke dalam bekas tembaga oleh individu yang telah beri tanggungjawab, lazimnya dalam kalangan orang tua. Manakala khinzir akan disembelih sebagai semahan kepada *petara*.

Setelah itu, semua yang terlibat akan memegang parang yang digunakan dalam upacara dan tangan mereka akan dipalitkan dengan darah khinzir menggunakan *bapela* oleh dua Guro bungan. Upacara ini sama dengan ritual bungan yang dilakukan semasa sambutan perayaan tahunan *Bungan* di Punan Bah. Puwing Daud (2014) menjelaskan upacara tersebut bertujuan untuk membersihkan diri dan menghilangkan pantang larang ketika berkabung. Semua yang terlibat tidak boleh pulang terus pulang ke rumah masing-masing tetapi perlu ke tempat tengkorak diletakkan. Di Punan Bah, upacara tersebut akan dilakukan di rumah *batu dong*. Tengkorak akan diletakkan bersama parang berdekatan dengan tempat penyembelihan binatang semahan dan diketuk dengan parang. Tindakan itu, menandakan kemenangan dan kejayaan ke atas semangat-semangat jahat yang menyebabkan kematian.

Selesai upacara di rumah *batu dong*, upacara membuang kabung pun selesai. Semua yang hadir akan berkumpul di rumah keluarga mendiang dan menjamu selera. Walaupun masa berkabung mengikut anak bulan berakhir secara rasmi. Ahli keluarga terdekat seperti balu lazimnya masih berkabung dengan menggunakan pakaian bewarna putih atau hitam dengan lilitan kain putih atau hitam di kepala. Individu yang berpenampilan begitu menunjukkan beliau masih berkabung setelah kematian ahli keluarga. Beliau boleh menggunakan pakaian putih atau hitam berdasarkan tempoh yang dikehendaki. Dalam kebudayaan Punan Bah warna putih atau hitam adalah lambang kesedihan.

#### **4.10 Proses Pembinaan Tapak Pengkebumian Kedua: *Kelirieng*<sup>xxxiii</sup>**

Di kepulauan Borneo, hanya masyarakat Punan sahaja yang mengamalkan cara pengkebumian khusus dengan nama *kelirieng* yang menjadikan *kelirieng* identik kepada komuniti Punan di Sarawak. Namun demikian seperti yang telah dibincangkan dalam bab yang sebelum ini, menunjukkan Punan Bah mempunyai persamaan adat pengkebumian dengan masyarakat Berawan, Kayan, Kenyah, Seping dan Melanau dari segi penggunaan tiang dalam adat pengkebumian. Untuk itu, tiang yang dimiliki oleh setiap kumpulan ini mempunyai keunikan yang tersendiri. *Kelirieng* banyak terdapat di kawasan petempatan Punan Bah berbanding petempatan kumpulan Punan Bah yang lain.

Boi Kesai (2014), menerangkan kerja pertama yang dilakukan sebaik sahaja upacara pengkebumian pertama selesai untuk adalah kerja-kerja mencari kayu belian. Ia adalah menjadi tanggungjawap kaum laki-laki untuk mencari sebatang kayu untuk dibuat *kelirieng*. Lazimnya, masyarakat dahulu sudah tahu kawasan tanah yang mempunyai kayu belian. Jika tidak ada sekalipun, banyak kayu belian yang tumbuh liar di kawasan hutan Punan Bah pada masa dahulu. Maka kerja-kerja untuk mencari kayu dibuat *kelirieng* bukanlah satu masalah. Setelah kayu belian yang bersesuaian dipilih, mereka yang diberi tanggungjawab akan ke tempat tersebut untuk menebang pokok yang dimaksudkan.

Kerja-kerja menebang pokok belian dilakukan dengan melibatkan beberapa orang individu kerana pada waktu tersebut, kerja-kerja menebang pokok hanya dilakukan dengan menggunakan kapak dan *beliung* sahaja. Maka, kerja-kerja menebang pokok belian akan dilakukan berganti. Apabila pokok selesai ditebang, Puwing Daud (2014) menjelaskan rakyat jelata dan hamba akan mencari sejenis tumbuhan yang dikenali sebagai pokok tepus yang banyak ditemui di kawasan hutan Punan Bah. Selain itu, ada juga yang akan bertugas untuk mencari rotan *wi*. Sejenis rotan yang bersaiz kecil dan

lebih kuat berbanding dengan jenis rotan yang lain. Pokok tepsus dan rotan *wi* akan digunakan untuk membawa batang belian ke tempat *kelirieng* hendak didirikan.

Kerja-kerja membawa batang belian ke kawasan rumah dari tengah hutan memerlukan ramai tenaga kaum lelaki. Mereka akan menyusun batang tepsus dan meletakkan batang belian di atas susunan tersebut. Rotan *wi* akan digunakan untuk mengikat dan menarik, manakala batang tepsus akan digunakan untuk mengangkat batang belian tersebut. Sekiranya tempat menebang pokok belian tersebut jauh, masa yang lama akan diperlukan untuk sampai ke petempatan penduduk. Di petempatan penduduk, batang belian tersebut akan diletakkan di bawah sebuah pondok khas yang telah dibina terlebih dahulu.

Seterusnya kerja-kerja membuat batang belian menjadi *kelirieng* pun bermula. Hanya individu terpilih sahaja akan melakukan tanggungjawab ini iaitu tukang ukir yang telah diketahui umum kehebatannya. Bukan semua tukang ukir boleh mengukir *kelirieng*. Ini disebabkan individu yang dipilih bukan sahaja pakar dalam ukiran bahkan arif tentang adat dan kepercayaan masyarakat. Puwing Daud (2014) menekankan perkara tersebut harus diberi perhatian kerana setiap ukiran akan menterjemahkan makna tertentu yang positif kepada raja. Semasa kerja mengukir dan menebuk dilakukan, ukiran tidak boleh rosak atau tertanggal.

Sekiranya kejadian ukiran rosak atau tertanggal, tukang ukir harus memaklumkan hal tersebut kepada ketua adat. Untuk itu, ritual akan dilakukan dengan menyediakan *piring* atau bahan semahan. Persembahan sakral dengan membunuh seekor ayam atau khinzir harus dilakukan untuk memenuhi upacara dan pantang larang membuat *kelirieng*. Jenis persembahan korban sama ada ayam atau khinzir bergantung kepada saiz kerosakan pada ukiran. Upacara memohon maaf kepada semangat amat penting kerana setiap bentuk pada *kelireng* mewakili roh dan pemilik yang berbeza. Sebarang kerosakkan dan

kecacatan akan menimbulkan kemarahan semangat ukiran tersebut yang akan mengganggu ketenteraman penduduk.

Kepercayaan tersebutlah yang menyebabkan Punan Bah amat mengambil berat terhadap sebarang kesilapan yang berlaku semasa kerja mengukir *kelirieng* bagi mengelakan gangguan hantu atau semangat jahat. Kerja-kerja mengukir dan sebuah *kelirieng* mengambil masa tiga hingga lima tahun untuk disiapkan bergantung kepada saiz kayu belian tersebut. Setelah siap, penduduk akan menunggu masa yang sesuai untuk mendirikan *kelirieng* iaitu sehingga hasil padi pada tahun tersebut cukup banyak untuk pelaksanaan upacara.

#### **4.10.1 Upacara Mendirikan *Kelirieng***

Pada hari yang telah ditetapkan, *kelirieng* akan dibawa ke tempat *kelirieng* tersebut hendak didirikan. Sebelum hari mendirikan *kelirieng* tiba, penduduk akan menyediakan segala keperluan yang akan digunakan seperti buluh, rotan dan kayu. Sebelum upacara bermula, sebuah lubang dengan kedalaman dua belas kaki atau lebih telah pun digali. Saiz dan kedalaman lubang yang digali bergantung kepada saiz *kelirieng* sekiranya *kelirieng* tersebut tinggi dan besar maka lubang yang digali haruslah lebih besar dan lebih dalam. Bahagian hujung *kelirieng* yang hendak dimasukan ke dalam tanah akan diletakkan betul-betul pada bahagian tepi lubang supaya kerja-kerja mendirikan *kelirieng* boleh dilakukan dengan mudah.

Boi Kesai (2014) menjelaskan pada awal pagi, hari mendirikan *kelirieng*, penduduk akan membuat bahan semahan yang akan diberikan kepada *petara*. Ritual akan dilakukan di tempat *kelirieng* hendak didirikan dan seperti yang telah dirancang, pada hari dan masa yang telah ditetapkan semua penduduk, tetamu dan hamba akan berkumpul di tempat tersebut. Upacara akan berlangsung dengan memilih, seorang anak gadis dari kalangan hamba untuk membuat persembahan tarian bagi memeriahkan upacara.

Pastinya tidak akan ada bantahan daripada gadis tersebut. Malah terpilih untuk membuat persembahan merupakan satu penghormatan kepada mendiang tuan mereka. Untuk itu, gadis tersebut akan membuat persembahan tarian tradisional di atas *kelirieng* daripada bahagian atas sehingga ke bahagian pangkal *kelireing*. Semasa gadis tersebut menari, semua yang hadir akan bersorak sorai sebagai tanda gembira dan terhibur beserta dengan pukulan gong. Apabila gadis tersebut menari semakin menghampiri pangkal *kelirieng*, sorakan akan menjadi semakin bingit disebabkan penonton yang menjerit-jerit.

Semasa membuat persembahan, gadis tersebut turut gembira kerana menganggap semua yang hadir terhibur dengan persembahannya. Dia langsung tidak menyangka tujuan sebenar upacara tersebut dilakukan selain daripada gembira kerana menjadi perhatian dan menghiburkan. Hakikat yang sebenar adalah di sebalik jangkaan gadis tersebut. Sebaik sahaja sampai pada bahagian pangkal *kelirieng* yang menghadap lubang, gadis tersebut akan ditolak sehingga jatuh ke dalam lubang tersebut. Upacara menjadi semakin riuh, apabila semua yang hadir bersorak sorai sebaik sahaja gadis tersebut telah jatuh ke dalam lubang.

Apabila menyedari keadaan yang akan berlaku, gadis tersebut meminta tolong tetapi tidak akan diendahkan. Semua yang hadir terus bersorak tanpa menghiraukan rayuan gadis tersebut. Seperti yang telah dirancang, *kelirieng* terus diikat dan tuas akan dipasang untuk menarik *kelirieng* masuk ke dalam lubang. Setelah selesai kerja mengikat dan memasang tuas, semua yang terlibat akan mengambil bahagian masing-masing. Dengan itu, kerja-kerja menarik *kelirieng* pun bermula. Sebaik sahaja *kelirieng* masuk ke dalam lubang, gadis tersebut akan mati dengan serta merta kerana dihempap *kelirieng*.

Setiap kali *kelirieng* didirikan, seorang anak gadis hamba akan dijadikan ‘*piring korban*’ sebagai pelengkap upacara sakral tersebut. Tindakan tersebut bertujuan untuk mengelakan sebarang kejadian buruk berlaku kepada penduduk. Sama seperti upacara

ritual lain, persesembahan *piring* korban kepada *petara* adalah wajib sama ada ayam atau khinzir. Hanya dalam upacara mendirikan *kelirieng*, seorang manusia akan dikorbankan sebagai *piring* korban kepada petara. Apabila *kelirieng* telah didirikan, semua yang hadir akan kembali ke rumah dan meraikan kejayaan tersebut dengan bersuka ria, makan dan minum bersama-sama.

#### **4.10.1.1 Upacara Menyimpan Tulang ke Dalam *Kelirieng***

Upacara menyimpan tulang atau upacara pengkebumian kedua bagi kerabat diraja tidak dilakukan serentak semasa *kelirieng* didirikan tetapi akan dilakukan selepas musim menuai pada tahun yang berikutnya. Apabila hasil padi cukup untuk melakukan upacara pengkebumian kedua, maka masa yang sesuai akan ditentukan. Untuk itu, kaum wanita akan menguruskan kerja-kerja di rumah dengan membuat kuih muih dan memasak. Manakala, kaum lelaki akan melakukan kerja-kerja di luar rumah. Mereka akan mencari buluh dan batu yang besar di kawasan Sungai Bah dan Sungai Rajang. Peralatan-peralatan yang hendak digunakan semasa upacara akan disediakan terlebih dahulu supaya upacara pengkebumian kedua untuk raja atau kerabat diraja akan berjalan dengan lancar.

Sepanjang tempoh menunggu hari upacara sebenar, penduduk dan tetamu akan dijamu dengan pelbagai jenis makanan oleh keluarga diraja. Untuk itu juga, tempoh upacara akan berlangsung sama dengan tempoh jenazah berada di rumah sebelum pengkebumian pertama. Semasa hari upacara, penduduk dan tetamu akan berkumpul di pondok tempat keranda diletakkan. Tulang-tulang akan dimasukkan ke dalam *tajau* dan dibawa ke tempat *kelirieng* yang telah didirikan. Inividu yang telah diberi tanggungjawab akan meletakkan *tajau* ke dalam *kelirieng* melalui laluan yang telah disediakan.

Boi Kesai (2014), menejalaskan tajau yang berisi tulang raja akan diletakkan pada bahagian lubang yang paling atas. Manakala bahagian lubang *kelirieng* yang kedua dan ketiga akan digunakan untuk meletakkan tajau kaum kerabat diraja. Kemudian sebuah bongkah batu akan digunakan untuk menutup bahagian atas *kelirieng* tersebut dengan

menggunakan sebuah pelantar yang dibuat daripada buluh keras. Batu tersebut akan diikat dengan rotan yang cukup panjang, sehingga melepas bahagian atas *kelirieng*. Semua yang terlibat akan mengambil tempat masing-masing. Ada yang akan menarik rotan di bahagian hadapan *kelirieng* dan ada yang berada di atas pelantar pada bahagian belakang batu. Kumpulan yang berada di pelantar akan menolak ke hadapan sementara yang berada di tanah akan menarik bongkah batu tersebut ke hadapan dengan rotan.

Kerja-kerja menutup *kelirieng* dilakukan dengan berhati-hati kerana sebarang kesilapan boleh menyebabkan batu tersebut terjatuh dan pecah. Upacara diteruskan dengan menutup bahagian tepi *kelirieng* dengan kayu. Bahagian tersebut ditebus segi empat tepat untuk memudahkan *tajau* seterusnya disimpan. Apabila *tajau* sudah disimpan, bahagian tersebut akan ditutup dengan menggunakan kayu. Kayu yang dipilih untuk menutup *kelirieng* haruslah bukan belian kerana belian tidak mereput. Hanya jenis kayu yang cepat mereput sahaja yang boleh digunakan untuk menutup bahagian tepi *kelirieng* seperti kayu *empelai* dan meranti supaya bahagian tersebut lebih cepat terbuka dan terdedah seperti asal.

Puwing Daud (2014) menerangkan jika kayu yang digunakan menutup dinding *kelirieng* lambat mereput, dipercayai akan menyebabkan petempatan penduduk menjadi *latung*. *Latung* bermaksud tidak aman kerana semangat-semangat jahat akan datang dekat kepada manusia dan mempengaruhi persekitaran hidup masyarakat. Semua benda hidup di persekitaran penduduk akan lari ke tempat lain seperti sungai tidak ada ikan dan hutan tidak ada binatang. Memandangkan masyarakat dahulu bergantung sepenuhnya kepada hasil alam, kehidupan mereka akan terjejas sekiranya tempat tinggal mereka menjadi *latung*. Apabila upacara menutup tepi *kelirieng* selesai, sebuah adat pengkebumian kedua bagi golongan kelas pertama Punan Bah pun selesai.

#### 4.10.1.2 Kelirieng di Punan Bah

Pada tahun 2014 hanya terdapat tujuh buah *kelirieng* yang masih baik di petempatan Punan Bah sementara *kelirieng* yang lain telah rosak disebabkan kebakaran rumah panjang Punan Bah yang berlaku pada 5 Mei 2008. Selain itu, terdapat juga *kelirieng* yang telah tumbang kerana sudah terlalu lama dan tidak dijaga.



Gambar 35: Bahagian-bahagian *kelirieng*

I. *Kelirieng* 1



Gambar 36: Penutup batu di atas *kelirieng* ini jatuh disebabkan kebakaran.



Gambar 37: Bahagian atas *kelirieng* 1



Gambar 38: Bahagian tepi *kelirieng* 1

II. *Kelirieng* 2



Gambar 39: *Kelirieng* 2 telah terbakar dan

penutup *kelirieng* telah jatuh.



Gambar 40: Bahagian atas *kelirieng* 2



Gambar 41: Bahagian tengah *kelirieng* 2



Gambar 42: Penutup *kelirieng* 1



Gambar 43: Penutup *kelirieng* 2

III. Antara *kelirieng* yang telah rosak disebabkan kebakaran pada tahun 2008.



Gambar 44: *Kelirieng* 3



Gambar 45: *Kelirieng* 4



Gambar 46: *Kelirieng* 5




Gambar 47: *Kelirieng* 6

IV. *Kelirieng* 8



Gambar 48: *Kelirieng* 8




Gambar 49: Bahagian atas *kelirieng* 8



Gambar 50: Bahagian tengah *kelirieng* 8

V. *Kelirieng* 9



Gambar 51: *Kelirieng* 9



Gambar 52: Bahagian atas *kelirieng* 9



Gambar 53: Bahagian bawah *kelirieng* 9

VI. *Kelirieng*<sup>xxxiv</sup> 10



Gambar 54: *Kelirieng* 10



Gambar 55: Bahagian atas *kelirieng* 10



Gambar 56: Bahagian tengah *kelirieng* 10

#### **4.11 Proses Pembinaan Tapak Pengkebumian Kedua: *Salong*<sup>xxxv</sup>**

*Salong* merupakan sebuah tempat pengkebumian di dalam sebuah pondok kecil yang terdapat di atas sebuah atau dua buah tiang. Adat pengkebumian *salong* atau *salong* bukan sahaja diamalkan oleh Punan Bah, bahkan turut diamalkan oleh kumpulan masyarakat orang ulu seperti kaum Kayan, Kenyah dan Berawan. Walaupun kumpulan kaum yang berbeza menggunakan *salong* sebagai tempat pengkebumian, setiap *salong* mempunyai keunikan yang tersendiri sama ada bentuk ukiran atau teknik yang digunakan untuk membuat *salong* tersebut.

Pembinaan *salong* adalah sama dengan *kelirieng*, iaitu dibuat daripada kayu belian. Cara pelaksanaan upacara kematian dan pengkebumian yang pertama secara keseluruhan sama dengan adat pengkebumian yang biasa. Pengkebumian *salong* bukan sahaja untuk kerabat diraja tetapi juga untuk rakyat biasa daripada keluarga yang berada. Di Punan Bah, hanya terdapat sebuah *salong* yang masih dalam keadaan baik manakala sebuah lagi telah musnah sepenuhnya. Walaupun banyak persamaan dengan adat pengkebumian *kelirieng*, pengkebumian *salong* tidak memerlukan ‘korban manusia’ tetapi korban binatang iaitu khinzir sebagai persembahan sakral kepada *petara*.

Upacara pengkebumian *salong* dimulakan dengan kerja-kerja mencari kayu belian. Kayu belian yang diperlukan boleh lebih daripada sebatang, bergantung kepada saiz dan ketinggian pokok tersebut. Kerja-kerja mendapatkan kayu, membuat, dan mengukir *salong* sama dengan proses membuat *kelirieng*. Namun begitu, saiz kayu yang diperlukan untuk membuat *salong* Punan Bah adalah lebih lebih kecil dan bahagian batangnya tidak ditebuk. Untuk itu, kerja-kerja membuat *salong* tidak serumit membuat *kelirieng* sama ada dari segi masa dan tenaga kerja.

Ukiran dan bentuk *salong* juga berbeza dengan bentuk dan ukiran yang terdapat pada *kelirieng*. *Salong* Punan Bah tidak diukir daripada bahagian bawah sehingga bahagian atas seperti *kelirieng*. Bentuk dan ukiran pada *kelirieng* mempunyai persamaan

dengan *salong* yang dimiliki oleh masyarakat Berawan. *Salong* Punan Bah hanya mempunyai ukiran timbul pada bahagian tengah atau atas tiang sahaja tetapi *salong* Berawan lebih besar dan diukir dari bawah sehingga bahagian atas tiang sama seperti *kelirieng*. Walaupun demikian, *kelirieng* merupakan sebatang tiang dan *salong* dua tiang serta mempunya pondok di atas tiang.

Kembali kepada proses pembinaan *salong*, kayu belian yang telah ditebang akan dibawa dan diletakkan di tempat yang telah disediakan berhampiran dengan petempatan penduduk. Kerja-kerja akan dilakukan oleh tukang ukir yang telah dipilih. Oleh kerana ukiran pada *salong* tidak seperti ukiran pada *kelirieng* maka, kerja-kerja mengukir tidak memerlukan masa yang lama untuk disiapkan. Walaupun demikian, setiap kesilapan juga harus dipenuhi dengan ritual dan memohon keampunan kepada *petara*. Di Punan Bah satu tiang diukir dengan imej lelaki dan satu lagi tiang diukir dengan imej perempuan. Imej tersebut dikenali dengan nama *tegulun* seperti imej *tegulun* yang terdapat pada *kelirieng*.

Sama seperti *kelirieng*, *salong* boleh menempatkan lebih daripada sebuah tajau iaitu dua atau tiga buah tajau. Setiap tajau mengandungi tulang seorang individu. Sekiranya digunakan untuk meletakkan dua atau tiga tajau maka, *salong* yang dibuat akan lebih besar berbanding dengan sebuah tajau. Selain digunakan untuk membuat tiang, kayu belian juga dipotong kepada kepingan-kepingan yang akan digunakan untuk membuat dinding dan bumbung pondok di atas tiang *salong*. Kepingan kayu dipotong mengikut saiz yang telah ditetapkan berdasarkan saiz *kelirieng*. Kepingan untuk membuat bumbung lebih bersaiz lebih kecil berbanding dengan kepingan untuk membuat dinding dan lantai pondok.

Setelah semua keperluan untuk membuat *salong* sudah disediakan, penduduk akan bermesyuarat sekali lagi untuk menentukan masa yang sesuai untuk mendirikan *salong*. Apabila tempoh yang telah ditetapkan tiba dan hasil padi mencukupi maka upacara

mendirikan *salong* akan bermula. Tanah akan digali untuk menanam tiang *salong* dan setelah didirikan kerja-kerja membuat pondok di atas *salong* akan dilakukan. Kemudian sebuah pelantar kayu dibina berdekatan dengan tiang *salong* dan beberapa orang tukang kayu akan membuat pondok di atas *salong* daripada pelantar tersebut.

Semasa kerja-kerja membuat pondok, kepingan-kepingan kayu akan dibawa ke atas pelantar dan disusun terlebih dahulu. Ini akan memudahkan kerja-kerja membuat pondok kerana tukang kayu tidak perlu turun naik untuk mengambil kepingan kayu sekiranya masih di atas tanah. Dengan itu, kerja akan dapat dibuat dengan lebih cepat dan sistematik. Kerja-kerja membina pondok di atas *salong* memerlukan kepakaran dan ketelitian yang sangat tinggi. Hal ini disebabkan pondok tersebut akan dihias dengan pinggan-pinggan dan mangkuk-mangkuk lama yang berkualiti tinggi.

Semua peralatan yang digunakan untuk membina pondok seperti penyambung kayu haruslah daripada kayu belian. Tidak ada paku atau peralatan besi yang akan digunakan untuk membuat *salong*. Begitu juga dengan semua pinggan dan mangkuk akan dilekatkan dengan kayu belian. Untuk itu, bahagian kayu yang hendak disambungkan akan ditebus terlebih dahulu berdasarkan saiz kayu yang akan digunakan untuk menyambung bahagian tersebut. Kayu belian yang digunakan untuk menyambung bahagian kayu akan disediakan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja membina pondok dilakukan. Penyambung kayu akan diraut halus dengan kepanjangan kira-kira empat atau lima inci bergantung kepada ketebalan kayu yang disambung.

Seterusnya untuk melekatkan pinggan dan mangkuk, semua pinggan dan mangkuk juga akan ditebus terlebih dahulu. Jumlah pinggan dan mangkuk yang hendak digunakan akan ditetapkan terlebih dahulu serta ditebus pada bahagian tengah. Telitinya kerja-kerja menebus lubang pada pinggan dan mangkuk, sehingga tidak boleh ada yang pecah. Saiz lubang yang dibuat hanya lebih besar daripada saiz penyambung kayu. Pada masa yang

sama, bahagian pondok dan tiang *salong* tempat pinggan dan mangkuk hendak diletakkan juga akan ditebuk terlebih dahulu.

Apabila pondok siap dibina dan perhiasan pinggan mangkuk telah dilekatkan, kerja mengukir dinding pondok akan dilakukan. Tukang ukir akan membuat ukiran pada bahagian dinding pondok *salong* dengan warna seperti warna hitam dan putih. Setiap ukiran mempunyai maksud dan wakil yang tertentu seperti bentuk burung kenyalang. Setelah kerja mengukir dinding selesai, maka kerja mendirikan *salong* pun lengkap. Kerja-kerja membina *salong* tidak dilakukan dalam satu hari tetapi beberapa hari terutamanya kerja-kerja membina pondok di atas *salong*. Namun begitu, upacara tersebut tetap disempurnakan dengan persesembahan korban seekor khinzir kepada petara. Hal ini disebabkan nilai-nilai dan bentuk-bentuk sakral yang terkandung dalam adat dan tujuan upacara tersebut harus dijaga dan dihormati, sama seperti mendirikan *kelirieng*. Setelah *salong* siap dibina, penduduk sekali lagi bermesyuarat untuk menentukan masa upacara pengkebumian kedua.

Tindakan tersebut bertujuan mengelakan perkara-perkara yang buruk daripada berlaku. Adalah menjadi keutamaan pengukir untuk menjaga kebijakan penduduk iaitu dengan berhati-hati semasa membuat ukiran. Setelah semua keperluan lengkap maka, upacara pengkebumian kedua akan dimulakan pada tempoh yang telah ditetapkan. Pada hari kejadian, semua penduduk akan berkumpul dan ritual akan dilakukan. Upacara mendirikan *salong* akan dilengkapkan dengan menyembelih khinzir sebagai persembahan sakral kepada petara.

Seterusnya, penduduk akan bermesyuarat sekali lagi untuk menentukan tempoh yang sesuai untuk melangsungkan upacara pengkebumian kedua. Apabila hasil padi cukup untuk membuat upacara pengkebumian kedua, penduduk akan membuat persediaan masing-masing. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini dalam adat pengkebumian kedua secara umum, upacara akan berlangsung selama tempoh mayat


dijaga di rumah. Upacara sebenar akan berlangsung pada hari terakhir upacara dan tulang mendiang akan dicuci dan dimasukkan ke dalam tajau.

Tajau tersebut akan dibawa ke tanah perkuburan dan disimpan ke dalam pondok di atas *salong*. Pondok pada atas *salong* mempunyai satu bahagian atau pintu yang boleh dibuka dan ditutup semula. Bahagian tersebut akan dibuka semasa upacara pengkebumian kedua untuk menyimpan *tajau* yang berisi tulang mendiang. Upacara pengkebumian kedua *salong* juga disempurnakan dengan persembahan sakral menggunakan seekor khinzir kepada petara. Sebaik sahaja tajau disimpan di dalam *salong*, pondok *salong* akan ditutup semula.

Seterusnya, penduduk akan kembali ke sungai, sebatang dahan kayu akan diletakkan untuk menghalang laluan turun ke sungai, supaya roh mendiang tidak dapat melepassi laluan tersebut. Semua yang terlibat saling mengusik antara satu sama lain sambil membersihkan perahu dan mencuci badan masing-masing di sungai. Setelah itu, mereka akan kembali ke rumah panjang dan disambut seperti dalam upacara pengkebumian pertama. Pada sebelah malam, penduduk akan berkumpul di rumah keluarga mendiang dan ritual untuk mengingatkan perpisahan mendiang dengan dunia sebenar akan dilakukan. Dengan itu, upacara pengkebumian *salong* pun selesai. Upacara yang sama akan dilakukan untuk upacara pengkebumian kedua yang kedua jika menggunakan *salong* yang sama.

#### 4.11.1 Salong di Punan Bah

Terdapat dua buah *salong* di tanah perkuburan Punan Bah. Sebuah *salong* bertiang satu, tetapi telah rosak kerana patah. Manakala sebuah lagi masih berada dalam keadaan yang baik dan kukuh.



Gambar 57: *Salong* bertiang dua yang masih kukuh di tanah perkuburan Punan Bah.



Gambar 58: Pandangan dari bahagian bawah *salong*



Gambar 59 dan 60: Pandangan dari bahagian tepi *salong*

#### **4.12 Proses Pembinaan Tapak Pengkebumian: Di Atas Tanah<sup>xxxvi</sup>**

Upacara pengkebumian di atas dan di dalam tanah merupakan adat pengkebumian yang dilakukan terhadap orang kebanyakan masyarakat Punan. Adat ini diamalkan sejak dahulu hingga kini dan ahli keluarga mendiang akan menentukan sama ada mendiang dikebumikan di atas atau di dalam tanah. Dahulu, penentuan jenis pengkebumian dilakukan semasa hendak melakukan upacara pengkebumian kedua. Namun demikian, pada masa ini keputusan dibuat semasa upacara pengkebumian pertama kerana adat pengkebumian kedua tidak lagi diamalkan.

Upacara-upacara kematian sama seperti yang telah dijelaskan dalam tajuk adat kematian. Untuk itu, adat pengkebumian di atas tanah, boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

- i. diletakkan di atas tanah sepenuhnya dan
- ii. dimasukkan sebahagian di dalam tanah.

Bagi pengkebumian yang diletakkan di atas tanah, keranda akan diletakkan di atas tanah sementara bahagian dinding atau tepi keranda akan disimen. Bahagian struktur simen akan dipasang terlebih dahulu sebelum upacara pengkebumian bermula. Pada hari pengkebumian, penduduk akan terus menyimpan keranda ke dalam tapak yang telah disediakan dan menutup bahagian yang terbuka.

Selain itu, ada keranda yang akan dimasukkan dari bahagian hadapan struktur simen. Semasa kerja-kerja membuat struktur simen, bahagian atas atau tepi struktur simen tidak akan ditutup sesuai dengan saiz keranda yang hendak disimpan. Semasa upacara pengkebumian, keranda tersebut akan disimpan dari atas atau ditolak masuk ke dalam struktur tersebut. Setelah keranda dimasukkan, bahagian tersebut akan ditutup dengan simen dan barang-barang yang dibawa akan diletakkan di dalam atau digantung di atas kubur mendiang.

Seterusnya, untuk adat pengkebumian yang dimasukkan sebahagian di dalam tanah, tapak yang telah dipilih akan digali dengan kedalaman kira-kira satu kaki atau lebih bergantung kepada saiz keranda. Untuk itu, hanya sebahagian daripada keranda yang akan dimasukkan di dalam tanah manakala selebihnya akan berada pada permukaan tanah. Kemudian, bahagian atas dan tepi keranda akan ditutup dengan simen. Kebanyakkan pondok akan dibina untuk setiap kubur tetapi terdapat juga kubur yang tidak berpondok atau terdedah sepenuhnya.



Gambar 61: Upacara pengkebumian mendiang Jinok Jamu yang meninggal dunia pada 30 Jun 2016

*Sumber:* Suzy Maek (2017) (ahli keluarga mendiang)



Gambar 62: Kubur besar milik mendiang Jalin Sidi seorang tentera darat yang meninggal dunia pada 15 Oktober 2010. Ibu mendiang melawat kubur anaknya setiap musim perayaan *Bungan* untuk membersihkan kubur dan menghantar makanan kepada semangat mendiang.



Gambar 63: Kubur di atas tanah milik mendiang Belulok Alau yang meninggal dunia pada 1 Mac 1992.



Gambar 64: Kubur bertanda *sengayuh* (kiri) milik mendiang Kanun Belulok yang meninggal dunia pada 14 Mac 2011.



Gambar 65: Kubur milik mendiang Joshua Joseph yang meninggal dunia pada 4 Mei 2008.



Gambar 66: Kubur milik mendiang Den Awang (kanan) dan mendiang Samei (kiri) tanah  
(tempat lelaki baju putih berdiri) berdasarkan nama di atas kubur.



Gambar 67: Kubur milik mendiang Peligi Maling yang telah meninggal dunia pada 19  
Februari 2007. Ahli keluarga mendiang datang membersihkan kubur dan  
menghantar makanan kepada semangat mendiang.



Gambar 68: Ahli keluarga mengemas dan menyusun makanan untuk semangat mendiang.



Gambar 69: Sebuah kubur lama dengan bentuk perahu pada atas kubur.

#### **4.13 Proses Pembinaan Tapak Pengkebumian: Di Dalam Tanah<sup>xxxvii</sup>**

Seterusnya bagi pengkebumian di dalam tanah, tanah akan digali di tapak yang telah dipilih dengan kedalaman lebih kurang empat hingga enam kaki. Kedalaman, panjang dan lebar tanah bergantung kepada saiz keranda yang digunakan. Semasa upacara pengkebumian keranda akan dimasukkan di dalam tanah sementara bahagian permukaan kubur akan ditutup dengan simen. Selain itu, ada juga kubur yang tidak ditutup dengan simen tetapi ditutup dengan tanah sahaja. Pengkebumian di dalam tanah adalah lebih mudah dikendalikan berbanding dengan di atas tanah kerana masa yang lebih singkat dengan kelengkapan yang lebih ringkas diperlukan. Barang-barang dan keperluan yang dibawa akan diletakkan di atas kubur serta digantung pada pondok kubur. Apabila upacara pengkebumian selesai, penduduk akan kembali ke rumah mengikut tatacara yang sama dengan adat pengkebumian yang lain.

Di bawah merupakan gambar kubur di dalam tanah yang terdapat di Punan Bah pada tahun 2014.



Gambar 70: Kubur bertanda *sengayuh* tanpa pondok.



Gambar 71: Kubur tidak berpondok milik mendiang Tosing Sawing yang meninggal pada

5 Januari 2014



Gambar 72: Dua buah kubur lama di dalam tanah tanpa pondok dengan permukaan yang disimen tebal daripada permukaan tanah.

#### 4.14 Persekutaran Kubur Punan Bah<sup>xxxviii</sup>



Gambar 73: Tiga buah kubur yang berdekatan dan serupa menandakan pemilik-pemilik kubur tersebut adalah ahli keluarga.



Gambar 74: Kawasan kubur yang penuh dengan tumbuhan liar. Kubur yang beratapkan kepingan kayu belian dan berukir pada bahagian tepi merupakan kubur lama kerana kebanyakan kubur baru pada masa ini menggunakan atap zink.



Gambar 75: Dua buah kubur yang ditempatkan di bawah satu pondok.



Gambar 761: Bumbung pondok kubur yang dipenuhi akar sehingga merosakkan bumbung kayu belian tetapi telah dilapis dengan bumbung zink.

#### **4.15 Rumusan**

Ciri-ciri budaya, gaya hidup dan adat pengkebumian yang diamalkan oleh Punan Bah sejak zaman tradisional hingga kini telah dijelaskan secara terperinci. Untuk itu, pembangunan dan perkembangan yang berterusan ternyata banyak mengubah kehidupan penduduk sama ada dari segi ekonomi, politik dan sosial. Ianya memberi kesan positif kepada sebahagian Punan Bah kerana telah meningkatkan kualiti hidup penduduk. Namun memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan juga penduduk yang bergantung kepada sumber alam sebagai sumber pendapatan.

Dari segi adat kematian dan pengkebumian pula, setiap upacara dikendalikan penuh dengan adat istiadat dan teliti. Terutamanya semasa melakukan kerja-kerja teknikal seperti membuat *salong* dan *kelirieng* untuk mengelakkan perkara yang tidak diingi daripada berlaku. Begitu juga semasa berkata-kata semasa upacara *pasetou* menyusun dan memahami setiap kata sebelum diucapkan adalah satu keutamaan demi menjaga kebajikan penduduk dan keselamatan semangat.

Semangat kerjasama yang tinggi turut teserlah dalam kalangan semua penduduk Punan Bah semasa menyempurnakan adat kematian dan adat pengkebumian. Walaupun tidak mewarisi kepercayaan tradisional atau *pesavik*, Punan Bah pada masa ini masih mewarisi pandangan hidup nenek moyang mereka terhadap alam iaitu berdasarkan penggunaan *sengayuh* dan ukiran burung kenyalang di kubur. Pertembungan budaya telah mempengaruhi pandangan penduduk terhadap alam kematian iaitu apabila ada yang melawat kubur semasa perayaan *Bungan*. Akhir sekali, semoga monumen dan bentuk-bentuk kebudayaan pada kubur yang melambangkan kekayaan budaya dan nilai Punan Bah terus dijaga agar khazanah yang sedia ada dapat diwariskan kepada generasi yang seterusnya.

## BAB 5: POLA PERUBAHAN ADAT

### 5.1 Pengenalan

Bentuk-bentuk dan empat adat pengkebumian Punan Bah telah pun dibincangkan secara terperinci dalam bab empat. Walaupun empat adat tersebut pernah dilakukan dalam satu jangka yang sama namun adat ini telah berubah apabila ada bahagian adat yang tidak lagi diamalkan sepenuhnya, sementara ada bahagian adat yang sekadar diubah dan disesuaikan dengan budaya semasa. Untuk itu, perbincangan akan dimulakan dengan pola yang mempengaruhi perubahan sosio-budaya Punan Bah secara holistik. Fenomena tersebut difahami dengan meneliti sejarah dasar pemerintah Punan Bah secara khusus dan dasar pemerintah di Sarawak secara umum, bermula daripada dasar pemerintahan beraja kerajaan Brunei sehingga selepas pembentukan Malaysia.

Perbincangan dibuat berpandukan teori konflik Ralf Dahrendorf (1929-2009) yang menekankan empat elemen sebagai tunggak kepada konflik yang dihadapi oleh masyarakat. Elemen yang pertama menerangkan semua masyarakat tanpa mengira tempat akan mengikut sahaja proses perubahan dan perubahan yang berlaku. Pada masa yang sama wujud jurang atau perbezaan sosial antara kumpulan atau individu dan setiap perkara dalam masyarakat merupakan pendorong kepada perpecahan sosial dan perubahan yang berlaku.

Dalam pada itu, Dahrendorf menegaskan peranan pihak berkuasa yang menggunakan kuasa terhadap golongan diperintah merupakan teras teori konflik yang membentuk konflik dalam masyarakat. Keputusan yang dibuat berdasarkan konflik yang dihadapi akan membentuk keseimbangan budaya sesuai dengan keperluan masa ini. Perbincangan ini akhirnya membentuk sebuah proses sintesis yang menerangkan keseluruhan permasalahan dan pola perubahan adat pengkebumian Punan Bah.

## **5.2 Sistem Pemerintahan Beraja Punan Bah**

Sistem politik tradisional Punan Bah merupakan sistem pemerintahan beraja yang telah membentuk tiga kelas sosial yang utama yang secara tidak langsung telah membentuk empat adat pengkebumian. Raja Punan Bah mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat kerana raja bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan dan keselamatan hamba dan rakyatnya. Kebajikan dan keselamatan merupakan satu keutamaan masyarakat dahulu kerana penduduk dahulu mempunyai banyak musuh. Mereka bukan sahaja diancam pemburu kepala dari masyarakat lain seperti Iban bahkan kumpulan Punan Bah daripada kumpulan yang berbeza juga pernah saling bermusuhan antara satu sama lain. Tidak persefahaman menyebabkan berlakunya pergaduhan antara kumpulan sehingga menyebabkan pertumpahan darah.

Walaupun demikian, permusuhan antara kumpulan kaum Punan dapat diselesaikan dengan sebuah perjanjian antara raja-raja dan rakyat Punan Bah itu sendiri. Perjanjian ‘berdarah’ telah dibuat iaitu mengorbankan seekor anjing di tempat perjanjian sebagai tanda tidak ada lagi pergaduhan antara kumpulan-kumpulan Punan Bah. Setelah itu, Punan Bah tidak lagi bergaduh antara satu sama lain dan anjing menjadi penanda keamanan antara kumpulan Punan Bah. Peristiwa tersebut menyebabkan Punan Bah tidak boleh membunuh anjing.

Selain itu, aktiviti pemburuan kepala di kepulauan Borneo juga menjadi ancaman kepada semua etnik lebih-lebih lagi etnik minoriti seperti Punan Bah. Sudah menjadi satu kelaziman apabila kumpulan majoriti akan lebih ditakuti oleh kumpulan minoriti dalam aktiviti pemburuan kepala. Keadaan ini menuntut seorang raja untuk membuat keputusan yang bijak agar dapat membentuk satu formasi yang kuat untuk berhadapan dengan musuh. Kajian Lingka (1998) menjelaskan Punan Bah pernah terlibat dengan aktiviti pemburuan kepala bergabung dengan masyarakat Kayan, Kenyah dan Sekapan untuk berhadapan dengan kumpulan yang lebih kuat.

Penjelasan Lingka menunjukkan raja dan pemimpin-pemimpin Punan Bah, membuat keputusan yang bijak dalam berhadapan dengan musuh dan ancaman lain. Keputusan untuk membentuk kumpulan untuk berhadapan dengan kumpulan majoriti telah menunjukkan wujudnya hubungan yang baik antara kaum tersebut. Lazimnya, hubungan yang baik antara kaum dipelopori oleh raja atau ketua kaum masing-masing. Pada masa yang sama kepala juga boleh diperolehi melalui pemberian hadiah dan pertukaran barang sama ada antara kaum yang berbeza atau sama. Pemberian hadiah yang melibatkan kepala manusia lazimnya berlaku antara kumpulan yang mempunyai hubungan politik. Ini juga menunjukkan wujudnya muafakat antara kaum berbeza lebih-lebih lagi di kawasan Belaga yang menempatkan banyak kaum di Sarawak.

Raja yang bertanggungjawab pasti mendapat junjungan daripada rakyatnya. Punan Bah bukan sahaja menghormati raja mereka ketika beliau masih hidup bahkan, seorang raja tetap dihormati dan dipandang tinggi walaupun telah meninggal dunia. Dalam kebudayaan Punan Bah, penghormatan kepada raja yang telah meninggal dunia jelas berdasarkan adat pengkebumian *kelirieng* yang mereka amalkan. Adat pengkebumian *kelirieng* bukan sahaja mengambil masa yang lama untuk disempurnakan bahkan memerlukan tenaga yang ramai untuk disiapkan. Walaupun raja mempunyai hamba yang menjadi tulang belakang dalam banyak pekerjaan tetapi rakyat juga memainkan peranan yang lebih penting dalam upacara pengkebumian *kelirieng* seperti sebagai tukang ukir dan ketua upacara adat.

Bermula daripada adat menjaga mayat di rumah, adat berkabung, adat pengkebumian pertama dan adat mendirikan *kelirieng*, raja Punan Bah mendapat pengiktirafan dan penghormatan yang tinggi daripada rakyat. Tanpa rasa hormat dan setia, adat kematian seperti tersebut tidak dapat untuk dilaksanakan. Hal ini disebabkan sepanjang tempoh mayat berada di rumah dan sepanjang tempoh berkabung semua penduduk tidak boleh melakukan banyak pekerjaan lebih-lebih lagi pekerjaan di luar

rumah seperti di kawasan pertanian. Hal ini menyebabkan rakyat perlu bergantung dan berkongsi kepada sumber yang terhad. Tindakan tersebut bukan sahaja untuk memenuhi adat bahkan tanda hormat kepada raja.

Dalam pada itu, Punan Bah tidak memberi kenyataan atau sebab musabab yang jelas terhadap terhentinya adat pengkebumian *kelirieng*. Mereka hanya menjelaskan ‘sudah lama tidak diamalkan’ atau ‘sudah lama ditinggalkan’. Kenyataan seperti itu tidak dapat menerangkan punca sebenar adat ini ditinggalkan kerana keturunan diraja Punan Bah masih di Punan Bah dan masih menjadi ketua mereka. Namun demikian, istilah yang digunakan pada hari ini bukan raja tetapi *tuai rumah* atau ‘ketua rumah’ yang mewakili kesemua penduduk di kampung tersebut. Tanggungjawab beliau masih sama dengan raja Punan Bah dahulu iaitu bertanggungjawab untuk menguruskan pentadbiran dan hal ehwal penduduk sesuai dengan sistem pentadbiran moden seperti yang telah ditetapkan oleh pentadbiran kerajaan negeri.

Daripada pendapat yang dikemukakan oleh penduduk terhadap terhentinya adat pengkebumian *kelirieng* telah membentuk sebuah hipotesis yang penting iaitu sama ada pandangan masyarakat terhadap sistem politik tradisional berubah apabila peranan pemerintah atau raja berubah dalam kehidupan mereka. Perkara ini berlaku apabila sistem kebudayaan Punan Bah mula menerima perubahan dengan campur tangan orang luar dalam sistem politik dan sistem sosial masyarakat. Perubahan yang berlaku bukan sahaja dalam kebudayaan Punan Bah, bahkan berlaku terhadap semua kebudayaan di kepulauan Borneo. Perubahan besar telah berlaku apabila Sarawak diserahkan oleh kerajaan Brunei kepada James Brooke. Oleh yang demikian, latar sejarah politik negeri Sarawak menjadi pengaruh besar terhadap perubahan adat pengkebumian yang berlaku dalam kebudayaan Punan Bah.

### **5.3 Dasar Pemerintahan Kerajaan Brunei**

Semasa Sarawak menjadi sebahagian daripada Brunei, kerajaan mengambil langkah tidak masuk campur urusan adat istiadat penduduk. Oleh itu, penduduk bebas mengamalkan adat resam masing-masing tanpa campur tangan pemerintah. Adat yang dimaksudkan termasuklah adat pemburuan kepala dan aktiviti perlanunan di perairan Sarawak. Namun demikain, dasar pemerintahan tersebut akhirnya menyebabkan keadaan di Sarawak menjadi tidak terkawal dan huru-hara. Aktiviti rompakkan di laut semakin meningkat. Buyong Adil (1981) menjelaskan peningkatan aktiviti lanun di perairan Sarawak merupakan tindak balas kerajaan tempatan terhadap kesan kedatangan orang barat yang menjaskan mereka.

Kedatangan orang barat ke tanah Asia Tenggara bukan sahaja memberi kesan kepada penduduk atau rakyat biasa sahaja. Bahkan, golongan pemerintah atau kerajaan tempatan lebih terkesan oleh kedatangan mereka kerena pemerintah tempatan bukan sahaja kehilangan kuasa bahkan sumber ekonomi dan kedudukan sosial mereka turut terjejas. Hal ini disebabkan tindakan orang barat yang merampas hak, kuasa dan hasil bumi penduduk dengan pelbagai cara sehingga menyebabkan kerugian dalam kalangan pemerintah tempatan. Perasaan tidak puas hati terhadap tindakan orang barat menyebabkan pemerintah tempatan mencari jalan untuk mendapatkan hak mereka kembali.

Keadaan yang sama turut dirasakan oleh pemerintah-pemerintah dalam kalangan orang besar Brunei yang menyebabkan mereka membuat keputusan untuk tidak melarang aktiviti lanun di perairan Sarawak. Buyong Adil (1981) menjelaskan dalam Kurun Masihi ke-19, pekerjaan “merompak” kapal dan perahu di laut dan mengambil harta benda dari kapal atau perahu yang dirompak itu, bukanlah dipandang sebagai satu perbuatan keji atau perbuatan jenayah. Apatah lagi sekiranya kapal atau perahu yang

dirompak itu kepunyaan orang barat. Tindakan merompak kapal dianggap sebagai tindak balas terhadap perbuatan orang barat yang telah menjajah kerajaan mereka.

Dalam pada itu, sikap para pembesar yang tidak jujur dengaan tidak menjalankan tanggungjawab dengan betul mendatangkan impak negatif kepada dasar pemerintah kerajaan Brunei. Mereka memerintah dengan sesuka hati dengan membebankan rakyat, untuk memenuhi kepentingan sendiri. Mullen (1981) mencatatkan sikap dan dasar pemerintahan seorang pembesar Brunei, yang bernama Pangeran Mahkota sebagai zalim. Dalam tahun 1839 Pangeran Mahkota merupakan seorang gabenor di Sarawak. Beliau seorang yang bijak namun bukan seorang pemerintah yang baik. Pangeran Mahkota dan pengikutnya telah merampas beras, ikan dan sarang burung dengan membayar harga yang rendah kepada penduduk tempatan, orang Melayu dan Dayak Darat. Dengan menggunakan kedudukan dan kuasa yang ada, mereka mengambil dan mencuri harta benda penduduk dengan sesuka hati.

Selain itu, penduduk turut dikerah untuk menjual hasil ekonomi seperti hasil pertanian mereka kepada pemerintah dengan harga yang sangat rendah atau tidak sepatutnya. Tindakan tersebut memberi keuntungan kepada pemerintah dan secara terang telah merugikan rakyat. Pada masa yang sama, pembesar Brunei yang bertanggungjawab menjalankan pemerintahan di Saarawak tmidak menghantar sebarang hasil pendapatan kepada Sultan di Brunei. Semua hasil negeri di bawah tanggungjawab para pembesar digunakan oleh mereka dengan sewenang-wenangnya tanpa memberikan sebarang hasil negeri kepada kerajaan pusat di Brunei.

Oleh yang demikian kedatangan orang barat ke tanah asia khususnya di Sarawak mendatangkan impak negatif kepada pemerintah tempatan. Mullen (1967) menjelaskan jumlah penduduk yang menjadi lanun dan merompak di laut semakin meningkat. Aktiviti perhambaan turut bertambah apabila terdapat pihak yang menjadi pembeli dan penjual hamba, termasuk di Brunei sendiri. Suasana di Sarawak menjadi lebih kucir kacir apabila

berlakunya pergaduhan antara kumpulan-kumpulan yang saling menentang antara satu sama lain. Mereka merompak harta benda dan memburu untuk mendapatkan kepala musuh.

Dalam pada itu, pemerintah Brunei membenarkan penduduk khususnya orang Melayu menjadi perompak laut atau lanun. Manakala masyarakat Iban yang terkenal sebagai pemburu kepala dibenarkan untuk memburu masyarakat Melayu dan Dayak Darat yang sebelumnya hidup aman dan damai. Dengan peningkatan aktiviti perlanunan dan pemburuan kepala secara tidak langsung menjadi penyumbang kepada peningkatan aktiviti perhambaan di Sarawak kerana pihak musuh bukan sahaja membunuh untuk mendapatkan kepala bahkan menangkap manusia untuk dijual.

Kewujudan pembeli hamba secara tidak langsung menyebabkan aktiviti memburu manusia bertambah. Ini kerana, aktiviti menangkap manusia dapat menjadi sumber pendapatan penduduk. Untuk itu, kumpulan yang kuat akan memburu, merompak dan menangkap kumpulan kecil yang lemah. Catatan Mullen (1967) menjelaskan hamba bukan sahaja dijual di Borneo bahkan, turut dijual ke Philipine. Pendirian kerajaan Brunei menjadi makin tercemar apabila Putera Brunei turut terlibat dengan aktiviti merompak. Hal ini dicatatkan oleh Mullen, dengan merujuk kepada catatan buku yang ada pada waktu tersebut Mullen menjelaskan Putera Brunei merompak kumpulan Dayak Darat yang turut dikenali sebagai Bidayuh dan juga merompak suku-suku lain yang lemah di pedalaman. Keadaan rompakkan yang tidak terkawal menyebabkan kumpulan kecil menyelamatkan diri dengan lari ke kawasan pergunungan.

Penjelasan tersebut boleh menerangkan situasi perpecahan suku berdasarkan kedudukan geografi yang ada pada masa ini. Kebanyakkan etnik minoriti Bumiputra tinggal bertaburan di kawasan pedalaman yang terletak jauh di hulu-hulu sungai di seluruh Sarawak. Aktiviti merompak di kawasan pedalaman menjadi semakin tidak terkawal kerana sultan tidak mempunyai pengaruh dan tidak dapat memerintah di

kawasan tersebut. Sultan hanya berkuasa dan memerintah penduduk yang tinggal di kawasan laut dan di sungai-sungai besar. Suku-suku yang tinggal di pedalaman bermusuhan dengan jiran-jiran mereka dan sering diburu oleh kumpulan lain untuk mendapatkan kepala. Ini menyebabkan kumpulan yang kuat bermaharajalela menyerang, memburu dan merompak harta benda kumpulan kecil di pedalaman kerana Sultan tidak mempunyai kuasa untuk mengambil sebarang tindakan.

Pelbagai perkara yang mempengaruhi corak pemerintah kerajaan Brunei seperti sikap pembesar Brunei yang tidak jujur dan mementingkan diri; aktiviti memburu manusia untuk mendapatkan kepala serta menangkap manusia untuk dijual sebagai hamba yang tidak terkawal; peningkatan aktiviti perlanunan; pergaduhan antara suku dengan suku atau pergaduhan antara kumpulan yang tidak dikawal; kegiatan merompak yang berleluasa; dan tindakan pemerintah mengambil kesempatan terhadap rakyat akhirnya menimbulkan keadaan yang kucar kacir di Sarawak sama ada di pekan maupun di pedalaman. Keadaan ini menyebabkan keamanan menjadi perkara yang mustahil untuk dilaksanakan semasa Sarawak ditadbir kerajaan Brunei.

Dasar pemerintah yang kejam akhirnya menyebabkan rakyat marah dan memberontak menentang kerajaan dengan membuat kekacauan. Pemberontakan di Sarawak diketuai oleh Datu Patinggi Ali yang melibatkan kumpulan kaum Cina, Bidayuh dan Melayu. Apabila pemberontakan menjadi tidak terkawal, Sultan Brunei mengutus Pangeran Muda Hashim selaku seorang pembesar dan juga ketua pembesar untuk menamatkan pemberontakkan tetapi tidak berjaya. Dengan itu, beliau minta bantuan daripada kuasa luar iaitu James Brooke untuk menamatkan kekecohan di Sarawak. Buyong Adil (1981) menjelaskan James Brooke dan Pangeran Muda Hashim mula bersahabat baik setelah James Brooke ditugaskan oleh Gabenor dan ahli Dewan Perniagaan Singapura untuk membawa hadiah beserta dengan surat ucapan terima kasih

kepada Pengeran Muda Hashim kerana telah menyelamatkan kelasi kapal Inggeris yang karam di perairan Sarawak pada awal tahun 1839.

#### **5.4 Penyerahan Sarawak kepada Rajah Brooke**

Penyerahan Sarawak kepada James Brooke bertumbuh daripada perjanjian antara James Brooke dengan Pangeran Muda Hashim. Pangeran Muda Hashim berjanji akan menyerahkan Seniawan dan Sarawak (Kuching) kepada James Brooke serta memberi gelaran “Raja Sarawak” kepada beliau sekiranya berjaya menghentikan keadaan huru-hara di Sarawak pada waktu tersebut. Huru-hara berlaku disebabkan pertempuran antara pengikut-pengikut Datu Patinggi Ali yang terdiri daripada orang Cina, Melayu dan orang Bidayuh dengan pengikut Pangeran Muda Hashim yang terdiri daripada orang Melayu, Cina dan orang Dayak. Untuk itu, pada 20 Disember 1840, pasukan Pangeran Muda Hashim yang telah bersatu dengan pasukan James Brooke dapat menewaskan kumpulan Datu Patinggi Ali.

Setelah pertempuran tersebut, Pangeran Matusin (Muhammad Hussain) bersama dengan beberapa orang Melayu, Cina dan Bidayuh dari kumpulan Datu Petinggi Ali datang menemui James Brooke. Mereka mengaku kalah dan hendak berdamai serta mendapat persetujuan James Brooke. Pada masa yang sama, ketua-ketua masyarakat Melayu, Cina dan Bidayuh meminta supaya Pangeran Muda Hashim mengangkat James Brooke menjadi “Raja Sarawak” atau “Rajah Sarawak”. Walaupun demikian, Pangeran Muda Hashim tidak berbuat demikian seperti yang dijanjikan malah merasa curiga akan hubungan baik James Brooke dengan kumpulan Datu Petinggi Ali.

Dalam pada itu, Pangeran Mahkota sebagai individu kedua yang menjadi ketua para pembesar Brunei khuatir kedudukannya terancam disebabkan kehadiran James Brooke. Dengan persetujuan Pangeran Muda Hashim, dalam penulisan Buyong Adil (1981),

Pangeran Mahkota merancang untuk menyusahkan James Brooke supaya beliau keluar dari Sarawak. Beliau telah menghantar seramai 2,500 orang Iban yang bengis dan jahat dari Sungai Sekrang (Skrang) ke Kuching untuk membuat kacau serta membunuh orang Melayu, Cina dan orang Bidayuh yang menyebelahi James Brooke dan Datu Petinggi Ali. Usaha Pangeran Mahkota gagal apabila James Brooke membawa askar beliau dari kapal *Royalist* dan *Swift* yang lengkap dengan senjata perang seperti senapang dan meriam untuk melawan kumpulan orang Iban tersebut.

Kegagalan tersebut menyebabkan Putera Mahkota cuba meracun seorang juru bahasa James Brooke tetapi gagal. Kejadian tersebut menyebabkan James Brooke membawa kapal *Royalist* ke Sungai Sarawak berhampiran dengan istana Pangeran Muda Hashim serta menghalau semua meriam yang terdapat di dalam kapal tersebut ke arah istana Pangeran Muda Hasim. James Brooke mendesak Pangeran Muda Hashim menghalau Pangeran Mahkota supaya keluar daripada Sarawak. Jika tidak, James Brooke akan menyerang Pangeran Mahkota dan menghalau beliau keluar dari Sarawak. James Brooke turut mendesak Pangeran Muda Hashim untuk mengotakan janji melantik beliau menjadi “Raja Sarawak”.

Tindakan James Brooke, menyebabkan Pangeran Mahkota telah dipecat daripada jawatannya sebagai ketua para pembesar tetapi beliau masih tidak meninggalkan Sarawak. Keadaan tersebut, menyebabkan Pangeran Muda Hashim mengumumkan satu perhimpunan besar akan diadakan di sebuah tanah lapang di bandar Kuching dengan menjemput seluruh penduduk Sarawak. Seperti yang telah dirancang pada 24 September 1841, James Brooke telah diisyiharkan sebagai Gabenor Sarawak dengan gelaran “Raja Sarawak” oleh Pangeran Muda Hashim. Perlantikan tersebut disambut dengan sukacita oleh semua yang menyebelahi beliau dan pengikut Datu Petinggi Ali. Dengan itu, berakhirlah pemerintahan Pangeran Mahkota yang dianggap zalim oleh penduduk Sarawak.

#### **5.4.1 Dasar Pemerintahan Rajah Brooke I, James Brooke**

Pada awal tahun 1842, setelah diisytiharkan sebagai Raja Sarawak James Brooke mewujudkan undang-undang baru yang harus dipatuhi oleh semua penduduk yang berada di bawah kuasa beliau. Mullen meringkaskan undang-undang baru Rajah Brooke seperti berikut:

*“Rajah Brooke’s new laws promised that people would be free to trade, travel, and work where they wished. He knew that Sarawak would have to develop trade in order to grow. Therefore, Rajah Brooke said that he would try to do three important things to make it safe for people to work and trade anywhere in Sarawak. There promises were to stop piracy, to stop headhunting, and to give good government which would protect the people”* (Mullen 1967, p.41).

James Brooke bertekad untuk menghapuskan kegiatan-kegiatan yang didapati bercanggah dengan sifat kemanusiaan dan tamadun manusia berdasarkan kaca mata barat pada waktu tersebut. Hal ini disebabkan jika dilihat dari sudut pandangan pemilik budaya, aktiviti pemburuan kepala merupakan satu aktiviti yang dipandang begitu gah bahkan mempunyai kepentingan dari segi spiritual. Walaupun demikian, bagi orang barat perbuatan tersebut adalah satu jenayah yang bertentangan dengan sifat kemanusiaan. Dengan itu, James Brooke mewujudkan undang-undang untuk mengawal jenayah serta sebagai garis panduan untuk menjatuhkan hukuman kepada pesalah.

Buyong Adil (1981), menyenaraikan lapan undang-undang baru yang digubal oleh James Brooke dan usaha untuk menghapuskan aktiviti pemburuan kepala tercatat dalam undang-undang nombor satu seperti di bawah:

“Bahawa orang yang membunuh, menyamun dan melakukan lain-lain kesalahan jenayah yang berat, akan dihukum mengikut undang-undang; orang yang melakukan kesalahan seperti itu, setelah dibicarakan dan didapati buktinya betul bersalah, tidak akan lepas dari hukuman” (Buyong Adil 1981, p.23).

Sejajar dengan adanya undang-undang baru, James Brooke turut menubuhkan sebuah mahkamah pengadilan yang diketuai oleh beliau sendiri.

Pada tahun 1841, kebanyakkan kawasan di Sarawak seperti yang ada pada ini masih di bawah kuasa kerajaan Brunei. Keadaan tersebut menyebabkan pada 14 Julai 1842 James Brooke berangkat ke Brunei untuk berunding dan mendapatkan pengesahan daripada Sultan Brunei iaitu Sultan Umar Ali Saifuddin II. Catatan Buyong Adil (1981 p.27) menjelaskan, hasil daripada pertemuan itu, pada 1 Ogos 1842 telah termeterai perjanjian antara Sultan Brunei dengan James Brooke iaitu Sarawak dan hasil cukai negeri diserahkan kepada James Brooke. Untuk itu, James Brooke harus membayar sebanyak \$2,500 setiap tahun kepada Sultan Brunei. James Brooke juga tidak boleh menyerahkan Sarawak kepada orang lain tanpa persetujuan Sultan Brunei. Akhir sekali, James Brooke juga tidak boleh mengganggu agama dan adat istiadat penduduk Sarawak.

Seterusnya, pada awal tahun 1851 Sultan Brunei telah meminta James Brooke memungut cukai di tujuh buah sungai yang masih di bawah kuasa Sultan Brunei iaitu di Sungai Samarahan, Sungai Sadong, Sungai Lingga, Sungai Sekrang, Sungai Kerian, Sungai Saribas dan Sungai Batang Lutar. Sultan Brunei juga memberi kebenaran kepada James Brooke untuk mendirikan kota di Sekrang dan Kanowit. Sepanjang tempoh pemerintahan James Brooke selama 27 tahun di Sarawak, beliau membawa banyak perubahan kepada Sarawak. James Brooke meninggal dunia pada 11 Jun 1868 ketika berusia 65 tahun di kampung halamannya di Burrator, daerah Devonshire, England. Dengan itu, Mullen (1967 p.52), meringkaskan jasa James Brooke sebagai Rajah Sarawak yang pertama dengan mencatatkan, “*He had brought peace, good government, and freedom from piracy, headhunting, and slavery to most parts of Sarawak. Trade had increased greatly, and ships were sailing every week from Kuching to Singapore and other parts of the world*”. Sebelum James Brooke meninggal dunia, beliau telah melantik anak saudaranya untuk meneruskan pemerintahan di Sarawak iaitu Charles Brooke.

#### **5.4.2 Dasar Pemerintahan Rajah Brooke II, Charles Brooke**

Charles Brooke berkhidmat dan memerintah di Sarawak selama 65 tahun dari tahun 1868 hingga 1917. Dalam tempoh tersebut beliau berkhidmat selama 49 tahun sebagai Rajah dan 16 tahun sebagai Tuan Muda. Sepanjang pemerintahan Charles Brooke sebagai Rajah Sarawak yang kedua, beliau berhadapan dengan konflik dan situasi yang sama seperti Rajah yang pertama iaitu berhadapan dengan aktiviti perlanunian, pergaduhan antara kumpulan atau kaum dan aktiviti pemburuan kepala. Menghapuskan tiga perkara ini masih menjadi misi utama pemerintahan Charles Brooke dalam usaha mewujudkan keamanan di Sarawak.

Sepanjang tempoh Charles Brooke menjadi Rajah, kawasan negeri Sarawak semakin meluas apabila Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin menyerahkan semua kawasan dari Tanjung Datu sampai ke sempadan antara Samarahan dan Sungai Sadong kepada beliau dalam tahun 1846. Sementara kawasan lain masih menjadi wilayah serta diperintah Sultan Brunei. Namun demikian bermula daripada tempoh tersebut satu per satu wilayah Brunei mula diserahkan kepada Rajah Sarawak. Penyerahan kawasan-kawasan baru kepada Rajah Sarawak disebabkan kegagalan kerajaan Brunei mentadbir sehingga tidak dapat menamatkan konflik-konflik yang berlaku. Hal ini masih berpunca daripada dasar pemerintah di bawah Sultan Brunei yang tidak menjalankan tanggungjawab dengan betul. Mullen (1967, p.54) menjelaskan:

*“The rest of what is now Sarawak belonged to Brunei. It was governed by the Sultan Brunei. Under him were governors, pangirans, sheriffs, and other officers in different districts of the country. These men were interested in getting rich. They cared little for making a good government. They often robber the people, and they allowed piracy and headhunting to continue. The Sultan was generally too weak to force his governors to obey him or even to pay him their taxes regularly.”*

Keadaan tersebut menyebabkan kerajaan Brunei menjadi semakin lemah sehingga memerlukan bantuan Rajah Sarawak untuk menyelesaikan pelbagai masalah di kawasannya. Sikap pemerintah Brunei semasa Charles Brooke menjadi Rajah Sarawak

masih sama seperti kali pertama Sarawak diserahkan kepada James Brooke oleh Pangeran Muda Hashim dahulu.

Semasa James Brooke masih hidup, pada tahun 1853, kawasan Sarawak berkembang ke kawasan Batang Sadong, Batang Lumar, Saribas dan Sungai Krian. Kawasan tersebut diserahkan oleh Sultan Brunei kepada James Brooke apabila beliau bersama Charles Brooke berjaya menumpaskan aktiviti perlanunan di Batang Lumar dan di Saribas. Dalam tahun yang sama Buyong Adil (1983) menerangkan Sultan Abdul Mukmin yang menjadi Sultan Brunei dan menyuruh James Brooke membayar \$1,500 kepada Sultan Brunei setiap tahun bagi semua kawasan yang baru termasuk tujuh buah sungai yang diserahkan oleh almarhum Sultan Umar Ali Saiduddin II kepada James Brooke pada tahun 1851.

Lapan tahun berikutnya, tahun 1861 kawasan Sarawak berkembang ke Kidurung apabila James Brooke menghantar pasukannya untuk menumpaskan kumpulan lanun dan pemburu kepala di hulu Sungai Rajang. Sultan Brunei turut menyerahkan Mukah kepada James Brooke apabila pasukan beliau telah berlawan dengan Masahor (Sharif Mashhur) dalam bulan Ogos tahun tersebut. Kawasan yang diserahkan kepada James Brooke pada tahun tersebut merangkumi kawasan Sungai Rajang, Oya, Mukah, Tatau dan Kemenia sehingga ke Tanjung Kidurung. Untuk kawasan ini, Rajah Brooke diarahkan untuk membayar \$4,500 setiap tahun kepada Sultan Brunei. Pada tahun yang sama kerajaan Sarawak di bawah Rajah Brooke memperkuuh dan meluaskan kuasa dengan berbaik dengan kumpulan yang tinggal di hulu Sungai Rajang seperti masyarakat Kayan, Kenyah dan Iban.

Apabila Charles Brooke menjadi Rajah Sarawak, beliau meneruskan usaha James Brooke untuk membawa keamanan dan meluaskan kawasan sempadan negeri Sarawak. Pada tahun 1883, sempadan Sarawak berkembang dari Tanjung Kidurung sehingga ke Sungai Baram. Kawasan ini merangkumi Similajau, Suai, Niah, Sibuti dan Sungai

Baram. Penyerahan kawasan tersebut kepada Rajah Brooke disebabkan kegagalan kerajaan Brunei memerintah dengan baik sehingga menyebabkan masyarakat Kayan memberontak. Mereka tidak mahu membayar sebarang cukai kepada kerajaan Brunei. Pada tahun 1885, Mullen (1967) menerangkan pemberontakkan berlaku di Sungai Terusan menyebabkan kematian seramai 20 orang penduduk. Untuk itu, Sultan Brunei menyerahkan Sungai Terusan kepada Rajah Brooke tanpa mengenakan sebarang cukai. Penyerahan Sungai Terusan menjadikan keseluruhan kawasan Baram menjadi milik Rajah Brooke di bawah pentadbiran negeri Sarawak.

Lima tahun kemudian, tahun 1890 berlaku pemberontakkan dalam kalangan ketua-ketua masyarakat dan penduduk di Limbang melawan pemerintah Brunei kerana mereka dikenakan cukai yang tinggi oleh kerajaan. Mereka membunuh pegawai kerajaan Brunei serta bercadang hendak menyerang Brunei. Ketua penduduk di Limbang menawarkan Limbang kepada Charles Brooke. Mereka juga mengibarkan bendera Sarawak di sekitar bandar Limbang. Setelah perbincangan antara Charles Brooke dengan Sultan Brunei iaitu Sultan Hassim dibuat, Limbang pun diserahkan kepada Charles Brooke dan beliau Brooke perlu membayar \$6000 setiap tahun kepada Sultan Brunei.

Dalam pada itu, sehingga tahun 1900 kerajaan Sarawak di bawah pentadbiran Rajah Brooke dengan Borneo Utara (sekarang Sabah) di bawah pentadbiran Syarikat Borneo Utara masih tidak bersetuju dengan sempadan antara kedua-dua buah negeri. Ini disebabkan isu tentang sempadan antara dua negeri belum pernah dibincangkan dengan jelas antara pemerintah. Lawas merupakan perantaraan Borneo Utara dengan Sarawak dan sepanjang 20 tahun Lawas merupakan kawasan Borneo Utara. Pada waktu tersebut, Lawas mempunyai jumlah penduduk yang sedikit dan mereka sama dengan kumpulan yang tinggal di Sungai Terusan dalam Sarawak. Oleh sebab tersebut, pada tahun 1905 kerajaan Sarawak membeli Lawas daripada Syarikat Borneo Utara dan menjadi kawasan Sarawak.

Mullen (1967) menerangkan apabila Lawas menjadi kawasan Sarawak pada tahun 1905, ramai yang hendak Brunei ikut masuk ke dalam Sarawak. Hal tersebut turut dipersetujui oleh Sultan dan rakyatnya kerana kerajaan Brunei pada waktu tersebut begitu lemah dan miskin. Walaupun begitu, kerajaan British tidak bersetuju dengan usul tersebut tetapi berjanji untuk melindungi Brunei dan Sarawak. Kerajaan British tidak mahu kerajaan Brunei lenyap atau hilang sepenuhnya. Bermula daripada tahun 1905, sempadan antara Brunei, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) tidak berubah. Manakala sempadan antara Sarawak dengan *Dutch Borneo* (Kalimantan Indonesia) telah diputuskan dalam mesyuarat antara Kerajaan British dengan Kerajaan Belanda (Holand) pada tahun 1891.

Sepanjang tempoh menjadi Rajah, Charles Brook membawa banyak perubahan sama ada dari segi pembangunan, perkembangan ekonomi, menghapuskan aktiviti pemburuan kepala, membanteras pemberontak dan berkembangnya misi Kristianisasi di Sarawak. Mullen (1967, p.64) mencatatkan:

*“Under Sir Charles Brooke there had been great development in Sarawak. Sarawak began to export coal, antimony, gold, oil, sago, pepper, gambier, timber, and rubber in large quantities. Imports as well as exports were greatly increased. The yearly income of government money had increased more than fourteen times in Rajah Charles Brooke’s lifetime. After the great fire of 1884 Kuching was laid out properly with good government buildings, missions, schools, playgrounds and race course, general hospital, court house, printing office and museum.”*

Charles Brooke meninggal dunia pada tahun 1917 di England ketika berusia 88 tahun dan anak beliau Charles Vyner Brooke menjadi pewaris sebagai Rajah Sarawak yang ketiga.

#### **5.4.3 Dasar Pemerintahan Rajah III, Charles Vyner Brooke**

Sama seperti Rajah pertama dan kedua, Charles Vyner Brooke masih meneruskan usaha untuk menghentikan aktiviti pemburuan kepala di Sarawak. Aktiviti tersebut penting untuk dihentikan supaya keamanan di Sarawak dapat diwujudkan secara menyeluruh. Misi menamatkan aktiviti pemburuan kepala dan permusuhan antara kaum di Sarawak diteruskan ke petempatan di hulu-hulu sungai dan di pedalaman. Hal ini penting kerana kebanyakkan masyarakat yang berbilang kaum tinggal di kawasan pedalaman saling bermusuhan antara satu sama lain.

Pada tahun 1920, kerajaan Sarawak mengadakan mesyuarat besar-besaran di Simanggang antara orang Iban dari Ulu Ai dan Engkari dengan orang Iban dari Skrang, Layar dan Lemanak. Di Lemanak, dua kumpulan orang Iban ini saling bertukar barang-barang berharga seperti *tajau* dan khinzir dibunuh sebagai tanda berdamai. Diikuti dengan tahun 1924, kerajaan Sarawak bersama kerajaan *Dutch Borneo* mengadakan pertemuan dengan masyarakat Iban, Kayan dan Kenyah dari Kapit dan dari Indonesia di Kapit bertempat di Sungai Rajang. Semua kumpulan bersetuju untuk berdamai dan tidak lagi berperang untuk sebarang tujuan. Upacara bersejarah tersebut disaksikan sendiri oleh Rajah Brooke dan orang kerajaan *Dutch Borneo*.

Keamanan di Sarawak belum kukuh sepenuhnya kerana masih ada pihak yang menentang kerajaan. Pada tahun 1931, Penghulu Asun bersama pengikutnya menentang kerajaan di hulu Sungai Kanowit, Entabai dan Sungai Julau. Mereka telah membunuh dan mendapatkan beberapa kepala manusia. Tindakan tersebut mendorong Rajah Brooke menghantar satu pasukan polis ke hulu Sungai Kanowit untuk menangkap yang terlibat. Pasukan polis berjaya mengangkap Penghulu Asun dan ketua-ketua kumpulan lain di kawasan tersebut. Sejak daripada tahun 1931, perperangan antara kumpulan dan aktiviti pemburuan kepala sangat jarang berlaku sehingga ditinggalkan sepenuhnya oleh

semua penduduk. Daripada itu, penduduk bebas menjalankan aktiviti harian dengan selamat.

Secara menyeluruh, Rajah Vyner Brooke juga membawa banyak perubahan kepada Sarawak sama seperti Rajah pertama dan kedua. Keamanan menjadi faktor penting kepada pembangunan dan perkembangan ekonomi di Sarawak. Perniagaan getah, lada dan kayu balak telah meningkat membolehkan kerajaan menggunakan duit yang ada untuk membeli lebih banyak barang-barang keluaran kilang seperti radio, basikal, pakaian yang lebih baik dan enjin bot. Keadaan ekonomi yang baik membolehkan kerajaan menambah pendapatan dengan meningkatkan kadar cukai. Pendapatan yang ada kemudiannya digunakan untuk membina lebih banyak jalan raya, bangunan, hospital dan kemudahan pendidikan.

Keamanan membolehkan kerajaan memberi tumpuan kepada hal-hal pentadbiran serta membangunkan Sarawak dengan lebih baik. Untuk itu, dalam catatan Buyong Adil (1981) pada tahun 1937 jawatan Datu Petinggi telah diadakan semula oleh Rajah Vyner Brooke dan pada 29 April 1937 Abang Haji Abdillah diangkat sebagai Datu Petinggi. Pada 24 September 1941, Perlembagaan Sarawak untuk rakyat Sarawak telah pun dikeluarkan oleh Rajah dan pada 26 September 1941, kerajaan dan seluruh rakyat Sarawak terutamanya di Kuching berkumpul untuk meraikan sambutan 100 tahun pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak. Ramai ketua kaum dan wakil dari seluruh bahagian datang ke Kuching dan mengaku taat setia kepada Rajah Brooke. Sebagai tanda upacara, Datu Petinggi Abang Haji Abdillah menyerahkan Pedang Negeri kepada Rajah Sarawak.

## **5.5 Penjajahan Jepun**

Pada 8 Disember 1941 Jepun telah mengisytiharkan perang terhadap British, Amerika Syarikat dan sekutunya. Sebelum hari tersebut, kapal terbang Jepun telah pun kelihatan berlegar-legar di kawasan ruang udara di Kuching pada 7 Disember 1941. Sarawak berada di bawah perintah Jepun dari awal Disember 1941 sehingga bulan September 1945. Rakyat Sarawak berada dalam keadaan yang menderita sepanjang diperintah oleh Jepun sehingga Jepun menyerah kalah pada 11 September 1945. Setelah Jepun menyerah kalah, Sarawak berada di bawah perintah Pentadbiran Tentera British selama tujuh bulan.

## **5.6 Pembentukan Malaysia**

Selepas perperangan berakhir dalam tahun 1946, Rajah Vyner Brooke hendak menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British di England sekiranya mendapat persetujuan daripada rakyat Sarawak. Usul penyerahan Sarawak kepada kerajaan British mendapat persetujuan majoriti penduduk Sarawak. Hasil daripada persetujuan tersebut, tanggal 1 Julai 1946, Sarawak dengan rasminya menjadi sebuah jajahan kemahkotaan Diraja British atau *Crown Colony*. Penyerahan tersebut menjadi tanda berakhirnya pemerintahan keluarga Brooke selama 105 tahun di Sarawak dari tahun 1841 sehingga 1946. Sarawak ditadbir *Crown Colony* selama 17 tahun dan pada 16 September 1963, Sarawak menyertai Sabah, Singapura dan Tanah Melayu membentuk Malaysia atau *Federation of Malaysia*. Daripada itu, Sarawak semakin membangun dan terus berkembang dari segi ekonomi dan sosial masyarakat serta bebas daripada aktiviti pemburuan kepala, aktiviti perhambaan, kegiatan lanun dan pergaduhan antara kumpulan.

## **5.7 Relativisme Budaya dan Teori Konflik dalam Pola Perubahan Adat Pengkebumian Punan Bah**

Relativisme budaya, menekankan tidak ada sebarang kebudayaan yang mendominasi kebudayaan masyarakat lain. Dengan itu, setiap kebudayaan harus dinilai berdasarkan nilai yang didukung oleh pemilik budaya tersebut. Bagi orang luar pemahaman terhadap relativisme budaya amat membantu dalam memahami kebudayaan tradisional Punan Bah berdasarkan adat pengkebumian yang mereka amalkan terutamanya adat pengkebumian kelirieng. Keadaan ini disebabkan adat tersebut bukan sahaja penuh dengan nilai, kepercayaan dan budaya masyarakat. Malah tindakan mengorbankan manusia dalam upacara mendirikan kelirieng juga perlu difahami berdasarkan sudut pandangan sebagai seorang Punan Bah.

Begitu juga dengan aktiviti pemburuan kepala dan aktiviti perhamaan yang telah sekian lama menjadi tradisi masyarakat peribumi Sarawak termasuk Punan Bah. Aktiviti tersebut harus difahami berdasarkan keseluruhan nilai yang terkandung dalam semua pelaksanaan aktiviti tersebut seperti tujuannya dari sudut agama dan kepercayaan masyarakat tempatan, kepentingan sosial, konsep hero dalam masyarakat dan keselamatan masyarakat atau kumpulan pada waktu tersebut. Hanya dengan memahami keseluruhan nilai budaya berdasarkan kaca mata pemilik budaya sahaja sesebuah kebudayaan dapat difahami dengan cara yang betul dan seterusnya dapat dipertahankan.

Walaupun demikian, keadaan tersebut berubah apabila melibatkan dua golongan yang berbeza iaitu antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah. Penilaian dan pandangan yang berbeza terhadap sesebuah aktiviti atau tindakan antara dua pihak akan menwujudkan konflik yang menuntut perubahan harus dilakukan. Dasar ini selari dengan dasar utama yang menjadi tunjang dalam teori konflik Ralf Dahrendorf (1929 - 2009). Dasar pemerintah yang menggunakan kuasa dan kedudukan dengan cara

yang berbeza akhirnya mempengaruhi pelaksanaan dan menyebabkan perubahan dalam adat pengkebumian Punan Bah.

Relativisme budaya diamalkan oleh pemerintah kerajaan Brunei menerusi hak kebebasan bertindak yang diberikan kepada penduduk termasuk Punan Bah dalam memenuhi keperluan adat dan budaya masing-masing. Kebebasan tersebut termasuklah menjalani aktiviti memburu kepala dan melakukan aktiviti perhamaan. Ringkasnya, pemerintah tidak campur tangan dengan sebarang urusan yang melibatkan adat istiadat masyarakat. Tambahan pula, kerajaan Brunei bukanlah pemerintah yang begitu asing dengan kebudayaan tempatan dan Punan Bah kerana berada dan berkembang di kepulauan yang sama. Perbezaan yang jelas pada waktu tersebut hanyalah agama dan kepercayaan yang dianuti oleh pemerintah Brunei dengan penduduk peribumi Sarawak. Oleh yang demikian, kerajaan Brunei sudah sebatи dengan adat dan kebudayaan semua penduduk yang diperintahnya termasuklah adat yang dianggap tidak relevan pada pandangan masyarakat barat.

Dasar tidak campur tangan pemerintah dan sikap tidak bertanggungjawab pembesar Brunei dalam mengurus dan mentadbir Sarawak akhirnya menimbulkan konflik dalam kalangan pemerintah sendiri. Pemerintah Brunei mula berhadapan dengan konflik apabila rakyat mula memberontak kerana tidak berpuas hati dengan dasar pemerintahan yang dilaksanakan. Keadaan ini menimbulkan keadaan huru-hara yang tidak terkawal sehingga menyebabkan pemerintah tempatan iaitu Pangeran Muda Hashim meminta bantuan daripada kuasa luar bagi menghentikan huru-hara yang berlaku.

Berpunca daripada konflik yang dihadapi oleh pemerintah maka, bermulalah campur tangan kuasa asing terhadap sistem pemerintahan di Sarawak apabila Pangeran Muda Hashim menunaikan janji dengan mengangkat James Brooke sebagai Rajah Sarawak pada 24 September 1841. Sarawak yang pada waktu tersebut hanyalah kawasan Kuching, secara rasminya diserahkan kepada Rajah Brooke. Bermula daripada tahun

1841 hingga tahun 1905, kawasan Sarawak semakin berkembang sehingga kepada keluasan yang ada pada masa ini. Lawas merupakan kawasan terakhir yang menjadi sebahagian daripada Sarawak apabila kerajaan Brooke membeli Mukah daripada Syarikat Borneo Utara pada tahun 1905.

Bertukarnya pemerintah secara tidak langsung mengubah dasar pemerintahan yang dilakukan terhadap penduduk sesuai dengan keperluan dan nilai yang didukung oleh pemerintah tersebut. Relativisme budaya tidak diamalkan oleh Rajah Brooke apabila beliau menilai adat dan budaya tempatan menggunakan sudut pandangan yang berbeza iaitu sebagai orang luar yang jelas berbeza adat dan budayanya. Sebagai orang luar dan juga sebagai pemerintah, Rajah Brooke mendapati terdapat bahagian adat yang diamalkan oleh penduduk tempatan adalah ‘masalah besar’ yang harus diselesaikan. Bahagian adat yang dimaksudkan termasuklah aktiviti pemburuan kepala, aktiviti perhamaan dan aktiviti perlanunan.

Aktiviti yang dilaksanakan sejak turun temurun oleh masyarakat peribumi Sarawak tersebut merupakan konflik dalam pemerintahan Rajah Brooke. Berdasarkan nilai dan pandangan beliau, aktiviti pemburuan kepala dan aktiviti perhamaan adalah tindakan yang bertentangan dengan hak asasi manusia. Begitu juga dengan aktiviti perlanunan yang mengekang perkembangan ekonomi dan menggugat keamanan di Sarawak. Pada masa yang sama, semua aktiviti tersebut tidak boleh diterima berdasarkan kebudayaan masyarakat barat dan jelas mengganggu kelancaran pentadbiran beliau. Hal ini disebabkan aktiviti tersebut adalah punca kepada kekacauan dan huru-hara yang berterusan di Sarawak.

Konflik yang dihadapi oleh Rajah Brooke selaku pemerintah yang baru di Sarawak telah mendorong beliau mencari langkah yang paling berkesan untuk menyelesaikan konflik yang dihadapi. Dengan kuasa dan kedudukan yang ada sebagai seorang pemerintah, Rajah Brooke telah mewujudkan undang-undang yang sah digunakan

terhadap semua penduduk di bawah perintah beliau. Pembentukan undang-undang tersebut seterusnya menimbulkan konflik dalam kalangan penduduk termasuk Punan Bah. Konflik yang dihadapi oleh Punan Bah dan masyarakat lain di Sarawak menyebabkan mereka perlu membuat perubahan. Pada masa yang sama, mereka tidak mempunyai banyak pilihan selain daripada mengikut undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah.

Sekiranya Punan Bah gagal untuk beradaptasi dengan keperluan kebudayaan pada waktu tersebut, ianya sudah pasti menimbulkan konflik yang berbeza dan berterusan. Hal ini disebabkan mereka harus berhadapan dengan tindakan undang-undang dalam usaha untuk mempertahankan adat pengkebumian seperti yang sedia ada. Namun demikian, Punan Bah tidak menghadapi sebarang masalah dengan pemerintah kerana mereka telah berjaya menyesuaikan diri, beradaptasi dan membuat perubahan sesuai dengan tuntutan pemerintah dan keperluan kebudayaan pada waktu tersebut. Bermula daripada perubahan dasar pemerintah menerusi undang-undang yang diperkenalkan oleh Rajah Brooke, adat pengkebumian Punan Bah mula menerima perubahan.

### **5.7.1 Perubahan Bentuk Adat Pengkebumian *Kelirieng* kepada Adat Pengkebumian**

#### ***Salong***

Pada peringkat yang pertama, adat pengkebumian Punan Bah hanya mengalami perubahan bentuk tanpa mengubah nilai asal yang terkandung dalam praktik adat tersebut. Penukaran bentuk adat tanpa meninggalkan adat asal membuktikan Punan Bah berjaya menyesuaikan diri dengan perubahan, tanpa menghakis nilai kebudayaan yang sedia ada. Perubahan yang berlaku turut menimbulkan pertanyaan, mengapa Punan Bah tidak menghentikan sahaja adat pengkebumian *kelirieng* apabila adat tersebut bertentangan dengan dasar pemerintah? Hal ini disebabkan kekuatan dasar kepercayaan terhadap kuasa

dan kedudukan yang telah diabsahkan oleh Punan Bah sejak turun temurun terhadap raja sebagai pemerintah utama mereka. Daripada dasar itu, maka banyak *kelirieng* yang terdapat di sepanjang Sungai Bah dan di sekitar petempatan penduduk.

Dalam kebudayaan Punan Bah, tradisi pengkebumian *kelirieng* bukan semata-mata gambaran terhadap perbezaan status malah, kaya dengan nilai dan maksud yang tersembunyi. Untuk itu adat tersebut tidak hilang begitu mudah tanpa diganti dengan adat yang setaraf walaupun tidak diterima oleh pemerintah. Pertama, *kelirieng* menggambarkan kekuasaan dan kekuatan sistem pemerintahan beraja kerana ia menjelaskan wujudnya sebuah pemerintahan yang terancang dengan pembahagian golongan pemerintah dan diperintah. Fakta ini sekaligus sejajar dengan elemen yang ditekankan dalam teori konflik yang menyatakan wujudnya perbezaan sosial dalam semua kebudayaan masyarakat tanpa mengira tempat masyarakat tersebut berada.

Seorang raja tidak akan mempunyai pengikut yang setia atau kerajaannya akan runtuh sekiranya kedudukan beliau tidak diterima oleh orang kebanyakan untuk memerintah. Namun demikian kejayaan raja Punan Bah sebagai pemerintah menjadikan beliau bukan sahaja dihormati ketika masih hidup bahkan tetap diangkat martabatnya setelah meninggal dunia. Ini jelas berdasarkan adat pengkebumian *kelirieng* seorang raja yang disempurnakan dengan mengorbankan seorang manusia sebagai pengiktirafan dan persembahan yang paling suci pada waktu tersebut.

Tindakan tersebut sekaligus menunjukkan jurang perbezaan kelas dan kedudukan yang sangat jelas dalam kebudayaan Punan Bah sehingga menjadikan hamba sebagai korban untuk melengkapkan adat. Keadaan ini turut menunjukkan kekuatan kelas sosial Punan Bah sehingga golongan hamba tidak mempunyai hak untuk menentang atau mengelakkan diri daripada menjadi korban dalam upacara mendirikan *kelirieng*. Walaupun hamba tersebut memohon belas kasihan daripada orang ramai tetapi ianya

tidak diendahkan oleh semua yang berada di tempat kejadian. Kejadian tersebut memberi gambaran betapa tingginya martabat seorang raja dalam kebudayaan Punan Bah.

Selain itu, tingginya nilai adat pengkebumian *kelirieng* sehingga tidak boleh ditinggalkan begitu sahaja walaupuan bertentangan dengan dasar pemerintah turut dipengaruhi oleh pandangan Punan Bah terhadap alam, agama dan kepercayaan tradisional masyarakat. Kepercayaan yang dimaksudkan adalah kepercayaan terhadap kelahiran semula, di samping untuk menyelamatkan tulang-tulang dan kepala raja. Besarnya peranan dan tanggungjawab raja serta tingginya kepercayaan terhadap raja menyebabkan Punan Bah mengkebumikan raja mereka di dalam *kelirieng* dengan harapan raja tersebut akan dilahirkan semula dalam keadaan yang sempurna. Punan Bah percaya kelahiran semula dipengaruhi oleh cara individu tersebut dekebumikan. Individu yang tidak dikebumikan dengan baik akan lahir dalam keadaan yang kurang baik atau ‘bodoh’.

Dengan bersandarkan kepercayaan tersebut, raja harus dikebumikan dengan cara yang terbaik. *Kelirieng* menjadi adat pengkebumian yang terbaik untuk merealisasikan kepercayaan tersebut menerusi nilai dan makna setiap ukiran pada *kelirieng*. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, setiap ukiran pada *kelirieng* mempunyai makna kelahiran semula. Oleh yang demikian, ukiran yang terdapat pada *kelirieng* di sekitar petempatan Punan Bah mempunyai bentuk asas yang sama iaitu *tagulun* kerana nilai dan tujuan setiap *kelirieng* itu dibina adalah sama. Maka sebagai individu yang berkedudukan tinggi, dihormati dan disayangi oleh rakyat, seorang raja sudah pasti diharapkan untuk kembali semula selepas kematian berdasarkan kepercayaan penduduk terhadap konsep kelahiran semula.

Selain itu, pandangan Punan Bah terhadap alam kematian juga menjadi faktor penting mereka mengorbankan hamba dalam upacara mendirikan *kelirieng*. Dengan kepercayaan akan persamaan keadaan di alam kematian dengan kehidupan di dunia maka,

raja harus dilayan dan dijaga dengan baik oleh hambanya bukan sahaja di dunia bahkan juga di alam kematian. Kepercayaan ini secara tidak langsung menyebabkan hamba tidak mendapat belas kasihan semasa upacara mendirikan *kelirieng* dilakukan. Ini disebabkan kepercayaan dengan adanya hamba menemani seorang raja, raja Punan Bah akan ‘hidup’ senang di alam kematian sama seperti kehidupannya di dunia.

Dalam pada itu, kejayaan upacara mendirikan *kelirieng* juga dipengaruhi oleh fenomena sosial di Borneo yang berlangsung pada waktu tersebut. Dasar tidak campur tangan kerajaan Brunei terhadap adat istiadat penduduk menyebabkan aktiviti pemburuan kepala dan perhamaan dilakukan dengan berleluasa. Keberlangsungan adat ini, menyebabkan konflik berlaku dalam kalangan penduduk apabila adat pengkebumian *kelirieng* harus dilakukan supaya kepala raja tidak dicuri oleh musuh. Melalui aktiviti tersebut juga, hamba diperolehi dengan mudah kerana musuh bukan sahaja boleh dibunuh untuk mendapatkan kepala malah boleh ditangkap untuk dijual dan dijadikan hamba.

Dua dasar utama yang jelas memberi kesan kepada adat pengkebumian Punan Bah adalah dasar menghentikan aktiviti pemburuan kepala dan pengharaman aktiviti perhamaan oleh Rajah Brooke. Sekiranya dua aktiviti ini tidak dapat dihentikan, keamanan di Sarawak menjadi perkara yang mustahil untuk direalisasikan. Ini kerana aktiviti tersebut membentuk banyak kumpulan yang bermusuhan dan saling membunuh, sama ada antara kumpulan yang sama kaum ataupun berbeza. Namun demikian, usaha berterusan tiga orang Rajah Brooke selama 105 tahun telah berjaya menghentikan aktiviti pemburuan kepala di seluruh Sarawak.

Dengan pengharaman dan terhentinya aktiviti tersebut menyebabkan sosioekonomi dan sistem pemerintahan tradisional penduduk di Sarawak terutamanya Punan Bah berhadapan dengan perubahan. Apabila penduduk tidak boleh memburu manusia sama ada untuk dijual atau dijadikan hamba mahupun dibunuh untuk mendapatkan kepala, kepentingan adat pengkebumian *kelirieng* tidak lagi seperti yang asal. Hal ini disebabkan

tulang-tulang raja Punan Bah adalah selamat dan tidak perlu untuk diletakkan di dalam *kelirieng*.

Walaupun demikian, perubahan tersebut bukan sebab utama adat pengkebumian *kelirieng* tidak diamalkan oleh Punan Bah. Sebab utama adat pengkebumian *kelirieng* tidak diamalkan oleh Punan Bah adalah disebabkan pengharaman aktiviti perhambaan oleh pemerintah. Manusia bukan sahaja tidak boleh ditangkap untuk dijadikan hamba malah, individu yang berkhidmat sebagai hamba harus dibebaskan dan menjadi orang kebanyakan. Dasar tersebut sekaligus menghapuskan stratifikasi sosial Punan Bah dan adat pengkebumian *kelirieng* yang harus mengorbankan manusia tidak dapat dilaksanakan.

Hal ini disebabkan korban manusia tidak boleh diganti dengan korban binatang sama ada khinzir atau ayam. Jika dalam upacara-upacara ritual yang lain, binatang korban sama ada ayam atau khinzir boleh ditukar ganti tetapi korban manusia tidak boleh diganti dengan sebarang makhluk hidup yang lain kerana tujuan dan nilai yang terkandung dalam upacara mengorbankan manusia tidak boleh diganti oleh binatang. Ringkasnya, keadaan ini sama dengan kehidupan sehari-hari, binatang tidak dapat melaksanakan tanggungjawab seperti yang dilaksanakan oleh manusia, begitu juga dengan di alam kematian.

Dengan itu, adat pengkebumian *kelirieng* telah pun digantikan dengan adat pengkebumian *salong*. Perubahan ini seajar dengan perumpamaan seperti yang telah dikemukakan oleh Boi Kesai (2014)<sup>xxxix</sup> dalam temu bual, yang menyatakan ‘dahan yang patah akan diganti dengan dahan yang baru’ bukan sahaja menjelaskan kehidupan sehari-hari malah menerangkan fenomena perubahan adat yang telah berlaku. Kejayaan Punan Bah beradaptasi dengan perubahan dan konflik yang dihadapi menyebabkan adat pengkebumian *kelirieng* tidak ditinggalkan begitu sahaja tetapi telah diganti dengan adat baru sesuai dengan keperluan pada masa tersebut.

Dengan mempratikkan adat pengkebumian *salong*, penerimaan kebudayaan luar mula dikenal pasti dalam adat pengkebumian Punan Bah. Walaupun hanya terdapat dua buah *salong* di Punan Bah, ia tetap membuktikan kebudayaan ini telah menerima dan beradaptasi dengan kebudayaan lain melalui proses asimilasi kerana Punan Bah menjelaskan adat pengkebumian *salong* berasal daripada masyarakat Kayan. Keadaan ini sekaligus menunjukkan Punan Bah dan Kayan telah mempunyai hubungan yang baik sejak daripada nenek moyang mereka dahulu. Pada masa yang sama, pemilihan adat pengkebumian *salong* turut disebabkan wujudnya perasamaan tujuan dan nilai adat tersebut dengan adat pengkebumian *kelirieng*.

Namun demikian, sebab utama yang menjadikan adat pengkebumian *salong* diterima dan sebat dengan kebudayaan Punan Bah adalah disebabkan adat tersebut tidak bertentangan dengan undang-undang Brooke. Perkara ini disebabkan adat pengkebumian *salong* disempurnakan tanpa memerlukan korban manusia seperti yang dilakukan dalam adat pengkebumian *kelirieng*. Apabila aktiviti pemburuan kepala dan aktiviti perhambaan menjadi satu jenayah, ini tidak menjaskankan adat pengkebumian *salong* kerana adat ini hanya dilaksanakan dengan mengorbankan khinzir. Oleh yang demikian, adat ini berlangsung tanpa sebarang kekangan daripada pemerintah.

Dalam pada itu, perubahan yang berterusan akhirnya menyebabkan adat pengkebumian *salong* tidak lagi diamalkan dan merupakan bentuk adat pengkebumian kedua yang ditinggalkan oleh Punan Bah. Puwing Daud (2014)<sup>x1</sup> menjelaskan dalam temu bual, adat pengkebumian *salong* tidak lagi diamalkan oleh Punan Bah disebabkan tidak ada individu yang pandai membuat *salong*. Pernyataan beliau menunjukkan pengetahuan yang tidak diwariskan menjadi elemen penting yang menyebabkan adat tersebut tidak dapat dilaksanakan. Ini kerana sehingga tahun 2014, Punan Bah masih mempunyai raja yang bernama Laja Kupa dan beliau meninggal dunia pada 8 Mei 2015.

### **5.7.2 Perubahan Nilai dan Bentuk Adat: Perubahan Agama dan Kepercayaan**

Daripada hanya perubahan bentuk fizikal, dasar pemerintahan Brooke turut memberi kesan kepada perubahan nilai dan bentuk adat pengkebumian Punan Bah contohnya dengan kemasukan mualigh Kristian ke Sarawak. Kejadian ini penting kerana Kristiansasi menjadi permulaan berlakunya perubahan agama dan pandangan hidup penduduk tempatan. Walaupun tidak dapat dibuktikan sama ada Punan Bah yang beragama Kristian pada hari ini telah memeluk agama Kristian semasa diperintah Brooke ataupun pada masa lain yang selepasnya. Tanpa mengetahui masa yang tepat, perubahan agama dan kepercayaan telah meninggalkan kesan yang jelas terhadap perubahan nilai dan adat pengkebumian Punan Bah sehingga ke masa ini.

Keadaan ini disebabkan penduduk yang bergama Kristian tidak lagi mengamalkan adat pengkebumian tradisional termasuklah upacara-upacara ritual dalam mengurus kematian. Begitu juga dengan sebilangan kecil penduduk yang telah memeluk agama Islam. Agama Islam bukan agama baru yang baru bertapak dalam kebudayaan Punan Bah, bahkan lebih awal daripada kemasukan agama Kristian. Walaupun tidak ada rekod yang menjelaskan tempoh agama Islam mula bertapak di Punan Bah, namun latar sejarah dan tinggalan objek kebudayaan di Punan Bah menjadi bukti penting yang menjawab kenyataan ini.

Dalam pada itu, bukti kekuasaan sultan Brunei di Punan Bah ditunjukkan dengan terdapatnya sebuah meriam milik Sultan Brunei yang masih disimpan di rumah ketua Punan Bah. Janong Begelin (2016),<sup>xli</sup> menjelaskan dalam temu bual tentang Punan Bah mempunyai hubungan yang baik dengan komuniti Islam sejak di bawah perintah kerajaan Brunei. Moyang beliau merupakan penduduk Punan Bah pertama yang memeluk agama Islam apabila telah berkahwin dengan lelaki Melayu dari Brunei yang ketika itu datang ke pedalaman Belaga untuk mencari nasib atau kehidupan yang lebih baik di tempat tersebut.

Selain itu, hubungan Punan Bah dengan agama Islam bukan sahaja wujud dalam kalangan rakyat biasa sahaja bahkan, raja Punan Bah yang bernama Mering juga seorang yang beragama Islam. Terdapat sebuah tempat yang menyerupai kubur Islam di Punan Bah. Namun Janong Begelin (2016)<sup>xiii</sup> menjelaskan tempat tersebut yang dikenali sebagai *mesegit* sebenarnya bukan kubur tetapi sebuah tempat yang dibina dan digunakan oleh orang Islam dari pekan Belaga. Dahulu, mereka datang ke tempat tersebut di Punan Bah untuk menghantar barang-barang nazar setelah mereka berjaya mencapai sesebuah rancangan atau hajat. *Mesegit* tersebut dibina oleh orang Islam dari pekan Belaga semasa raja Punan Bah Mering memerintah.

Bagi Punan Bah yang beragama Islam dan Kristian, mereka akan menguruskan kematian dan pengkebumian mengikut aturan agama masing-masing. Oleh yang demikian, perubahan agama menjadi sebab lazim yang kukuh untuk menerangkan kumpulan yang tidak lagi mengamalkan sebarang upacara dan adat pengkebumian tradisional. Keadaan ini disebabkan individu berukar agamanya, secara tidak langsung akan meninggalkan hal-hal yang bertentangan dengan kepercayaan dan agamanya yang baru. Kumpulan ini sering menyatakan agama dan kepercayaan mereka telah pun berubah maka keseluruhan pandangan hidup, pandangan terhadap dunia dan pandangan terhadap alam kematian penganut juga berubah.

Pemerintah di Sarawak terus bertukar apabila Sarawak berada di bawah jajahan Jepun dalam tempoh hampir lima tahun, daripada awal bulan Disember 1941 hingga bulan September 1945; tujuh bulan di bawah Pentadbiran Tentera dan 17 tahun di bawah pentadbiran *Crown Colony* sehinggalah Sarawak bergabung dengan Sabah, Singapura dan Tanah Melayu untuk membentuk *Federation of Malaysia*. Walaupun mengalami banyak pertukaran pemerintah seperti yang telah dinyatakan, dasar yang diamalkan oleh semua pemerintah tersebut tidak menampakkan sebarang pengaruh langsung terhadap perubahan adat pengkebumian Punan Bah.

### **5.7.3 Perubahan Nilai dan Pratik Adat: Perkembangan Sistem Pendidikan dan Perubahan Aktiviti Ekonomi**

Adat pengkebumian Punan Bah tidak berhenti daripada mengalami perubahan nilai dan bentuk sesuai dengan sifat adat pengkebumian sebagai sebuah kebudayaan. Hal ini menunjukkan konflik yang berterusan berlaku dalam kehidupan dan kebudayaan penduduk. Perkara ini semakin jelas apabila Sarawak terus membangun sejarah dengan sebuah negara bangsa yang berkembang setelah menyertai pembentukan negara Malaysia. Dalam pada itu, dari semasa ke semasa terdapat bahagian adat pengkebumian yang tidak lagi diamalkan, terdapat bahagian adat yang diubah bentuknya dan ada adat baru dari kebudayaan lain yang diterima dan diamalkan oleh Punan Bah dalam adat kematian dan pengkebumian mereka.

Daripada perubahan bentuk fizikal yang berpunca daripada konflik yang didasari oleh perubahan dasar pemerintah, adat pengkebumian Punan Bah seterusnya mengalami perubahan nilai dan pratik adat yang diamalkan. Perubahan tersebut didorong oleh konflik dalaman yang dialami dalam kebudayaan dan Punan Bah, tanpa pengaruh langsung daripada dasar pemerintah. Maka untuk terus kekal, keseimbangan harus dicapai antara kebudayaan Punan Bah dengan keperluan kebudayaan semasa. Untuk itu, Punan Bah harus membuat keputusan sesuai dengan konflik yang dihadapi pada waktu tersebut kerana sosiobudaya Punan Bah yang sering berubah dan tidak lagi seperti dahulu.

Elemen pertama yang mempengaruhi perubahan nilai dan pratik adat pengkebumian Punan Bah adalah perkembangan sistem pendidikan. Keadaan ini disebabkan golongan muda Punan Bah keluar dari petempatan untuk mendapatkan pendidikan formal di sekolah sama ada di pekan maupun di bandar. Untuk itu, mereka tidak hanya mempelajari ilmu pengetahuan tradisional daripada ahli keluarga masing-masing seperti mempelajari petanda alam dan pantang larang semasa bertani. Mereka

juga mempelajari pelbagai jenis ilmu pengetahuan lain seperti yang telah ditetapkan dalam sukanan pelajaran di sekolah.

Elemen yang kedua yang menyebabkan perubahan adat pengkebumian Punan Bah adalah perubahan aktiviti ekonomi penduduk. Keadaan ini menyebabkan penduduk Punan Bah perlu berhijrah dari petempatan Punan Bah ke tempat yang berdekatan dengan tempat kerja sama ada ke pekan mahupun ke bandar seperti ke Kapit dan bandar Bintulu. Kebanyakkhan Punan Bah pada masa ini telah terlibat dengan kegiatan ekonomi moden seperti terlibat dalam bidang pendidikan, perkilangan, perladangan dan kesihatan. Perubahan bidang pekerjaan menyebabkan penduduk tidak berada di rumah panjang atau di petempatan Punan Bah sepanjang tahun. Kumpulan ini akan tinggal berdekatan tempat kerja masing-masing sama ada di pekan mahupun di bandar.

Perkembangan sistem pendidikan dan perubahan bidang pekerjaan secara tidak langsung mengubah persekitaran hidup penduduk. Keadaan tersebut secara tidak langsung menimbulkan konflik dalam diri dan kebudayaan Punan Bah sehingga mengubah pandangan hidup individu yang kemudiannya mengubah nilai dan pratik adat pengkebumian yang dilakukan. Perubahan persekitaran hidup menjadi elemen penting yang mengubah adat pengkebumian Punan Bah. Keadaan ini disebabkan kebudayaan Punan Bah tidak lagi berkembang dalam lingkungan komuniti yang sama seperti sebelum mereka mendapatkan pendidikan formal di sekolah dan semasa mereka masih bergantung sepenuhnya kepada aktiviti ekonomi tradisional.

Sebelum mendapatkan pendidikan formal di sekolah dan semasa masih menjalankan aktiviti ekonomi tradisional, Punan Bah tidak perlu berhijrah ke tempat lain sama ada ke bandar mahupun ke pekan. Untuk itu, mereka hanya berkembang dalam lingkungan kebudayaan dan komuniti yang sama tanpa terdedah kepada kebudayaan lain yang berbeza daripada kebudayaan mereka. Dengan hanya berkembang dalam lingkungan komuniti dan kebudayaan yang sama, Punan Bah tidak berhadapan dengan

konflik yang menuntut adanya perubahan untuk dilakukan dalam adat pengkebumian mereka. Namun demikian, konflik yang berlaku menyebabkan Punan Bah harus melakukan perubahan dalam adat pengkebumian mereka, sejajar dengan keperluan kebudayaan semasa.

#### **5.7.4 Perubahan Nilai dan Upacara Adat**

Bertumbuh daripada konflik yang dihadapi oleh Punan Bah, akhirnya mengubah nilai dan upacara yang terkandung dalam adat pengkebumian yang dilakukan. Dalam pada itu, upacara pertama yang tidak lagi diamalkan oleh Punan Bah dalam adat kematian mereka adalah upacara *pasetou*. Upacara ini bertujuan untuk mengiring semangat mendiang ke alam kematian supaya sampai dengan selamat. Keadaan ini berlaku disebabkan Punan Bah telah kehilangan pakar untuk meneruskan upacara ini. Walaupun ada sebilangan kecil golongan tua Punan Bah yang mengetahui cara untuk mengendalikan upacara *pasetou*, namun ia tidak memadai untuk melakukan upacara tersebut. Hal ini disebabkan hanya individu yang digelar pakar dalam upacara tersebut sahaja yang boleh melaksanakan upacara *pasetou*.

Mengapa Punan Bah tidak lagi mengamalkan upacara *pasetou* semasa berlakunya kematian? Keadaan ini disebabkan kepakaran untuk melaksanakan upacara tersebut gagal untuk diwariskan kepada generasi yang seterusnya. Kegagalan ini berpunca daripada konflik yang dihadapi oleh penduduk rentetan daripada perubahan sosio-budaya yang telah berlaku. Konflik berlaku apabila semakin ramai golongan muda Punan Bah mula keluar meninggalkan petempatan untuk mendapatkan pendidikan dan bekerja di pekan mahupun di bandar-bandar besar. Keadaan tersebut menyebabkan golongan muda tidak mempunyai kesempatan untuk belajar sehingga akhirnya upacara *pasetou* Punan Bah tidak mempunyai pewaris dan sekaligus tidak dapat dilaksanakan.

Perubahan persekitaran hidup tanpa disedari telah mewujudkan konflik dalam kebudayaan Punan Bah yang perlahan-lahan mengubah pandangan hidup penduduk. Perubahan tersebut secara tidak langsung telah mempengaruhi minat dan pandangan masyarakat terhadap nilai sesbuah upacara. Mengambil satu contoh, jika berdasarkan kepercayaan tradisional, semangat akan hidup di alam kematian sama seperti kehidupan di dunia. Namun demikian, apabila agama dan kepercayaan lain seperti agama Kristian dan agama Islam mula diterima dalam kebudayaan Punan Bah, kepercayaan terhadap alam kematian turut berubah dengan kewujudan syurga dan neraka. Oleh yang demikian, semangat si mati tidak perlu diiringi ke alam kematian dan sekaligus menyebabkan *pasetou* tidak lagi diamalkan.

### **5.7.5 Perubahan Pandangan Terhadap Kubur dan Bentuk Kubur**

Dalam pada itu, perubahan dan perkembangan semasa turut membentuk konflik yang berbeza ke dalam adat pengkebumian Punan Bah. Keadaan ini berlaku apabila wujudnya interaksi kebudayaan luar dengan Punan Bah. Ini terbukti dengan berubahnya pandangan Punan Bah terhadap kubur. Menurut kepercayaan tradisional, Punan Bah ditegah untuk ke tapak perkuburan tanpa tujuan yang khusus seperti menghantar makanan kepada semangat si mati sebelum melakukan upacara pengkebumian kedua. Tindakan ini disebabkan dasar kepercayaan Punan Bah yang menganggap kubur sebagai tempat yang ‘tidak bersih’ atau kotor.

Pandangan tersebut telah berubah apabila wujudnya interaksi kebudayaan dengan masyarakat lain khususnya dengan masyarakat Cina. Interaksi antara dua masyarakat ini berlaku melalui pelbagai cara sama ada melalui perkahwinan campur, pemerhatian mahupun pengalaman individu. Interaksi yang telah lama terbentuk, akhirnya membentuk asimilasi budaya apabila sebahagian masyarakat Punan Bah mula melawat

kubur setiap tahun iaitu semasa musim perayaan *bungan*. Tindakan tersebut ditegaskan oleh Puwing Daud (2017) selaku individu yang arif tentang tradisi dan adat pengkebumian Punan Bah.

Punan Bah yang melawat kubur ahli keluarga mereka akan membawa pelbagai jenis makanan dan minuman untuk dimakan semangat mendiang. Mereka turut membersihkan kubur serta kawasan di sekitarnya. Walaupun demikian, sebilangan besar Punan Bah pada masa ini masih mewarisi kepercayaan asal nenek moyang mereka, dengan tidak ke kubur walaupun semasa musim perayaan. Sama ada melawat kubur atau tidak, setiap keluarga Punan Bah berhak sepenuhnya untuk membuat keputusan masing-masing. Hal ini disebabkan setiap institusi keluarga Punan Bah pada masa ini berkembang dalam lingkungan kebudayaan yang berbeza tidak lagi seperti dahulu.

#### **5.7.6 Perubahan Bentuk dan Nilai Adat Pengkebumian**

Sejajar dengan perkembangan semasa dan perubahan yang berterusan, hubungan Punan Bah dengan kebudayaan moden seterusnya membentuk konflik yang mengubah nilai dan bentuk adat pengkebumian yang diamalkan. Perubahan bentuk adat pengkebumian berlaku semula apabila bentuk kubur Punan Bah turut berubah daripada bentuk yang asal. Bentuk kubur bagi rakyat biasa Punan Bah sebelum ini kurang menamparkan kepelbagaian bentuk. Kesemuanya bentuk kubur adalah hampir sama kerana Punan Bah dahulu berpegang kepada kepercayaan dan berkembang dalam lingkungan kebudayaan yang sama.

Pada masa ini, bentuk kubur Punan Bah telah berubah sesuai dengan perubahan nilai yang berlaku iaitu tapak kubur yang luas, ditutup dengan mozek dan beratapkan zink menandakan mendiang berasal daripada keluarga berada. Dahulu, keadaan ini digambarkan menerusi *kelirieng* atau *salong* serta pengendalian adat pengkebumian

kedua. Bentuk kubur Punan Bah yang ada pada masa ini juga menggambarkan agama mendiang sama ada beragama Islam, Kristian atau *Bungan*. Penggunaan kayu nisan menunjukkan agama Islam, penggunaan kayu salib menandakan agama Kristian dan yang bertanda *sengayuh* serta terdapat bentuk perahu pada bahagian atas kubur menandakan agama *Bungan*.

Kawasan tapak pengkebumian Punan Bah turut mengalami perubahan. Secara tradisi, Punan Bah tidak mempunyai kawasan atau tapak perkuburan yang tetap. Tapak pengkebumian Punan Bah bertaburan di banyak tempat di sekitar kawasan hutan Punan Bah. Keadaan ini disebabkan Punan Bah dahulu akan dikebumikan di kawasan tanah masing-masing. Kebiasaan tersebut mula berubah apabila pemerintah di bawah kerajaan Rajah Brooke menyarankan agar semua penduduk mewujudkan sebuah kawasan perkuburan bagi setiap petempatan. Bertumbuh daripada itu dan tanpa mengetahui tempoh yang sebenar ianya berlaku maka, wujudlah kawasan perkuburan Punan Bah seperti yang ada pada hari ini.

Selain itu, tempoh berkabung Punan Bah juga telah berubah sesuai dengan keperluan penduduk pada masa ini. Sekiranya dahulu, tempoh berkabung selama seratus hari merupakan tempoh yang lazim bagi ahli keluarga mendiang untuk semua kematian dalam kalangan orang kebanyakan. Namun, pada masa ini tempoh tersebut tidak lagi dianggap relevan kerana dalam tempoh tersebut ahli keluarga mendiang tidak dapat melaksanakan sebarang aktiviti ekonomi dan juga aktiviti lain seperti yang telah dinyatakan dalam adat berkabung Punan Bah.

Memandangkan pada masa ini keberlangsungan aktiviti ekonomi Punan Bah lebih bersifat organik keana setiap keluarga perlu bekerja untuk memenuhi keperluan sehari-hari keluarga masing-masing. Maka, tempoh berkabung yang lama seperti dahulu tidak lagi dapat dilaksanakan. Untuk itu, tempoh berkabung Punan Bah telah diubah dengan merujuk kepada perkembangan anak bulan seperti yang telah dibincangkan. Tempoh

berkabung yang tidak panjang seperti dahulu tidak memberi kesan kepada aktiviti ekonomi penduduk. Pada masa yang sama, ianya mustahil untuk mendapatkan cuti yang panjang daripada majikan bagi yang tidak bekerja sendiri untuk tujuan berkabung.

Begitu juga dengan pelaksanaan adat pengkebumian kedua bagi orang kebanyakan. Dalam kebudayaan masyarakat Punan Bah yang asal, adat pengkebumian kedua merupakan sebuah upacara yang lazim dan wajib untuk dilaksanakan. Namun begitu, adat ini tidak terkecuali daripada menerima perubahan seperti bahagian adat yang lain. Pada peringkat pertama, adat ini dilaksanakan dengan boleh membuat pilihan kepada keluarga mendiang sama ada hendak mengadakan upacara pengkebumian kedua untuk mendiang ataupun sebaliknya. Daripada berbentuk pilihan, adat pengkebumian kedua pada masa ini tidak lagi diamalkan oleh Punan Bah.

Puwing Daud (2015) turut menjelaskan adalah mustahil untuk melaksanakan adat pengkebumian kedua dalam keadaan sosioekonomi dan kebudayaan Punan Bah pada masa ini. Ianya disebabkan keperluan dan kebudayaan Punan Bah pada masa ini amatlah berbeza dengan Punan Bah semasa zaman tradisional. Dahulu Punan Bah tinggal menetap di rumah panjang kerana mereka bekerja sebagai petani, pemburu dan juga meramu. Maka, adat istiadat yang perlu dilaksanakan sebelum upacara pengkebumian kedua dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan. Ahli keluarga mendiang dapat menghantar makanan ke tapak pengkebumian sementara setiap hari tanpa sebarang masalah.

Keperluan tersebut mustahil untuk dipenuhi pada masa ini kerana kebanyakan Punan Bah tidak tinggal sepanjang tahun di petempatan Punan Bah. Mereka tinggal berdekatan dengan tempat kerja masing-masing sama ada di bandar atau di pekan. Untuk itu, adat pengkebumian kedua tidak dapat dilakukan kerana terdapat bahagian adat yang tidak dapat dipenuhi pada masa ini. Ini kerana, pelaksanaan adat pengkebumian kedua tanpa memenuhi setiap keperluan adat dengan sempurna akan menimbulkan masalah

kepada penduduk. Oleh itu, semua adat pengkebumian Punan Bah pada masa ini dilaksanakan secara tetap iaitu dikebumikan sekali sahaja.

Walaupun konflik yang dihadapi oleh Punan Bah telah menyebabkan perubahan bentuk dan nilai adat pengkebumian Punan Bah, terdapat juga bahagian adat tradisional yang masih mereka amalkan hingga ke hari ini. Bahagian adat yang dimaksudkan adalah kepercayaan terhadap tempoh tiga hari, lima hari dan tujuh hari sebagai tempoh masa yang ‘baik’ untuk menjaga jenazah di rumah. Begitu juga dengan kepercayaan terhadap tempoh dua hari, empat hari dan enam hari jenazah dijaga di rumah sebagai tempoh masa yang ‘tidak baik’ atau ‘membawa malang’. Adat ini masih diamalkan dan dipercayai oleh Punan Bah hingga ke masa ini.

## **5.8 Proses Sintesis Perubahan Adat Pengkebumian Punan Bah**

Perbincangan berkenaan dengan fenomena perubahan adat pengkebumian Punan Bah seperti yang telah dijelaskan tampak selari dengan teras teori konflik Ralf Dahrendorf (1929 - 2009). Dalam pada itu, perubahan yang berlaku secara dasarnya berpunca daripada kegagalan Rajah Brooke mengamalkan relativisme budaya terhadap kebudayaan masyarakat tempatan. Pada masa yang sama relativisme budaya yang diamalkan oleh pemerintah kerajaan Brunei turut menimbulkan masalah apabila keadaan menjadi huruhara dan tidak terkawal di Sarawak.


Tanpa mengamalkan relativisme budaya, Rajah Brooke bertindak sedaya upaya untuk menyelesaikan kebiasaan yang menimbulkan konflik kepada beliau di dalam pemerintahannya. Pada peringkat yang seterusnya, seperti yang telah dibincangkan teras yang didasari dalam teori konflik mengambil alih fenomena perubahan yang telah berlaku dalam adat pengkebumian Punan Bah. Argumen teori konflik yang pertama, menyatakan semua kumpulan masyarakat dalam semua hal akan akur kepada proses perubahan dan

perubahan sosial akan berlaku di semua tempat. Tanpa mengira ketua, bilangan penduduk, pandangan hidup mahupun pandangan terhadap alam kematian, Punan Bah telah menyesuaikan diri dengan proses perubahan mahupun perubahan sosial yang berlaku. Hal ini terbukti berdasarkan semua perubahan yang telah dilakukan dalam adat pengkebumian bersesuaian dengan keperluan kebudayaan semasa.

Seterusnya, argumen teori konflik yang kedua menjelaskan wujudnya perbezaan dan pertentangan sosial tanpa mengira tempat turut jelas berlaku dalam kebudayaan Punan Bah. Perkara ini jelas dengan kewujudan stratifikasi sosial Punan Bah tanpa mengira keberadaan kumpulan ini yang tinggal di kawasan pedalaman. Pertentangan sosial tersebut telah membentuk perbezaan dari segi tatacara dalam adat pengkebumian dan perbezaan spiritual yang diterjemahkan melalui bentuk-bentuk sakral antara golongan kelas pertama dan kedua. Pertentangan sosial yang berlaku dalam kebudayaan Punan Bah secara tidak langsung mempengaruhi pandangan mereka terhadap golongan hamba sehingga hamba boleh digunakan sebagai korban untuk mendirikan *kelirieng*.

Elemen seterusnya dalam teori konflik adalah peranan masyarakat yang menyumbang kepada perpecahan sosial dan perubahan yang berlaku. Daripada sekumpulan masyarakat yang mempunyai kesatuan dan persamaan dari segi pekerjaan, agama dan kepercayaan, pandangan hidup, pandangan terhadap alam kematian dan persamaan adat kematian pada masa dahulu. Kini, kebudayaan Punan Bah telah pun mengalami perpecahan disebabkan oleh perbezaan lima elemen tersebut. Walaupun bentuk kebudayaan Punan Bah tidak lagi seperti dahulu, kesatuan sebagai sebuah kumpulan masyarakat tetap utuh dalam kehidupan mereka tanpa mengira sebarang perbezaan.

Dalam pada itu, pola perubahan adat pengkebumian Punan Bah boleh dilihat dalam rajah di bawah.



Rajah 5.1: Corak perubahan adat pengkebumian Punan Bah

Rajah tersebut menggambarkan bagaimana konflik yang dihadapi Punan Bah mengubah satu persatu tatacara adat pengkebumian yang mereka amalkan. Pola perubahan adat pengkebumian Punan Bah seperti yang telah dibincangkan akhirnya membentuk satu proses sintesis seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 5.2: Proses sintesis perubahan adat pengkebumian Punan Bah

Rajah tersebut membuktikan dasar pemerintah menjadi elemen terpenting yang mempengaruhi perubahan adat pengkebumian yang berlaku. Seterusnya, walaupun tanpa campur tangan pemerintah adat pengkebumian Punan Bah terus mengalami perubahan sejajar dengan perkembangan, perubahan dan konflik semasa yang berterusan.

Perkembangan ekonomi, pendidikan, perubahan agama, perkembangan teknologi dan hubungan dengan kebudayaan luar menyebabkan Punan Bah bebas untuk menentukan bentuk adat pengkebumian mereka. Untuk itu, setiap keluarga berhak penuh membuat keputusan untuk menentukan bentuk adat pengkebumian yang hendak dilakukan kerana pada masa ini keluarga Punan Bah berkembang dalam kebudayaan, tempat dan persekitaran yang berbeza.

## **5.9 Rumusan**

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam bab ini, mendapati kebudayaan Punan Bah telah melalui dasar pemerintahan yang pelbagai. Bertumbuh daripada relativisme budaya yang diamalkan oleh pemerintah, keadaan tersebut telah membentuk konflik yang berlainan sekaligus mengubah corak adat pengkebumian Punan Bah. Di bawah kerajaan Brunei, Punan Bah bebas menjalankan adat kematian tanpa campur tangan pemerintah. Dalam tempoh ini juga, sistem kelas Punan Bah begitu berpengaruh dengan terdapatnya seorang raja yang mengetuai kumpulan. Disebabkan kepercayaan dan kebergantungan terhadap raja pada waktu tersebut telah mewujudkan semangat kesetiaan yang tinggi dalam kalangan rakyat biasa dan hamba.

Apabila Sarawak diserahkan kepada James Brooke, keluarga Brooke yang digelar Rajah Sarawak membentuk sebuah kerajaan yang begitu berpengaruh dan tanpa mengamalkan relativisme budaya dalam beberapa bahagian adat penduduk tempatan. Ini terbukti berdasarkan kejayaan dasar pemerintahan keluarga Brooke yang mengubah banyak perkara dalam kehidupan penduduk tempatan. Dengan membentuk undang-undang, dasar pemerintahan Brooke selama 105 tahun berjaya mewujudkan keamanan di Sarawak sehingga Sarawak merdeka bersama dengan pembentukan Malaysia. Dasar pemerintahan Brooke memberi kesan yang ketara terhadap perubahan adat pengkebumian Punan Bah.

Manakala, setelah merdeka adat pengkebumian Punan Bah telah berubah dengan sendiri berdasarkan keputusan yang dibuat oleh Punan Bah sendiri. Ini jelas berdasarkan terdapat bahagian adat pengkebumian yang ditinggalkan, diubahsuai dan penerapan adat-adat baru dalam adat kematian dan pengkebumian penduduk. Keseluruhan perubahan yang berlaku jelas sejajar dengan relativisme budaya dan teori konflik Ralf Dahrendorf (1929-2009) seperti yang telah dibincangkan.

## BAB 6: PENUTUP

### 6.1 Pendahuluan

